



Laporan Tahunan 2024



مَحَلِّيٌّ بَادْرَىٰ فَاسِيرُ كُوَنْغُ
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG
Bandar Raya Industri Dan Pelabuhan



Laporan Tahunan 2024



ISI KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN 2024 • MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

01

02

PENGENALAN

Perutusan Datuk Bandar	2
Visi, Misi dan Objektif	3
Piagam Pelanggan	4
Kawasan Pentadbiran	5
Bendera Rasmi	6
Logo Rasmi	7
Logo Dynamic	8
Lagu Rasmi	9
Carta Organisasi	10
Barisan Kepimpinan MBPG	11
Ahli-Ahli Majlis MBPG	12

LAPORAN JABATAN, BAHAGIAN DAN UNIT

Jabatan Khidmat Pengurusan	1
• Bahagian Sumber Manusia	2
• Bahagian Pentadbiran Am	3
Jabatan Kewangan	4
Jabatan Perancang Bandar Dan Landskap	5
• Bahagian Kawalan Perancangan	6
• Bahagian Rancangan Kemajuan	7
• Bahagian GIS	8
• Bahagian Landskap	9
Jabatan Bangunan	10
• Bahagian Kelulusan Bangunan	11
• Bahagian Kawalan Bangunan	12
• Bahagian Pembangunan Projek	13
Jabatan Kejuruteraan	14
• Bahagian Kejuruteraan	15
Jabatan Kesihatan Awam, Persekitaran Dan Pelesenan	16
• Bahagian Alam Sekitar Dan Keselamatan Industri	17
• Unit Kesihatan Am	18
• Unit Kebersihan	19
• Unit Pelesenan	20
• Unit Klinik	21
	22

Jabatan Penilaian Harta Dan Pesuruhjaya Bangunan	1
• Bahagian Penilaian	2
• Bahagian Pesuruhjaya Bangunan	3
Jabatan Pengurusan Harta Dan Komersial	4
• Bahagian Pengurusan Harta	5
• Bahagian Penyelenggaraan Aset	6
Jabatan Penguatkuasaan	7
Jabatan Kesejahteraan Komuniti Dan Pelancongan	8
• Bahagian Pembangunan Sosial	9
• Bahagian Pembangunan Komuniti	10
• Bahagian Pelancongan	11
Bahagian Audit Dalam Dan Integriti	12
• Unit Audit Dalam	13
• Unit Integriti	14
Bahagian Korporat Dan Perhubungan Awam	15
• Unit Aduan	16
• Unit Korporat	17
• Unit Media	18
Bahagian Undang-undang	19
Bahagian Teknologi Maklumat	20
Unit Pengurusan Kontrak	21
Unit Pusat Sehenti (OSC)	22
ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN	1
Anugerah dan Pengiktirafan Majlis Bandaraya	2
Pasir Gudang Bagi Tahun 2024	3



Laporan Tahunan 2024

01

PENGENALAN



مَحَلِّيٌّ بَادْرَىٰ فَاسِرٌ كُوَدَانٌ
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG
Bandar Raya Industri Dan Pelabuhan





PERUTUSAN Datuk Bandar Pasir Gudang

لَهُمْ صَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَدَدَ خَلْقِكَ وَرِضَاءَ
نَفْسِكَ وَزَنَّةَ عَرْشِكَ وَمَدَادَ كَلِمَاتِكَ

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. atas limpahan rahmat dan kurnia-Nya yang tidak terhingga. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga baginda, para sahabat serta seluruh pewaris perjuangannya.

Saya merafakkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana diberi peluang menyampaikan sepatah dua kata sempena penerbitan Laporan Tahunan Majlis Bandaraya Pasir Gudang 2024. Laporan tahunan ini bukan sahaja menjadi wahana informasi dan pencapaian, malah sebagai ruang memperkuuh semangat kebersamaan dalam keluarga besar MBPG.

Sebagai Datuk Bandar baharu Majlis Bandaraya Pasir Gudang, saya menyedari bahawa tanggungjawab yang digalas ini bukan sekadar pentadbiran biasa, tetapi satu amanah besar kepada rakyat, negeri, dan yang paling utama kepada Allah SWT. Oleh itu, izinkan saya menekankan tiga prinsip utama yang ingin saya terapkan dalam budaya kerja MBPG:

i) **Terapkan Prinsip Ubudiyah dalam Bekerja di MBPG**

Sebagai warga kerja MBPG, kita bukan sahaja memikul amanah sebagai penjawat awam, malah sebagai hamba Allah yang bertanggungjawab melaksanakan tugas sehari-hari dengan niat ibadah. Setiap tindakan sama ada dalam urusan pentadbiran, pengurusan aduan, atau pelaksanaan projek mestilah dilakukan dengan niat yang ikhlas dan berpaksikan syariat Islam. Dengan cara ini, segala tugas kecil atau besar akan dinilai sebagai amal yang diberkati, bukan hanya oleh masyarakat, malah di sisi Allah SWT.

ii) **Terapkan Prinsip Itqan dalam Bekerja di MBPG**

Itqan bermaksud melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh dan berkualiti. Inilah yang kita perlukan dalam mendepani cabaran perbandaran masa kini. Kita mesti laksanakan kerja bukan sekadar memenuhi KPI, tetapi dengan niat memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan membawa manfaat berpanjangan. Sama ada dalam pengurusan lesen, penyelenggaraan bandar, maupun penguatkuasaan biarlah kita dikenali kerana komitmen dan integriti kerja kita.



iii) Terapkan Prinsip Itqan dalam Bekerja di MBPG

Mas'uliyyah mengingatkan kita bahawa setiap tugas adalah amanah, dan kita akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT atas bagaimana kita melaksanakannya. Keputusan yang kita buat dalam mesyuarat, dalam sistem, di lapangan bukan sekadar untuk menyelesaikan sesuatu urusan, tetapi mencerminkan nilai kejujuran dan akauntabiliti dalam diri kita sebagai penjawat awam.

PENCAPAIAN MBPG TAHUN 2024

Tahun 2024 MBPG terus melakar kejayaan yang membanggakan dalam pelbagai aspek perbandaran, komuniti, kelestarian dan inovasi. Antara pencapaian utama sepanjang 2024 termasuk:

Peringkat Daerah

31 Ogos 2024 – Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Johor Bahru

Johan dalam kategori:

- Pakaian dan Uniform Terbaik (Kategori Jabatan Kerajaan)
- Perbarisan Terbaik (Kategori Jabatan Kerajaan)
- Keseluruhan Majlis Perbarisan dan Perarakan

Peringkat Negeri

22 Oktober 2024 – Negeri Johor

- Anugerah Khas Juri – Reka Bentuk Laman Sesawang Terbaik PBT Negeri Johor

Peringkat Kebangsaan

7 Februari 2024

- Pengiktirafan Diamond Kategori Rakan Kongsi – LC Zon 1 Pasir Gudang (Anugerah Bandar Rendah Karbon 2023)
- Anugerah Khas Pengurangan Karbon Tertinggi (Kategori Zon)

22 Februari 2024

- Anugerah Gangsa – Anugerah Integriti dan Governans Antirasuah (AIGA) 2023 1 Julai 2024
- Malaysia Book of Records – Festival Lampu Terbesar di Malaysia (1.4 juta mentol LED)

28 Julai 2024

- Malaysia Book of Records – Pameran Pokok Tanduk Rusa Terbesar di Malaysia 8 Oktober 2024
- PBT Cemerlang – Kempen Cegah Wabak Denggi (Kempen Kesihatan Persekitaran KPCT 2024)

15 Oktober 2024 – Seminar Kebangsaan Pemerkasaan Komuniti (SKPK'24)

- Agensi Teraktif bersama Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Anugerah Apresiasi kepada Komuniti (Kebun Komuniti Pasir Gudang)

26 Oktober 2024

- Tempat Ketiga – Kategori Bandaraya (Anugerah Penarafan Bintang PBT 2024)

28 Oktober 2024

- Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia
 - Anugerah Bandar Paling Mampan 2024 (berdasarkan penilaian MURNInets)
 - Penarafan Bandar Pintar Malaysia Tahap 1: Early Adopter

12 November 2024

- Anugerah Citra Bahasa 2024 (DBP)

26 Februari 2025

- Diamond LC Zon 1 Pasir Gudang (Anugerah Bandar Rendah Karbon 2024)
- Pensijilan Provisional LC Zone 2 Perindustrian Tanjung Langsat

Peringkat Antarabangsa

26 September 2024

- Juara – Pertandingan Keroncong Antarabangsa Malaysia 2024 – Kumpulan Keroncong MBPG 10 – 12 September 2024 – Manila, Filipina
- Anugerah Excellent (Markah 90-100) – Konvensyen IQPC 2024 (Kumpulan A.C.S – ACS Water Filter)

11-13 November 2024 – ICQCC 2024, Sri Lanka

- Anugerah GOLD – 3 Kumpulan MBPG:
 - ◊ Kumpulan INSPIRA (Jabatan Kewangan)
 - ◊ Kumpulan TECHNOVATORS (Jabatan Penilaian dan Pesuruhjaya Bangunan)
 - ◊ Kumpulan PARAMETRIC (Jabatan Bangunan)

Kejayaan ini adalah hasil usaha kolektif seluruh warga MBPG. Ia membuktikan bahawa kita bukan sahaja kompeten di peringkat tempatan, malah mampu bersaing di peringkat nasional dan global. Namun, pencapaian ini bukanlah noktah kejayaan malah ia adalah permulaan kepada cabaran yang lebih besar dan peluang yang lebih luas.

Saya mengajak seluruh warga kerja MBPG untuk terus beristiqamah dalam menjunjung amanah, memperkasa perkhidmatan dan menjiwai falsafah khidmat untuk rakyat.

Semoga Allah S.W.T. terus memberkati usaha kita dalam memartabatkan Pasir Gudang sebagai sebuah bandar raya yang progresif, berdaya tahan dan dirahmati.

Sekian, Wa Billahi Taufiq Wal Hidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT
DATO' HAJI MUSTAFFA KAMAL
BIN DATO' HAJI SHAMSUDIN K.B.;P.A.
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

VISI, MISI DAN OBJEKTIF

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Visi

Pasir Gudang Bandar Raya Sejahtera,
Pintar Dan Rendah Karbon Menjelang 2025

Misi

Memastikan segala perancangan, pengurusan dan penyampaian perkhidmatan perbandaran adalah cekap, berkesan dan berkualiti menerusi :

- Memperkasa tadbir urus yang cekap
- Pemerksaan libat urus masyarakat
- Penyediaan kemudahan kesejahteraan awam
- Perancangan dan pembangunan yang mampan
- Pengukuhan kedudukan kewangan

Objektif

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan beriltizam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan profesional serta melaksanakan penambahbaikan berterusan dan memastikan keberkesanannya sistem pengurusan bagi mencapai objektif kualiti berdasarkan perkara-perkara berikut :

- Menguruskan alam sekitar dengan berkesan dan dinamik.
- Memastikan masyarakat mendapat manfaat melalui aktiviti dan projek pembangunan yang dijalankan.
- Menekankan pembangunan yang holistik berdasarkan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan dan selaras dengan Dasar-Dasar Kerajaan.
- Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan anggota pekerja melalui latihan yang berterusan.
- Mempertingkatkan kerjasama dengan masyarakat bagi memperkasa komuniti.

PIAGAM PELANGGAN

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Komitmen kami sebagai Pihak Berkuasa Tempatan memberi perkhidmatan melalui pengurusan cemerlang perkhidmatan gemilang

1. Memantau kerja-kerja pembersihan, memotong rumput, membersihkan parit, mengutip dan mengangkat sampah yang diuruskan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di semua kawasan perumahan, perindustrian dan premis.
2. Permohonan lesen dengan dokumen yang lengkap diluluskan dalam tempoh minimum 1 jam hingga 14 hari waktu bekerja.
3. Semua aduan kerosakan kritikal premis-premis sewaan diselesaikan dalam tempoh 48 jam dan 7 hari bekerja bagi kerosakan biasa.
4. Memberi kelulusan permohonan yang dikemukakan kepada Unit Pusat Setempat dalam tempoh yang berikut :

• Kebenaran merancang susun atur/mendirikan bangunan	- 57 hari
• Pelan bangunan	- 50 hari
• Permohonan serentak (kebenaran merancang + pelan bangunan)	- 57 hari
• Pelan jalan dan parit	- 50 hari
• Pelan kerja tanah	- 50 hari
• Permohonan serentak (pelan kerja + kerja tanah)	- 50 hari
• Pelan lampu jalan	- 50 hari
• Pelan nama jalan, taman dan nombor bangunan	- 50 hari
• Pelan landskap	- 57 hari
5. Akuan penerimaan aduan awam dibuat dalam tempoh 1 hari bekerja dan maklum balas status tindakan aduan dalam tempoh 14 hari waktu bekerja.
6. Bil tuntutan cukai harta dihantar kepada pemegang harta sebelum 1 Januari dan sebelum 1 Julai pada setiap tahun.

KAWASAN PENTADBIRAN

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



BENDERA RASMI

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



MAKSUD WARNA JALUR



- ▶ Keberanian dan ketabahan hulubalang dan pengikut Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Abu Bakar yang bersama-sama menerokai dan memajukan Johor.




- ▶ Melambangkan budaya kerja bersih, suci dan budaya pekerti dalam Majlis Bandaraya Pasir Gudang.



- ▶ Melambangkan penerangan kerajaan dan rakyat.

LOGO RASMI

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



01 - MAHKOTA

Melambangkan kedaulatan pemerintahan Sistem Diraja yang merujuk kepada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku Sultan Johor.

02 - DUA EKOR HARIMAU MEMEGANG PERISAI

Melambangkan ketegasan MBPG dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dan penguatkuasaan undang-undang.

03 - BULAN DAN BINTANG

Melambangkan segala aktiviti yang dijalankan adalah berlandaskan kepada nilai-nilai murni Islam yang dijunjung sebagai agama rasmi.

04 - PERISAI

Melambangkan kredibiliti MBPG sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan.

05 - POKOK DAN KAWASAN HIJAU

Melambangkan kehijauan Pasir Gudang sebagai sebuah bandar dalam taman dengan keindahan landskapnya.

06 - SIMBOL BANGUNAN DALAM BULATAN

Melambangkan pembangunan Pasir Gudang yang terancang, bersepadau, dan menyeluruh seiring dengan pembangunan holistik yang disarankan oleh kerajaan.

07 - SIMBOL IT DAN BULATAN KUNING BERGERIGI

Melambangkan terdapat pelbagai aktiviti dalam sektor perindustrian di Pasir Gudang yang meliputi industri berat, sederhana, dan kecil serta berteknologi tinggi yang begitu pesat membangun dan menyumbang kepada pendapatan utama MBPG.

08 - KAWASAN PERAIRAN DAN KAPAL

Melambangkan kedudukan Pasir Gudang yang strategik sebagai pusat perdagangan antarabangsa di selatan semenanjung yang dilengkapi dua buah pelabuhan utama.

09 - BUNGA

Melambangkan bunga rasmi Pasir Gudang iaitu Cempaka Jingga.

10 - PANGSA

Pangsa yang berada di bawah perisai berwarna kuning adalah melambangkan tanaman lada hitam dan gambir iaitu hasil tanaman utama bagi kawasan Pasir Gudang suatu ketika dahulu.

LOGO DYNAMIC

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



DYNAMIC

- Membawa maksud energetik dan berdaya membawa pembaharuan dan kemajuan.

BENTUK KARGO

- Melambangkan Pasir Gudang “Bandar Raya Industri dan Pelabuhan” iaitu sebagai pusat dagangan entreport yang terletak di Selatan Semenanjung Malaysia.

D DAN Y (imej Digital Kren)

- Kepelbagai teknologi pintar dalam operasi menghasilkan produk yang pelbagai dan berkualiti.

N DAN C (imej Batu dan Paip)

- Bandar Raya yang mempunyai infrastruktur serta kemudahan fasiliti yang efisien serta memberikan perkhidmatan terbaik kepada komuniti dan pemegang taruh.

LAMBANG “A”

- Bandar Raya berpelabuhan sebagai tonggak jaringan penjanaan ekonomi antarabangsa.

LAMBANG “M” DAN “I”

- Kepesatan pembangunan Pasir Gudang sebagai kawasan industri yang tidak meninggalkan elemen penjagaan alam sekitar

LAGU RASMI

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



MBPG DYNAMIC GEMILANG

Demi Masa Depan Pasir Gudang
Kita Bersama Membangunkannya
Kita Memperkasa Komuniti
Beridentiti Budaya Teras Malaysia

Pengurusan Cemerlang Perkhidmatan Gemilang
Dinamik Dan Berdaya Maju
Majlis Bandaraya Pasir Gudang
Khidmat Dan Bakti Untuk Masyarakat

Pasir Gudang Terus Maju
Masyarakat Hidup Aman Sentosa
Penuh Semangat Serta Jati Diri
Teguh Menjulang Kecemerlangan

Kualiti Menjadi Teras Budaya Kerja
Bersatu Menuju Arah Kejayaan
Pembangunan Holistik Jadi Cabaran
Di Bandar Raya Pintar Sejahtera

Pasir Gudang Indah Dan Menghijau


Aman Dan Makmur Megah Tersohor
Tumpuan Industri Dan Pelabuhan
Jadi Sebutan Serata Dunia

Pasir Gudang Terus Maju
Masyarakat Hidup Aman Sentosa
Penuh Semangat Serta Jati Diri
Teguh Menjulang Kecemerlangan
Teguh Menjulang Kecemerlangan

Lirik : YB. Dato' Asman Shah bin Abd Rahman
Lagu : L.Y

CARTA ORGANISASI

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



BARISAN KEPIMPINAN

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



Datuk Bandar Pasir Gudang

Yang Berhormat Dato' Mustaffa Kamal
bin Dato' Haji Shamsuddin K.P.B.A.

Setiausaha

Puan Nurul Ashikin binti Haji A. Jabar



Timbalan Setiausaha

Encik Abdul Malek bin Mohamed



Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan

Puan Hajah Faridah binti Abd Hamid



Ketua Jabatan Kewangan

Puan Mariaton binti Ibrahim



Ketua Jabatan Kejuruteraan

Encik Nur Salihin bin Salahuddin



Ketua Jabatan Kesihatan Awam

Persekutuan & Pelesenian

Puan Hajah Rahamah binti Mahmood



Ketua Jabatan Bangunan

Encik Abdul Majid bin Sapihe



Ketua Jabatan Penilaian Harta

& Pesuruhjaya Bangunan

Sr. Nawal binti Haji Khudzairi



Ketua Jabatan Pengurusan Harta & Komersial
Puan Haslina binti Hassan

Ketua Jabatan Kesejahteraan Komuniti & Pelancongan
Puan Noorhayati binti Sarmeon

Ketua Bahagian Korporat & Perhubungan Awam
Encik Mohd Syafiq Hanis bin Hamli

Ketua Unit Pengurusan Kontrak
Encik Mohd Shayfuddin bin Moon

Ketua Jabatan Perancang & Lanskap
Tuan Haji Nor Rahman bin Mustaffa

Ketua Jabatan Undang-undang & Penguatkuasaan
Encik Nurazam bin Razali

Ketua Bahagian Audit Dalam & Integriti
Puan Farah Wahidah binti Nasruddin

Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
Tuan Haji Hamidon Bin Abdul Majid

Ketua Unit Pusat Sehenti
Encik Kassim bin Mohamed

AHLI-AHLI MAJLIS

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



Zon Mawar

Ybhg. Dato' Haji Mohd Amin
Bin Ahmad

Zon Cendana

Tuan Haji Ishak Bin Mohd Yusoff

Zon Nusa Damai

Encik Nooraizam Bin Rowaji

Zon Masai

Encik Madyasir Bin Ahmad Basir

Zon Sierra Perdana

Encik Vijayan A/l Rajoo

Zon Seri Alam 1

Encik Cia Chow Hui

Zon Seri Alam 2

Tuan Haji Razani Bin Abdul Rauf

Zon Air Biru

Encik Ed Baela Bin Muhalajah

Zon Bukit Dahlia

Puan Rafiah Binti Mohammad

Zon Flora Height

Cik Chua Tian Cha

Zon Scientex 1

Encik Leong Yew Seng

Zon Scientex 2

Puan Hajah Haryati Binti Ismail



Zon Rinting 1
Encik Lim Ming Ter



Zon Rinting 2
Encik Law Yiak Kwang



Zon Desa Rakyat Perdana
Encik Sim Shaw Fong



Zon Cahaya Baru Tanjung Langsat
Tuan Haji Abdul Malek
Bin Mahmood



Zon Cahaya Masai
Encik Norizam Shah Bin Md Yunus



Zon Kota Bestari
Encik Mahendran A/l Subramaniam
@ Maniam

Zon Kota Masai 1
Puan Teh Siew Boey

Zon Kota Masai 2
Encik Low Sing Huat

Zon Kota Masai 3
Puan Hajah Rap'enah Binti Ali

Zon Pasir Putih
Puan Hajah Zainon Binti Baharum

Zon Tanjung Puteri
Encik Muhammad Haziq Bin Zakaria

Zon Sungai Tiram
Tuan Haji Khairul Nizam Bin Daud



Laporan Tahunan 2024

02

LAPORAN JABATAN, BAHAGIAN DAN UNIT



محلی پاسیر گودان
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Bandar Raya Industri Dan Pelabuhan



• JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

FUNGSI BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

1. Unit Perjawatan

- i. Pengurusan pewujudan skim perkhidmatan dan jawatan Baharu sejajar dengan penarafan Majlis bagi pengukuhan organisasi.
- ii. Penyusunan semula dan pengukuhan struktur organisasi yang berlaku kerana perubahan hala tuju, objektif, peranan, visi, misi atau tanggungjawab selepas MBPG dinaik taraf.
- iii. Penyediaan kertas kerja bagi pewujudan/pemansuhan/penggredan/pengagihan jawatan Unit/Bahagian sedia ada yang tidak melibatkan perubahan besar kepada MBPG bagi tujuan pengukuhan fungsi organisasi dijalankan mengikut landasan yang ditetapkan sejajar dengan keperluan semasa bagi menghasilkan mutu perkhidmatan yang cekap dan berkesan.
- iv. Penyediaan, penyelaras dan semakan Carta Fungsi Organisasi, Jabatan, Bahagian dan Unit
- v. Penyediaan, penyelaras dan semakan Job Description dan senarai tugas setiap warga kerja MBPG.
- vi. Penyediaan, penyelaras dan semakan myPortfolio warga kerja lantikan tetap dan kontrak.
- vii. Pengurusan pelantikan, kenaikan pangkat, penamatan pekerja, tanggungan dan pemangku kerja.
- viii. Pengurusan dan pengemaskinian buku rekod perkhidmatan warga kerja serta tapisan keselamatan.
- ix. Pengurusan dan penyelaras penempatan dan pertukaran pegawai.
- x. Pengurusan dan pentadbiran pekerja kontrak dan MySTEP.
- xi. Bertanggungjawab membantu dalam mengurussetiakan Panel Pembangunan Sumber Manusia dan Lembaga Pelantikan dan Kenaikan Pangkat.
- xii. Pengurusan dan penyelaras semua urusan pembangunan dan kemaskini maklumat HRMIS warga kerja.
- xiii. Pengurusan dan penyelaras berkaitan dengan penilaian prestasi dan SKT setiap warga kerja.
- xiv. Bertanggungjawab membantu dalam mengurussetiakan Panel Pembangunan Sumber Manusia dan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan
- xv. Memastikan urusan pengisyiharan harta dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- xvi. Memastikan maklumat warga kerja dikemaskini melalui medium-medium yang ditetapkan di dalam HRMIS dan Sistem Gates.
- xvii. Menyemak dan memproses dokumen yang perlu dikemukakan kepada Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)/JPA bagi tujuan persaraan.
- xviii. Pengurusan permohonan persaraan warga kerja dan mengendalikan majlis persaraan warga kerja.

1. Unit Perkidayatan

- i. Pengurusan dan penyelaras semua yang berkaitan dengan emolumen dan elauan warga kerja lantikan tetap dan kontrak.
- ii. Penyediaan, penyelaras dan semakan data upah MySTEP berdasarkan penilaian output bulanan.
- iii. Pengurusan elauan bulanan pelajar latihan industri.
- iv. Pengurusan pengesahan majikan bagi warga kerja.
- v. Pengurusan dan penyelaras semua yang berkaitan dengan kurniaan tambang Haji.
- vi. Penyediaan dan penyelaras dokumen yang berkaitan dengan urusan khairat kematian.
- vii. Pengurusan dan penyelaras permohonan pegawai ke luar negara.
- viii. Pengurusan dan penyeliaan rekod kehadiran warga kerja.
- ix. Menyediakan kertas kerja dan mengadakan Latihan warga kerja berdasarkan jawatan yang disandang.
- x. Menyediakan kertas kerja dan mengadakan kursus peningkatan kerjaya warga kerja berdasarkan jawatan yang disandang.
- xi. Memastikan semua warga kerja mendapat latihan dalam bidang tugas masing-masing.
- xii. Memastikan kusus-kursus adalah berkaitan dengan bidang tugas warga kerja.



AKTIVITI BAHAGIAN SUMBER MANUSIA TAHUN 2024

MAJLIS APRESIASI WARGA KERJA MBPG 2024

📅 10 Februari 2025

📍 Austin International Convention Centre, Johor Bahru.



Seramai 49 orang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 69 orang telah menerima Sijil Penghargaan semasa majlis tersebut. Selain itu, MBPG juga turut menghargai khidmat bakti warga kerja yang telah berkhidmat selama 25 dan 30 tahun dengan memberi Anugerah Perkhidmatan 25 dan 30 tahun kepada 12 orang warga kerja.

MAJLIS TAKLIMAT SISTEM PERKHIDMATAN SARAAN AWAM (SSPA) KEPADA LANTIKAN TETAP DAN KONTRAK.

📅 27 Oktober 2024 (sesi satu) - warga kerja lantikan tetap

📍 21 November 2024 (sesi kedua) warga kerja lantikan kontrak



Seramai 298 orang atau 100% warga kerja lantikan tetap telah bersetuju memilih opsyen SSPA. Kedua-dua taklimat telah disampaikan oleh Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan, Puan Hajah Faridah binti Abd Hamid.



MAJLIS SANJUNGAN BUDI WARGA KERJA MBPG

Bahagian Sumber Manusia telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Majlis Sanjungan Budi bagi meraikan warga kerja yang telah bersara dan mencurahkan khidmat bakti serta banyak memberi sumbangan kepada MBPG sepanjang perkhidmatan. Seramai 7 orang warga kerja MBPG telah bersara pada tahun 2024.

Bil	Nama	Tarikh Persaraan
1	Encik Che Ros bin Zainal	16.04.2024
2	Tuan Haji Yazid bin Jaafar	13.07.2024
3	Puan Hajah Hafizah binti Daud	21.07.2024
4	Puan Hajah Rogani binti Sumari	04.10.2024
5	Encik Nurddin bin Jusoh	11.10.2024
6	Encik Muhammad bin Ibrahim	30.10.2024
7	Encik Aziz bin Yusof	25.11.2024



PROGRAM SEMAKAN BUKU PERKHIDMATAN KERAJAAN (BPK) DAN KEMASKINI REKOD HRMIS PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG)

📅 22 hingga 26 September 2024

📍 VIP Banquet Hall, Aras 3 Menara Aqabah



Program bertujuan untuk memberi peluang warga kerja menyemak Buku Perkhidmatan Kerajaan masing-masing dan memastikan kenyataan berkaitan direkod, dikemaskini dan lengkap. Selain itu, warga kerja juga berpeluang untuk mengemaskini maklumat berkaitan di dalam sistem HRMIS. Seramai 204 orang warga kerja telah dijemput untuk membuat semakan BPK dan mengemaskini maklumat peribadi di dalam sistem HRMIS.



UJIAN TAPISAN BAGI LANTIKAN WARGA KERJA BAHARU

Bagi tahun 2024, sebanyak 4,079 permohonan diterima bagi jawatan-jawatan kosong yang telah diiklankan. Calon yang telah disenarai pendek akan melalui Ujian Kecergasan Fizikal dan Ujian Bertulis sebagai saringan sebelum terpilih ke sesi temuduga bersemuka.



LAPORAN PENGURUSAN LATIHAN

Bahagian Sumber Manusia telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Majlis Sanjungan Budi bagi meraikan warga kerja yang telah bersara dan mencurahkan khidmat bakti serta banyak memberi sumbangan kepada MBPG sepanjang perkhidmatan. Seramai 7 orang warga kerja MBPG telah bersara pada tahun 2024.

Bil	Perkara	Jumlah Program
i.	Kursus Dalaman (Kursus anjuran MBPG)	76
ii.	Kursus Luaran (Kursus anjuran jabatan/agensi selain MBPG)	168
iii.	Lawatan Penanda Arasan	9
iv.	Program Ke Luar Negara	4
	Jumlah	257



PROGRAM JATI DIRI WARGA KERJA MYSTEP DAN SEDETIK BERSAMA DATUK BANDAR.

📅 3 Januari 2024

📍 Opero Hotel Southkey Johor Bahru

Program melibatkan seramai 99 orang warga kerja MySTEP. Selain aktiviti jati diri, satu slot khas Sedetik Bersama Datuk Bandar juga turut diadakan dengan kehadiran YB. Dato' Asman Shah Bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang; Puan Nurul Ashikin Binti Haji A. Jabar, Setiausaha MBPG dan Encik Abdul Malek Bin Mohamed, Timbalan Setiausaha MBPG. Slot ini merupakan platform khusus komunikasi dua hala antara pihak pengurusan tertinggi MBPG dan warga kerja yang terlibat dengan mengetengahkan isu-isu yang dialami oleh warga kerja MySTEP.



KURSUS TATACARA PENGURUSAN REKOD FAIL DAN PELUPUSAN DOKUMEN

📅 4 - 5 Mac 2024

📍 Tanjung Puteri Golf and Resort

Kursus Tatacara Pengurusan Rekod Fail dan Pelupusan Dokumen ini telah disampaikan oleh Encik Mohd Zulfadli Bin Md Maarof, Pengarah Arkib Negara Malaysia, Negeri Johor. dengan kehadiran warga kerja daripada pelbagai jabatan/bahagian/unit.

Amalan tadbir urus yang baik adalah penting bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang. Salah satu elemen penting yang perlu diberi penekanan dalam tadbir urus yang baik adalah aktiviti pengurusan rekod. Justeru, Bahagian Sumber Manusia mengambil inisiatif untuk menganjurkan latihan berkaitan pengurusan rekod fail yang sistematik dan pelupusan dokumen mengikut perundangan kepada warga kerja MBPG yang terlibat.





PROGRAM ORIENTASI WARGA KERJA BAHARU

3 Januari 2024

Opero Hotel Southkey Johor Bahru

Program orientasi warga kerja baharu adalah satu proses pengenalan dan persiapan untuk warga kerja baharu memahami tugas dan tanggungjawab mereka. telah diadakan Program Orientasi Warga Kerja Baharu. Melalui program orientasi ini, warga kerja baharu akan diberikan penerangan berkaitan pentadbiran MBPG, dasar, peraturan kewangan MBPG, elauan dan kemudahan, integriti, kod etika dan tatakelakuan, ISO 9001:2015, ISO 14001:2015, ISO 37001:2016 dan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).



HARI BERSAMA HR 2024

22 hingga 26 September 2024.

Ballroom Cempaka Jingga, Menara Aqabah.

Program ini adalah salah satu inisiatif daripada Bahagian Sumber Manusia (BSM), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Pasir Gudang dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan menerusi komunikasi dua hala antara warga kerja dan BSM MBPG. Program ini terbahagi kepada dua agenda iaitu sesi semakan Buku Rekod Perkhidmatan dan semakan data integriti HRMIS; dan sesi ceramah dan taklimat kepada warga kerja MBPG.





BAHAGIAN PENTADBIRAN AM

FUNGSI BAHAGIAN PENTADBIRAN AM

1. Seksyen Keselamatan Pejabat

- i. Menyelaras hal-hal yang berkaitan dengan jawatankuasa keselamatan pejabat MBPG.
- ii. Menguruskan keselamatan di kawasan Stor Taman Mawar milik MBPG.
- iii. Menyelaras dan menguruskan perlaksanaan sistem security barrier dan Face ID di Menara Aqabah.
- iv. Bertanggungjawab memantau tugas-tugas keselamatan aras di bawah seliaan PPKJ yang telah dilantik.

2. Seksyen Kenderaan

- i. Menyelaras dan merancang tempahan kenderaan yang akan digunakan oleh warga kerja MBPG bagi tugas-tugas rasmi pejabat melalui sistem digital dan fizikal. Pengurusan Kenderaan Menggunakan Sistem Katsana.
- ii. Menyelaras, merancang dan memastikan kenderaan rasmi jabatan dijaga dengan baik dari segi catatan buku log dan rekod inden.
Menguruskan hal-hal berkaitan sewaan dan pembelian kenderaan milik MBPG.
- iv. Mencadangkan kenderaan lama milik MBPG yang memerlukan tindakan perlupusan.
- v. Menguruskan tempahan tiket kapal terbang bagi tugas rasmi MBPG.
- vi. Memastikan kecerakinan minyak di buku log kenderaan di semak dan dikemaskini.
- vii. Menguruskan kawalan penggunaan kad Touch & Go bagi pembayaran tol.

3. Seksyen Kebersihan Pejabat

- i. Bertanggungjawab memastikan tahap kebersihan di seluruh kawasan bangunan Menara Aqabah, Muzium Layang-Layang, dan Perpustakaan Awam MBPG dalam keadaan baik.
- ii. Menyelaras, memantau dan membuat sokongan bayaran bulanan kerja-kerja kontraktor kebersihan.

4. Seksyen Banquet dan Acara

- i. Mengendalikan program perhimpunan pagi dan Al-Quran.
- ii. Pengurusan jamuan untuk majlis, program, acara dan mesyuarat rasmi MBPG.

5. Seksyen Siaraya

- i. Pengurusan tempahan alat siaraya untuk majlis, acara dan mesyuarat rasmi MBPG.
- ii. Menguruskan pembelian dan sewaan alat siaraya bagi majlis rasmi MBPG.
- iii. Menjaga alat siaraya semasa porgram rasmi yang melibatkan MBPG.

6. Seksyen Perubatan dan Kemudahan Warga Kerja

- i. Menyelaras kemudahan perubatan inpatient dan outpatient warga kerja MBPG.
- ii. Menyelaras dan menguruskan kebajikan warga kerja seperti kematian, sakit dan sebagainya.
- iii. Menyelaras kemudahan pinjaman komputer dan telefon bimbit bagi warga kerja yang berkelayakan.
- iv. Menyelaras penghantaran semua dokumen rasmi daripada MBPG kepada organisasi luar.

7. Seksyen Pengurusan Stor Alat Tulis Dan Bekalan

- i. Menyelaraskan dan menguruskan peralatan pejabat seperti mesin guna sama (fotostat, mesin penulin air, penapis udara).
- ii. Menyelaraskan dan menguruskan inventori/peralatan pejabat.
- iii. Menyelaraskan dan menguruskan kemudahan bekalan pakaian warga kerja yang berkelayakan.
- iv. Menyelaras dan menguruskan semua tempahan hotel untuk kegunaan mesyuarat yang melibatkan MBPG

8. Seksyen Pengurusan Arkib Dan Pelupusan

- i. Menyelaras dan menguruskan setor arkib MBPG.
- ii. Menyelaras dan menguruskan pelupusan arkib MBPG.



LAPORAN BAHAGIAN PENTADBIRAN AM

Pengurusan Bilik dan Dewan Mesyuarat

BULAN/ PERKARA	DEWAN CEMPAKA	BILIK MAWAR	ARAS 3 AUDITORIUM/ BALLROOM	ARAS DYNAMIC LOUNGE	LAIN-LAIN	JUMLAH PENGGUNAAN
Januari	7	7	6	4	-	24
Februari	19	13	3	15	3	53
Mac	13	15	2	14	1	45
April	15	13	3	11	1	43
Mei	18	12	5	16	5	56
Jun	12	10	1	10	-	33
Julai	23	20	4	9	1	57
Ogos	17	16	8	16	4	61
September	18	17	8	13	2	58
Oktober	12	12	5	10	2	41
November	17	14	5	9	5	50
Disember	17	13	9	9	3	51

Jumlah Kenderaan MBPG

Kereta Saloon	4WD/ SUV	Van	Lori	4WD/ SUV	Trak/ Jentera Berat	Pick-Up	Motosikal
10 Unit	4 Unit	6 Unit	7 Unit	9 Unit	3 Unit	14 Unit	22 Unit

Jumlah Keseluruhan Unit **75**

Jumlah Kenderaan Sewa MBPG

Wafeqah (Kereta)	Wafeqah (Lori)	Wafeqah (Motosikal)	Wafeqah (Pick-Up)	Attiq (Kereta)	Ecoride (EV)
7 Unit	2 Unit	2 Unit	16 Unit	5 Unit	2 Unit

Jumlah Keseluruhan Unit **34**



PROGRAM/AKTIVITI YANG DIURUSKAN OLEH BAHAGIAN PENTADBIRAN AM TAHUN 2024

SAMBUTAN MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI MBPG

📅 27 April 2024

📍 Puncak Kasih, Bukit Layang-layang Pasir Gudang



MAJLIS TADARUS, KHATAM AL-QURAN DANIFTAR MAJLIS BANDARAYA

📅 4 April 2024

📍 Masjid An-nur, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang





PROGRAM PERHIMPUNAN PAGI

8 September 2024

Laman Kraf, Taman Bandar Pasir Gudang



• JABATAN KEWANGAN

A. FUNGSI UTAMA JABATAN KEWANGAN

Jabatan ini adalah untuk menguruskan sumber kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dengan efisien bagi memastikan MBPG mendapatkan hasil yang maksima dan menguruskan perbelanjaan secara optimum tanpa mengabaikan kepentingan pelanggan/pembayar cukai.

Perkara-perkara yang diambil kira adalah seperti berikut :-

- i. Memastikan perbelanjaan mengurus dan pembangunan di buat berdasarkan belanjawan yang telah diluluskan.
- ii. Menyimpan rekod-rekod Kewangan dan perakaunan secara teratur dan sistematik.
- iii. Memastikan segala bil tuntutan kontraktor dan pembekal di bayar mengikut tempoh yang ditetapkan.
- iv. Memastikan semua aset-aset dan inventori direkod dan diuruskan dengan baik serta diberi perlindungan insurans.
- v. Mematuhi Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekeliling Perbendaharaan yang di terima pakai.

1. BAHAGIAN AKAUN

- i. Menyediakan Penyata Hasil dan Perbelanjaan bulanan.
- ii. Menyediakan Penyata Kewangan tahunan.
- iii. Memproses tuntutan bayaran kontraktor dan pembekal.
- iv. Menguruskan pembayaran bil utiliti majlis.
- v. Menguruskan permohonan keperluan tunai.
- vi. Penyelenggaraan daftar deposit dan kumpulan wang.
- vii. Menyelenggara lejar am dan menyediakan jurnal pelarasan melalui sistem kewangan berkomputer.
- viii. Menyelenggara rekod pinjaman bank.
- ix. Menyelenggara rekod pinjaman komputer anggota pekerja.
- x. Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada setiap bulan.
- xi. Pengurusan pembayaran gaji, caruman dan potongan bulanan serta menyediakan borang EC setiap anggota pekerja pada awal tahun.
- xii. Menguruskan pembayaran tuntutan kerja lebih masa, perjalanan dan lain-lain tuntutan kemudahan tugas rasmi.
- xiii. Berurusan dengan juruaudit luar dan dalam.

2. BAHAGIAN HASIL DAN BELANJAWAN

- i. Menguruskan penyediaan belanjawan tahunan dan menyelaras permohonan tambah dan pindah peruntukan.
- ii. Menguruskan penerimaan hasil yang diterima melalui kaunter, perbankan internet, kios, kaunter bergerak dan ejen.
- iii. Menguruskan penyimpanan di bilik kebal dan dibankkan melalui pengawal keselamatan.
- iv. Menguruskan Permohonan Peruntukan Perbelanjaan.
- v. Pengurusan pinjaman dan pembiayaan.
- vi. Menguruskan tuntutan dan rekutan panjar wang runcit.
- vii. Menyelenggara simpanan tetap dan pelaburan.
- viii. Menguruskan tuntutan wang perubatan pekerja Mysstep.
- ix. Menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Perkara Am setiap bulan.
- x. Menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun setiap suku tahun.



3. UNIT PENGURUSAN ASET

- i. Menyediakan daftar aset alih, aset tak alih dan inventori.
- ii. Menyelaraskan pemeriksaan aset alih oleh Pegawai Pemeriksa yang dilantik.
- iii. Memastikan penyelenggaraan aset dilaksanakan oleh jabatan yang bertanggungjawab.
- iv. Menguruskan pelupusan dan hapuskira aset alih.
- v. Menguruskan perlindungan insuran ke atas aset-aset majlis dan insuran kemalangan berkelompok ke atas anggota pekerja majlis serta menguruskan tuntutan insuran oleh pihak ketiga/anggota pekerja.
- vi. Menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih kerajaan pada setiap suku tahun.

B. AKTIVITI JABATAN KEWANGAN TAHUN 2024

1. Pembayaran bagi cukai harta, lesen, sewaan, kompaun dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh MBPG boleh dibuat di saluran bayaran seperti berikut :

a) Perkhidmatan Kaunter Bayaran di MBPG

- i. Kaunter bayaran dan perkhidmatan di Aras 1 Pejabat MBPG
- ii. Kaunter Muafakat Johor di UTC Pasir Gudang
- iii. Kaunter Bergerak di sekitar kawasan pentadbiran Pasir Gudang. Jadual pembukaan Kaunter Bergerak dimaklumkan dari semasa ke semasa di saluran media rasmi MBPG.

Kaedah Bayaran	Perkhidmatan Bayaran
<p>Kaedah bayaran tanpa tunai yang disediakan adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cek • Kad Kredit / Debit • QR Kod Duitnow • Wang Pos • Kiriman Wang 	<ul style="list-style-type: none"> • Cukai Harta • Lesen • Sewaan • Kompaun • Bil Pelbagai
Kaunter bayaran dan perkhidmatan Aras 1 Pejabat MBPG	Kaunter Bergerak di sekitar kawasan pentadbiran Pasir Gudang
Kaunter Muafakat Johor UTC Pasir Gudang	

b) Perkhidmatan Kaunter Bayaran di Agensi Luar

- i. Kaunter bayaran dan perkhidmatan di Aras 1 Pejabat MBPG
- ii. Kaunter Muafakat Johor di UTC Pasir Gudang
- iii. Kaunter Bergerak di sekitar kawasan pentadbiran Pasir Gudang. Jadual pembukaan Kaunter Bergerak dimaklumkan dari semasa ke semasa di saluran media rasmi MBPG.

Kaedah Bayaran	Perkhidmatan Bayaran
<ul style="list-style-type: none"> • Tertaktuk kepada kaedah bayaran di agensi tersebut 	<ul style="list-style-type: none"> • Cukai Harta • Sewaan • Kompaun • Bil Pelbagai



c) Perkhidmatan Kiosk Bayaran (tanpa tunai)

- i. Aras 1, Pejabat MBPG
- ii. Aras 3, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang
- iii. Terminal Bas, Taman Kota Masai, Pasir Gudang
- iv. Pasaraya Econsave, Taman Scientex, Pasir Gudang
- v. Pasaraya KIPMall Masai, Taman Bukit Dahlia, Pasir Gudang
- vi. Pasaraya Lotus's, Bandar Seri Alam, Masai

Kaedah Bayaran	Perkhidmatan Bayaran
<ul style="list-style-type: none">• Kad Kredit / Debit• e-Wallet	<ul style="list-style-type: none">• Cukai Harta• Pembaharuan Lesen• Sewaan• Kompaun• Bil Pelbagai



c) Perkhidmatan Perbankan Internet

- i. Bank Islam
- ii. CIMB Clicks
- iii. Maybank2u
- iv. myBSN
- v. JomPAY (Biller Code : 8748)
- vi. JohorPay
- vii. PBTPay
- viii. SnapNPay
- ix. E-Khidmat
- x. Pos Malaysia

Kaedah Bayaran	Perkhidmatan Bayaran
<ul style="list-style-type: none">• Bayaran secara atas talian	<ul style="list-style-type: none">• Cukai Harta• Sewaan• Kompaun• Bil Pelbagai

2. Selaras dengan pendigitalisasi perkhidmatan, MBPG menggalakkan pembayaran dibuat secara atas talian selain daripada pembayaran tunai di kaunter bayaran.


Perkhidmatan Kaunter Bayaran di MBPG juga akan melaksanakan terimaan secara tanpa tunai sepenuhnya mulai 1 Julai 2025 manakala Hari Tanpa Tunai dilaksanakan pada setiap hari Jumaat mulai bulan Januari hingga Jun 2025.



Prestasi kutipan hasil di MBPG bagi tahun 2024 adalah seperti berikut :

BIL.	Kaedah Bayaran	Tahun 2024		
		Terimaan (RM)	Bil. Transaksi	%
Terimaan di Kaunter Bayaran				
1	Tunai	14,835,310.06	43,779	6.61
2	Cek	76,106,903.65	3,654	33.90
3	Kad Kredit	8,949,246.36	4,774	3.99
4	Kad Debit	7,934,711.46	13,438	3.53
5	QR Duitnow	345,046.63	1,069	0.15
6	Wang Pos	-	-	-
7	Kiriman Wang	960.00	10	0.00
Jumlah		108,172,178.16	66,724	49.74
Terimaan melalui Perbankan Internet				
8	EFT	19,652,041.16	476	8.75
9	Maybank2U	2,098,986.90	8,126	0.94
10	Bank Islam	287,401.28	337	0.13
11	CIMB (JomPAY)	61,776,130.22	33,598	27.52
12	MyBSN	79,589.05	305	0.04
13	Pos Malaysia	554,292.70	1,972	0.25
14	PBTPay	6,461,007.80	373	2.88
15	JohorPay	21,617,724.69	9,771	9.63
16	eKhidmat	2,969,169.47	6,948	1.32
17	Kios	802,884.49	2,175	0.36
Jumlah		116,299,227.76	64,081	50.26
Jumlah Keseluruhan		224,471,405.92	130,805	100.00

Perbandingan terimaan hasil di Kaunter Bayaran & Perbankan Internet
MBPG bagi tahun 2024



■ Kaunter Bayaran ■ Perbankan Internet



C. PENCAPAIAN YANG DIPEROLEH JABATAN KEWANGAN TAHUN 2024

- Penyata Kewangan MBPG bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah mendapat Sijil Audit Bersih dari Jabatan Audit Negara yang telah dikeluarkan bertarikh pada 20 September 2024 dan ianya merupakan sijil audit bersih kali yang ke-dua puluh dua berturut-turut diterima oleh MBPG sejak tahun 2001.
- Kumpulan Inspira dari Jabatan Kewangan telah memperoleh Anugerah Gold bersempena *49th International Convention On Quality Control Circle (ICQCC) 2024* pada 13 November 2024 anjuran Sri Lanka Association for the Advancement of Quality and Productivity (SLAAQP).



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN LANDSKAP

BAHAGIAN TRANSFORMASI BANDAR

FUNGSI JABATAN PERANCANG BANDAR (BAHAGIAN TRANSFORMASI BANDAR)

Bandar Pintar

- Memantau penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar MBPG serta memantau strategi pelan tindakan yang telah ditetapkan. Sasaran MBPG adalah mengikut tahap penarafan bandar pintar Malaysia yang ditetapkan oleh Malaysian Standard ISO 37122:2019 dan Malaysia Annex to MS ISO 37122:2019 yang melibatkan pelaksanaan 85 indikator bandar pintar yang digariskan.
 - Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar Pasir Gudang 2030.
 - Pelaksanaan inisiatif dan pengumpulan maklumat bagi permohonan penarafan Bandar Pintar Malaysia:
 - Permohonan penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 (Early Adopter) (10 indikator)
 - Permohonan penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 2 (Developing Smart City) (35 indikator)
 - Permohonan penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 3 (Leading Smart City) (63 indikator)
 - Permohonan penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 4 (Visionary Smart City) (85 indikator)
 - Memenuhi keperluan indikator, petunjuk dan kriteria yang digariskan di bawah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) (2 kali setahun).
 - Menyelaras program Bandar Pintar MBPG mengikut peruntukan belanjawan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dan MBPG.
 - Melaksanakan projek fizikal bandar pintar yang telah dpersetujui.
 - Status semasa: Pelaksanaan awal
 - Projek pemetaan dron dan analisis simulasi banjir (tahun 2023-2025)
 - Projek pemasangan smart pole (tahun 2024 dan tahun berikutnya)
 - Penglibatan dalam pameran Smart City di peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri dan tempatan.
- Status semasa:
- Pameran di Johor Smart City Forum (tahunan)
 - Pameran di Johor Smart City Day (Tahunan)
 - Pameran Asia Pacific Climate Week (APCW) (tahunan)
 - Pameran Hari Perancang Bandar Sedunia (tahunan)

Bandar Selamat

- Mengenalpasti kawasan Blackspot bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan melaksanakan Program Bandar Selamat selaras dengan dasar dan peruntukan dibawah Program Inisiatif Kawasan Blackspot melalui KPKT dan PlanMalaysia Ibu Pejabat (berdasarkan data jenayah).
- Pelaksaan dan Pemantauan Projek Fizikal Bandar Selamat (railing pejalan kaki, cermin cembong, pencahayaan, papan tanda, rel kunci motosikal) di bawah peruntukan Kementerian Kewangan Dalam Negara (KDN) serta Program Sosial dan Keselamatan yang telah diluluskan dengan peruntukan.
 - Lawatan tapak pemantauan keadaan semasa projek fizikal sedia ada (setiap tahun)
 - Program Audit Negera bagi Projek Bandar Selamat (Hotspot) (tahunan)
- Menyelaras dan menyemak kerja – kerja untuk menyediakan dokumen tawaran sebut harga dan tender bagi penyelenggaraan/projek bandar selamat.
- Membuat ulasan teknikal permohonan Skim Komuniti Selamat di semua kawasan di bawah pentadbiran MBPG.
- Pemantauan Skim Komuniti Selamat yang telah beroperasi dengan kebenaran.



MURNInets

- Penyelarasan dan pengumpulan maklumat daripada jabatan dalaman bagi tujuan pengukuran program MURNInets yang melibatkan 51 petunjuk kemampunan.
- Penyelarasan dan pengumpulan maklumat daripada jabatan dalaman bagi tujuan pengukuran program MURNInets yang melibatkan 51 petunjuk kemampunan (tahunan).
- Kekerapan penilaian kemampunan bandar akan dibuat pada setiap tahun dan direkodkan sebagai rekod PBT.
- Memenuhi keperluan indikator, petunjuk dan kriteria yang digariskan di bawah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkua Tempatan (SPB-PBT) (2 kali setahun).

LAPORAN PROGRAM / AKTIVITI JABATAN BAGI TAHUN 2024

1) Sesi Pengauditan Program Low Carbon Cities 2030 Challenge Pada Tahun 2024 Anjuran Pihak Malaysia Green Technology And Climate Change Corporation (Mgtc)

Tempoh Pelaksanaan: Sesi persembahan data : 2-3 Julai 2024

Bulan Penyertaan: Julai 2024

Tarikh pengauditan: 12 November 2024

Status Semasa:

- Cadangan Zon 1: Perindustrian Pasir Gudang
- Kategori Anugerah: Diamond
 - Elemen Low Carbon: Tenaga, Air, Sisa Pepejal, Greenery
 - Penilaian Awalan (bukan Keputusan rasmi)
 - Energy 3 Diamond
 - Water 2 Diamond
 - Greenery 4 Diamond



- Cadangan Zon 1: Perindustrian Tanjung Langsat dan Sekitar
- Kategori Anugerah:
 - Pengiktirafan Penyertaan Baharu
 - Elemen Low Carbon: Tenaga, Air, Sisa Pepejal, Greenery



Sesi pengauditan sedang dijalankan oleh pihak Malaysia Green Technology Climate Action Corporation (MGTC).



1. SESI PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR PASIR GUDANG 2030

- a. Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar Pasir Gudang 2030 dibuat bersama runding oleh pihak PLANMalaysia iaitu Pejabat Projek Zon Selatan (PPZS). Tempoh penyediaan pelan tindakan ini bermula pada bulan April 2024 sehingga September 2024 yang melibatkan input dan kerjasama daripada jabatan dalaman MBPG serta agensi teknikal luar bagi menjayakan penghasilan Laporan Pelan Tindakan Bandar Pintar Pasir Gudang 2030.
- b. Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Bandar Pintar Pasir Gudang telah dilaksanakan semasa Program Johor Smart City Day yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor pada 6 Ogos 2024.
- c. Hasrat dan keperluan penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar Pasir Gudang 2030:
 - i. Menyokong agenda inisiatif bandar pintar di peringkat Nasional, Kerajaan Negeri dan peringkat MBPG.
 - ii. Memandu merealisasikan agenda Majlis Bandaraya Pasir Gudang sebagai pentadbir bandar bagi pengurusan perbandaran pintar yang cekap dan memperkasa warga Pasir Gudang ke arah transformasi Bandar Pintar. Kandungan pelan tindakan bandar pintar ini disediakan selaras dengan keperluan Malaysian Standard ISO 37122:2019 dan Malaysia Annex to MS ISO 37122:2019.
 - iii. Pelan Tindakan Bandar Pintar merupakan salah satu kriteria kelayakkan untuk mencapai sasaran penarafan Bandar Pintar Malaysia untuk Tahap 1: Smart City Early Adopter bagi tahun 2024 yang akan dibuat penilaian bermula bulan Jun 2024 sehingga bulan Julai 2024 dan seterusnya perancangan sasaran sehingga Tahap 4: Visionary Smart City menjelang 2030.
 - iv. Memandu pelaksanaan perancangan inisiatif bandar pintar yang lebih sistematik, komprehensif, bersasar dan mencapai matlamat selaras dengan hasrat di peringkat nasional, negeri dan MBPG khususnya bagi menjadikan Pasir Gudang Bandar raya sejahtera, pintar, dan rendah karbon menjelang tahun 2025.
 - v. Menyelesaikan isu dan cabaran perbandaran di Pasir Gudang dengan lebih sistematik, komprehensif dan berkesan.
 - vi. Memenuhi keperluan indikator, petunjuk dan kriteria yang digariskan di bawah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2024.



Sesi Pelancaran Pelan Tindakan Bandar Pintar yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor pada Program Johor Smart City Day.





1. PENGLIBATAN SEBAGAI PEMPAMER BAGI PAMERAN BANDAR PINTAR, BANDAR SELAMAT DAN BANDAR RENDAH KARBON MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

- a. Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) sedang giat merancang dan melaksanakan inisiatif-inisiatif Bandar Pintar, Bandar Rendah Karbon dan Bandar Selamat bagi mewujudkan persekitaran Bandaraya Pasir Gudang selaras dengan visi sebagai Bandar Sejahtera, Pintar dan Rendah Karbon menjelang tahun 2025.
- b. Bahagian Transformasi Bandar di bawah Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang ketika ini di bawah Jabatan Perancang Bandar dan Lanskap, MBPG juga bertindak dalam penglibatan sebagai pempamer di Program dan Acara peringkat Organisasi, Jabatan, Daerah, Negeri dan Antarabangsa yang diadakan secara tahunan dan pada tarikh-tarikh tertentu.
- c. Penglibatan sebagai pempamer di Program dan Acara tersebut dengan tujuan membawa nama dan imej MBPG ke platform Bandar Pintar Malaysia, Bandar Rendah Karbon dan Bandar Selamat yang diiktiraf di dalam dan luar negara dengan berkongsi pelaksanaan inisiatif-inisiatif Bandar Pintar, Bandar Rendah Karbon dan Bandar Selamat yang telah, sedang dan akan dilaksanakan.

Program Yang Diadakan Bagi Tahun 2024:

Tajuk Program/Acara : Johor Smart City Day 2024

Tarikh : 06 Ogos 2024

Dirasmikan Oleh : Exco Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Johor (Wakil MB Johor)

Anjuran : Planmalaysia@Johor



Tajuk Program/Acara : Dinamika Hijau 2024

Tarikh : 25-28 Julai 2024

Dirasmikan Oleh : Exco Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Johor (Wakil MB Johor)

Anjuran : Planmalaysia@Johor





Tajuk Program/Acara	: Program Madani Rakyat Zon Selatan
Tarikh	: 15-17 Ogos 2024
Dirasmikan Oleh	: Perdana Menteri Malaysia
Anjuran	: Kementerian



Tajuk Program/Acara	: SME ESG START Symposium (Johor) 2024
Tarikh	: 15-17 Ogos 2024
Dirasmikan Oleh	: Perdana Menteri Malaysia
Anjuran	: Kementerian



Antara intipati dan aktiviti yang dipamerkan dan dilaksanakan sepanjang tempoh pameran adalah memperkenalkan Rancangan Tempatan Pasir Gudang 2030, Rancangan Kawasan Khas Industri dan Pelabuhan Pasir Gudang, Rancangan Kawasan Khas Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang, Pelan Strategik Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Pelan Tindakan Bandar Pintar Pasir Gudang 2030.

- d. Dapatan output daripada pameran-pameran yang telah dilaksanakan oleh Unit Smart City telah meluaskan lagi pendedahan, kesedaran, kepekaan dan cakna.

PENCAPAIAN-PENCAPAIAN YANG DIPEROLEH SEPANJANG TAHUN 2024

1. PENCAPAIAN BANDAR MAMPAH DI BAWAH PROGRAM MURNINETS TAHUN 2024 ANJURAN PIHAK KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN BERSAMA PLANMALAYSIA

- a. Tempoh pelaksanaan mengemaskini data-data MURNINets telah dilaksanakan selama 4 bulan 21 hari iaitu bermula pada 8 Mac 2024 sehingga 31 Mac 2024. Pelaksanaan program MURNINets yang mengandungi 6 Dimensi, 25 tema dan 51 penunjuk telah lengkap diisi didalam gerbang MURNINets. Pihak MBPG telah memperolehi Markah 96.42% dan telah menerima Anugerah Bandar Paling Mampan 2024 di Peringkat Kebangsaan yang telah disempurnakan Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 28 Oktober 2024. Selain itu, Anugerah Khas Bandar Mampan Peringkat Negeri Johor bagi tahun 2024 telah disempurnakan YAB Menteri Besar Johor pada 17 November 2024.






2. PENCAPAIAN PENARAFAN BANDAR PINTAR MALAYSIA TAHAP 1: EARLY ADOPTER ANJURAN PIHAK KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN BERSAMA PLANMALAYSIA

Tempoh pelaksanaan mengemaskini data-data penarafan Bandar Pintar elah dilaksanakan selama 1 bulan iaitu bermula pada 15 Jun 2024 sehingga 15 Julai 2024. Pelaksanaan program Penarafan Bandar Pintar Tahap 1: Early Adopter yang mengandungi 4 kriteria wajib dan 10 indikator pelaksanaan bandar pintar telah dikemaskini. Pihak MBPG telah memperolehi menerima Anugerah Penarafan Bandar Pintar Tahap 1: Early Adopter bersama-sama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Daerah Kulai (MPKu), Majlis Daerah Segamat, Majlis Daerah Tangkak yang telah disempurnakan Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 28 Oktober 2024.



3. PENCAPAIAN PENGIKTIRAFAN DIAMOND BAGI PROGRAM LOW CARBON CITY CHALLENGE 2030 ANJURAN PIHAK MALAYSIA GREEN TECHNOLOGY AND CLIMATE ACTION CORPORATION (MGTC)

Tempoh pelaksanaan mengemaskini data-data penarafan Program Low Carbon City Challenges (LCCF) 2030 bagi Zon 2: Perindustrian Tanjung Langsat telah dilaksanakan selama 5 bulan 21 hari iaitu bermula pada 21 Februari 2024 sehingga 15 Ogos 2024. Pelaksanaan program LCCF telah dikemaskini. Pihak MBPG telah memperolehi menerima yang telah disempurnakan oleh wakil Menteri Air dan Kelestarian Alam Malaysia pada 27 Februari 2024.



This is to verify that
Majlis Bandaraya Pasir Gudang
has successfully implemented the following LCCF
activities in the year 2023 across 3 categories:
Implementation of 100% LED lighting
and carbon emissions reduction of 8,000 tCO₂/year.

Category	Implementation Status	Completion Status
Energy Efficiency	100% Achieved	100% Achieved
Waste Management	100% Achieved	100% Achieved
Water Conservation	100% Achieved	100% Achieved
Carbon Emissions	100% Achieved	100% Achieved



4. PENCAPAIAN PENYERTAAN ZON BAHARU BAGI PROGRAM LOW CARBON CITY CHALLENGE 2030 ANJURAN PIHAK MALAYSIA GREEN TECHNOLOGY AND CLIMATE ACTION CORPORATION (MGTC)

Tempoh pelaksanaan mengemaskini data-data penarafan Program Low Carbon City Challenges (LCCF) 2030 bagi Zon 1: Pasir Gudang telah dilaksanakan selama 5 bulan 21 hari iaitu bermula pada 21 Februari 2024 sehingga 15 Ogos 2024. Pelaksanaan program LCCF telah dikemaskini. Pihak MBPG telah memperolehi menerima yang telah disempurnakan oleh wakil Menteri Air dan Kelestarian Alam Malaysia pada 27 Februari 2024.



Project Name: LC ZONE 1 PASIR GUDANG					
LCC Serial No.: LCC-Z-J010-07-0001					
Parameter	Initial Value		Projected Value		Notes
	Current	Target	Actual	Forecast	
Energy	0.000000	0.000000	0.000000	0.000000	0.00
Water	0.000000	0.000000	0.000000	0.000000	0.00
Waste	0.000000	0.000000	0.000000	0.000000	0.00
Mobility	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Total Resource Utilization					
Resource	Initial Value		Projected Value		Notes
	Current	Target	Actual	Forecast	
Renewable Energy	0.000000	0.000000	0.000000	0.000000	0.00
Water Conservation	0.000000	0.000000	0.000000	0.000000	0.00
Waste Recycling	0.000000	0.000000	0.000000	0.000000	0.00
Mobility Efficiency	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Resource Consumption					
Resource	Initial Value		Projected Value		Notes
	Current	Target	Actual	Forecast	
Renewable Energy	0.000000	0.000000	0.000000	0.000000	0.00
Water Conservation	0.000000	0.000000	0.000000	0.000000	0.00
Waste Recycling	0.000000	0.000000	0.000000	0.000000	0.00
Mobility Efficiency	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00

This is to certify that
MAURICE WILHELMUS FREDERICK HEDBERG
for
12.25% of the stock
Long Island Corp.
has successfully exhibited his (her) services by 100.00%
since 2011 active, 1 years ago, equivalent to
100.00% of 1,000
and has received his (her) compensation payment
by 12.25% for 1,000.00 US Dollars.

BAHAGIAN KAWALAN PERANCANGAN

JUMLAH PERMOHONAN BAGI TAHUN 2024

BIL.	PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN
1	Kebenaran Merancang	73
2	Kebenaran Merancang Sementara	17
3	Skim Komuniti Selamat	16
4	Nama Jalan	17
5	Pelan Bangunan	87
6	Pelan Jalan, Parit & Tanah	21
7	Permit Sementara	9
8	Penginapan Pekerja Asing	24



BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN & GIS

Program Publisiti Dan Pernyataan Awam Bagi Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Industri Dan Pelabuhan Bandaraya Pasir Gudang 2030 Dan Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang 2030

Program ini bertujuan memastikan perancangan kawasan khas di Pasir Gudang terutamanya industri, pelabuhan, dan kampung pinggiran bandar dapat dilaksanakan dengan pendekatan inklusif, lestari, dan menyokong kesejahteraan masyarakat setempat serta pembangunan ekonomi bagi Kajian Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Industri Dan Pelabuhan Bandaraya Pasir Gudang 2030 Dan Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang 203.

Selaras dengan peruntukan subseksyen 13(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 [Akta 172], Draf Rancangan Kawasan Khas Industri & Pelabuhan Bandaraya Pasir Gudang & RKK Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang yang telah disediakan ini telah dipublisitikan untuk diteliti oleh orang awam mulai 29 Januari 2024 sehingga 27 Februari 2024 dan dihebahkan melalui Notis akhbar tempatan iaitu Sinar Harian (bahasa kebangsaan) wajib mengikut peruntukan Akta 172 dan The Star (Bahasa Inggeris - bahasa alternatif) pada tarikh seperti berikut :-

- i. 25 Januari 2024
- ii. 29 Januari 2024
- iii. 20 Februari 2024

Selain hebahan melalui sinaran akhbar, hebahan pemasangan Gegantung di Tempat atau Laluan Utama juga dilaksanakan, gegantung, LED Billboard Kawasan Perindustrian Pasir Gudang dan melalui Laman Web dan Media Massa.



Majlis Bandaraya Pasir Gudang
29 Jan 2024
RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK)

1. RKK Industri dan Pelabuhan Bandaraya Pasir Gudang
2. RKK Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang

Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) ini telah diserahkan berdasarkan kepada Subseksyen 16B(3), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) oleh Majlis Bandaraya Pasir Gudang melalui perunding yang dilantik.

Program Publisiti dan Pernyataan Awam Draf RKK ini sedang berlansung bermula pada 29 Januari 2024 dan berakhir pada 27 Februari 2024. Semakan laporan boleh dibuat pada hari bekerja di:

1. Pejabat Majlis Bandaraya Pasir Gudang
2. UTC Pasir Gudang
3. Pejabat PLANMalaysia@Johor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor).
4. Pejabat Tanah Johor Bahru

Orang awam atau penduduk setempat dijemput untuk mengemukakan cadangan/maklumbalas kepada semua cadangan yang telah dikemukakan dalam RKK tersebut. Semakan laporan juga boleh dibuat secara atas talian (online) melalui kod QR dalam lampiran gambar ataupun melalui pautan :

[Home](#) [Facebook](#) [Marketplace](#) [Events](#) [Nextofame](#) [Menu](#)



Pemeriksaan laporan Draf Rancangan Kawasan Khas Industri & Pelabuhan Bandaraya Pasir Gudang & RKK Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang dan bahan-bahan pameran telah disediakan dan dibuka kepada orang awam di:



Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran (JSTP) Bagi Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Industri Dan Pelabuhan Bandaraya Pasir Gudang 2030 Dan Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang 2030

Selaras dengan peruntukan Subseksyen 14(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 Akta 172 Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran kepada Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Industri & Pelabuhan Bandaraya Pasir Gudang telah mengadakan pendengaran kepada bantahan dan pandangan daripada awam pada:

- 22 Julai 2024
- 9.00 pagi hingga 11.30 pagi
- Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, MBPG.

Dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bantahan Dan Pendengaran, YB Datuk Mohd. Jafni Bin Md Shukor.





Bilangan Pengunjung

Program Publisiti dan Penyertaan Awam yang berlangsung pada 29 Januari 2024 hingga 27 Februari 2024, dianggarkan kehadiran adalah seramai 300 orang. Walaubagaimanapun, seramai 109 orang telah menyertai dan membuat pemeriksaan laporan Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Industri & Pelabuhan Bandaraya Pasir Gudang dan Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang.

Jadual Tempat Pameran dan Bilangan Pengunjung

BIL.	TEMPAT PAMERAN	BILANGAN PENGUNJUNG
1	Pejabat Majlis Bandaraya Pasir Gudang	58
2	UTC Pasir Gudang	47
3	Pejabat PLANMalaysia@Johor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor)	-
4	Pejabat Tanah Johor Bahru	4
Jumlah Keseluruhan		109

Maklumbalas Awam

Sepanjang tempoh publisiti dan pemeriksaan oleh orang awam, sebanyak 8 borang Penyertaan Awam telah diterima oleh pihak Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Daripada jumlah tersebut, tiga (6) maklum balas telah diterima melalui kaedah borang oleh pihak Majlis Bandaraya Pasir Gudang manakala dua (2) maklum balas diterima secara atas talian.

Jumlah Borang Maklum Balas yang Diterima

BIL.	TEMPAT PAMERAN	JUMLAH BORANG (DALAM TEMPOH)	JUMLAH BORANG (TAMAT TEMPOH)
1	Majlis Bandaraya Pasir Gudang	6	Tiada
2	PLANMalaysia Johor	Tiada	Tiada
3	Pejabat Tanah Johor Bahru	Tiada	Tiada
4	Bantahan Atas Talian (Online)	2	Tiada
Jumlah Keseluruhan		8	

PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM DRAF RANCANGAN TEMPATAN PASIR GUDANG (RTPG) 2030 (PENGUBAHAN 1)

Selaras dengan peruntukan subseksyen 13(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 [Akta 172], Draf Rancangan Tempatan Pasir Gudang (RTPG) 2030 (Pengubahan 1) yang telah disediakan ini telah dipublisitikan untuk diteliti oleh orang awam selama 4 minggu bermula 17 September 2024 hingga 16 Oktober 2024.

Merujuk subseksyen 13(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 [Akta 172], apabila Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) telah menyediakan Draf Rancangan Tempatan, ia hendaklah menyiaran pemberitahuan kepada orang awam dengan mengeluarkan notis akhbar sebanyak tiga (3) keluaran di dalam sekurang-kurangnya dua (2) akbar tempatan, satu (1) daripadanya berbahasa kebangsaan. Notis tersebut menyatakan:

- i. Tempat, tarikh dan masa untuk pemeriksaan DRT;
- ii. Tempoh yang diberi kepada orang awam untuk mengemukakan pandangan, cadangan atau bantahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan;
- iii. Pihak yang bertanggungjawab untuk mendengar dan mengambil maklum cadangan, pandangan dan bantahan awam.



Dalam melaksanakan keperluan subseksyen ini, senarai akhbar tempatan dan tarikh terbitan adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS AKHBAR	TARIKH TERBITAN		
1	Sinar Harian	11 Sept 2024	17 Sept 2024	10 Okt 2024
2	The Star	11 Sept 2024	17 Sept 2024	10 Okt 2024

NOTICE

NOTICE

NOTICE


Pemeriksaan laporan Draf Rancangan Tempatan Pasir Gudang (RTPG) 2030 (Pengubahan 1) dan bahan-bahan pameran telah disediakan dan dibuka kepada orang awam di beberapa tempat seperti berikut:

TARIKH	MASA	TEMPAT
17 September 2024	8.30 pagi - 4.00 petang (Ahad-Rabu)	Pejabat Majlis Bandaraya Pasir Gudang Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor Darul Ta'zim.
Hingga	8.30 pagi - 3.30 petang (Khamis)	UTC Pasir Gudang Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang, Aras 2, 81700 Pasir Gudang, Johor Darul Ta'zim.
16 Oktober 2024	Tutup pada hari Jumaat, Sabtu dan Cuti Umum	Pejabat PLANMalaysia@Johor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor), Aras 1, Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang, Kota Iskandar, 79646 Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim. Pejabat Tanah Johor Bahru Jalan Datin Halimah, Larkin Jaya, 80350 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.





Pameran Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Pasir Gudang (RTPG) 2030 (Pengubahan 1) di Pejabat Majlis Bandaraya, UTC Pasir Gudang, Pejabat PLANMalaysia@johor, dan Pejabat Tanah Johor Bahru.



Bilangan Pengunjung

Sepanjang Program Publisiti dan Penyertaan Awam yang berlangsung pada 17 September hingga 16 Oktober 2024, dianggarkan kehadiran adalah seramai 250 orang. Selain itu, seramai 71 orang telah menyertai dan membuat pemeriksaan laporan Draf Rancangan Tempatan Pasir Gudang (RTPG) 2030 (Pengubahan 1), seperti mana di Jadual 5.1.

Jadual Tempat Pameran dan Bilangan Pengunjung

BIL.	TEMPAT PAMERAN	BILANGAN PENGUNJUNG
1	Pejabat Majlis Bandaraya Pasir Gudang	41
2	UTC Pasir Gudang	25
3	Pejabat PLANMalaysia@Johor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor)	1
4	Pejabat Tanah Johor Bahru	4
Jumlah Keseluruhan		71

Maklumbalas Awam

Sepanjang tempoh publisiti dan pemeriksaan oleh orang awam, sebanyak lima (2) maklum balas yang telah diterima. Semua maklum balas tersebut diterima melalui kaedah borang oleh pihak Majlis Bandaraya Pasir Gudang bermakna tiada maklum balas diterima secara atas talian.

Jumlah Borang Maklum Balas yang Diterima

BIL.	TEMPAT PAMERAN	JUMLAH BORANG (DALAM TEMPOH)	JUMLAH BORANG (TAMAT TEMPOH)
1	Majlis Bandaraya Pasir Gudang	2	Tiada
2	PLANMalaysia Johor	Tiada	Tiada
3	Pejabat Tanah Johor Bahru	Tiada	Tiada
4	Bantahan Atas Talian (Online)	Tiada	Tiada
Jumlah Keseluruhan		2	



Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) dan Program Mesra Industri (PMI)

Mesyuarat *Industrial Park Management Committee* (IPMC) di Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) merupakan platform kerjasama antara pihak berkuasa tempatan, pengurusan taman perindustrian, dan pihak industri untuk membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan, pembangunan, serta pemeliharaan kawasan perindustrian di Pasir Gudang. Mesyuarat ini berfungsi untuk menyelaras inisiatif yang meningkatkan kecekapan operasi, memantau kepatuhan terhadap peraturan, serta memastikan persekitaran industri yang mampan dan kondusif. Selain itu, Program Mesra Industri (PMI) merupakan inisiatif MBPG untuk memperkuuh hubungan dengan pihak industri melalui aktiviti seperti dialog, lawatan tapak, dan bengkel yang bertujuan memahami keperluan industri serta menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan secara inklusif dan berdaya saing.

Tahun 2024 telah melaksanakan sebanyak empat (4) Mesyuarat *Industrial Park Management Committee* (IPMC) dan dua (2) Program Mesra Industri (PMI).

BIL.	MESYUARAT IPMC & PMI	TARIKH & MASA
1.	Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) Bil.40 (1/2024) bertempat di Dewan Cempaka, Aras 20, Menara Aqabah Majlis Bandaraya Pasir Gudang	20 Mac 2024 (Rabu) Jam 10.00 Pagi
2.	Mesyuarat Industrial Park Management Commiitee (IPMC) BIL.41 (2/2024) bertempat di Dewan Cempaka, Aras 20, Menara Aqabah, Majlis Bandaraya Pasir Gudang	24 Jun 2024 (Isnin) Jam 9.30 Pagi - 11.30 Pagi
3.	Mesyuarat Industrial Park Management Commirree (IPMC) BIL.42 (3/2024) bertempat di Dewan Cempaka, Aras 20, Menara Aqabah, Majlis Bandaraya Pasir Gudang	4 September 2024 (Rabu) Jam 8.30 Pagi - 10.30 Pagi
4.	Program Mesra Industri (PMI) Bil.16 (1/2024) bertempat di Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah, Majlis Bandaraya Pasir Gudang	4 September 2024 (Rabu) Jam 10.00 pagi -1.00 Petang
5.	Mesyuarat Industrial Park Management Commiitee (IPMC) BIL. 43 (4/2024), bertempat di Dewan Cempaka, Aras 20, Menara Aqabah, Majlis Bandaraya Pasir Gudang	19 Disember 2024 (Khamis) Jam 9.00 Pagi - 10.30 Pagi
6.	Program Mesra Industri (Pmi) Bil.17 (2/2024), bertempat di Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah, Majlis Bandaraya Pasir Gudang	19 Disember 2024 Jam 10.00 pagi -1.00 Petang
Jumlah Keseluruhan		6



BAHAGIAN LANDSKAP

FUNGSI BAHAGIAN LANDSKAP

1. UNIT PEMBANGUNAN PROJEK

- i. Menyelaras projek pembangunan atau menaik taraf landskap dan pengurusan penyelenggaraan landskap (*soft scape* iaitu pokok, tanaman renek, rumput dan *hard scape* seperti pejalan kaki, wakaf, perabot landskap, kolam air pancuran, air terjun), tasik, padang taman permainan kanak-kanak serta kawasan rekreasi dan taman awam dan tapak semaihan.
- ii. Menyediakan kertas kerja dan pelan reka bentuk untuk tujuan permohonan peruntukan projek pembangunan dan naik taraf termasuk kerja-kerja penyelenggaraan landskap kepada pihak kementerian dan agensi luar.
- iii. Menyelaras penyediaan/kemas kini Pelan Induk Lanskap Pasir Gudang selaras dengan hala tuju dan perancangan strategik Majlis Bandaraya Pasir Gudang setiap 10 tahun.
- iv. Memastikan pembangunan landskap oleh setiap pemaju mematuhi dasar dan garis panduan yang telah ditetapkan dengan semakan pelan-pelan susun atur landskap yang dicadangkan.
- v. Menyelaras penyediaan dasar dan garis panduan pembangunan dan pengurusan landskap selari dengan Pelan Induk Lanskap Pasir Gudang.
- vi. Menyelaras projek pembangunan landskap, pengindahan kawasan di dalam kawasan pentadbiran MBPG.
- vii. Menyelaras permohonan pelan pembangunan landskap yang dikemukakan oleh pemaju mengikut garis panduan, membentangkan dan mengesyorkan kelulusan di peringkat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).
- viii. Memastikan penguatkuasaan Undang-undang Kecil Taman dan Kawalan Pematuhan Lanskap MBPG termasuk Akta-akta yang berkaitan dengan aktiviti rekreasi dipatuhi.
- ix. Melaksanakan pengindahan landskap supaya fungsi jabatan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

2. UNIT PENGURUSAN REKREASI DAN TAMAN

- i. Menyelaras pembangunan landskap di kawasan hijau, kawasan lapang, Kawasan rekreasi, taman awam dan rezab yang dibenarkan dengan penyediaan konsep pembangunan.
- ii. Menyediakan anggaran kos dan mengesahkan pelan reka bentuk dan pelan perseimbahan untuk kelulusan Datuk Bandar Pasir Gudang.
- iii. Menyediakan program bersama komuniti (community engagement) untuk pembangunan dan penyelenggaraan landskap kawasan penempatan masyarakat dengan tujuan memberikan pendedahan serta sayangi alam sekitar, bertanggungjawab ke atas harta benda awam serta ilmu berkaitan tanaman ke arah bandar raya rendah karbon.
- iv. Menyelaras dan menyediakan pelaporan, kertas kerja, dan aktiviti LA21 berkaitan landskap bagi memastikan berjalan dengan lancar.
- v. Menyelaras Program Bandar Rendah Karbon berkaitan inisiatif Kebun Komuniti.
- vi. Melaksanakan pengurusan penyelenggaraan landskap dan operasi di taman komuniti dan dilaksanakan dengan berkesan.
- vii. Menyelaras dan mengawal selia pengurusan taman (Awam/Komuniti) dan kerja-kerja penyelenggaraan landskap serta fasiliti taman-taman awam agar fungsi jabatan dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- viii. Mengurus, menyelia dan memantau kerja-kerja penyelenggaraan landskap serta kemudahan rekreasi termasuk memotong rumput, membersih kawasan Taman Bandar, Taman Tasik Perdana, Taman Dahlia, Laman Rekreasi Sungai Buloh, Bakau dan X-Treme Park.
- ix. Menyelaras dan pemantauan aktiviti-aktiviti penyewaan yang dijalankan di taman-taman awam serta memastikan kebersihan dan tiada kerosakan berlaku sewaktu aktiviti dijalankan.

3. UNIT PENGURUSAN LANDSKAP DAN OPERASI

- i. Selanggara pokok utama
 - Menyediakan draf peruntukan bagi penyelenggaraan pokok utama dan rumput di Jalan Protokol.
 - Mengenal pasti, menilai dan membuat penilaian awal keperluan penyelenggaraan pokok dan rumput.
 - Mengawas dan menyelia serta menyediakan laporan aktiviti -aktiviti kerja kontraktor.
 - Menyediakan, menyemak dan membuat perakuan tuntutan bayaran.
 - Menguruskan tebang cantas pokok di sekitar kawasan pentadbiran MBPG mengikut zon landskap.



- Menguruskan aduan yang telah dibuat oleh orang awam.
 - Membuat program penyelenggaraan pokok termasuk pokok warisan.
 - Membuat tindakan kecemasan apabila berlaku pokok tumbang.
 - Melaksanakan kerja-kerja pemangkasan pokok/penebangan pokok dan pembersihan sisa-sisa pemangkasan pokok/penebangan pokok.
- ii. Tapak semaian
- Memastikan tapak semaian sentiasa tersedia, selamat dan berfungsi.
 - Menguruskan tempahan dan permohonan/sewaan anak-anak pokok dan perkhidmatan hiasan program-program yang berkaitan dengan landskap di Kawasan pentadbiran majlis.
 - Menguruskan aset tanaman termasuk menyediakan senarai semakan bagi hiasan pokok termasuk kerja-kerja rekod terimaan dan daftar keluar masuk tanaman melalui sistem SPAT.
 - Membuat kerja-kerja selenggara seperti menyiram, membaja, merumput, meracun dan sebagainya dalam kawasan tapak semaian.
 - Membersihkan longkang, pasu-pasu dan kebersihan kawasan.
 - Membiaik anak-anak pokok yang baru.
 - Mengambil dan menyusun semula anak-anak pokok ke dalam blok setelah kerja-kerja hiasan.
 - Mengamalkan cara kerja yang konsisten dan amalan EKSA.
 - Bertanggungjawab menguruskan landskap di bawah pentadbiran MBPG serta memastikan kawasan sentiasa dalam keadaan bersih, selamat, kemas dan terjaga.
- iii. Pengurusan penyelenggaraan zon/penyelenggaraan padang
- Bertanggungjawab merancang dan menguruskan penyelenggaraan landskap/operasi dan padang bola sepak dibawah pentadbiran MBPG serta memastikan kawasan sentiasa dalam keadaan baik, selamat dan terjaga.
 - Menguruskan kerja-kerja selenggara seperti membaja, menyiram dan merumput kawasan landskap oleh pihak kontraktor.
 - Menyediakan draf peruntukan bagi penyelenggaraan landskap dan rumput.
 - Mengenal pasti, menilai dan membuat penilaian awal keperluan penyelenggaraan landskap dan padang bola sepak.
 - Mengawas dan menyelia serta menyediakan laporan aktiviti-aktiviti kerja kontraktor.
 - Melaksanakan cadangan pengurusan penyelenggaraan landskap dan operasi serta dokumentasi berkaitan lantikan.
 - Menyediakan, menyemak dan membuat peakuan tuntutan bayaran.
 - Menyelaras pengurusan penyelenggaraan landskap lembut dan kejur termasuk taak permainan kanak-kanak.

4. UNIT PENTADBIRAN

- i. Membantu Ketua Jabatan/Bahagian melaksanakan tugas pentadbiran pejabat.
- ii. Melaksanakan tugas perkeranian dan menguruskan hal ehwal pentadbiran pejabat.
- iii. Menguruskan dan mengawasi fail-fail bahagian agar sentiasa bersistematis dan berkeadaan baik.
- iv. Menyediakan dan mengemaskini laporan bulanan bahagian pengurusan projek dan penyelenggaraan.
- v. Menyedia/atau menaip surat-surat keluar yang berkaitan dengan jabatan.
- vi. Menyedia/menaip memo berkaitan jabatan.
- vii. Mengemaskini kerja-kerja pengrekodan surat-surat dan fail jabatan.
- viii. Menyediakan laporan dan pembentangan untuk mesyuarat jawatankuasa tetap MBPG.
- ix. Menyediakan daftar rekod bagi semua pemborong-pemborong baru.
- x. Menyediakan sokongan bayaran pemborong-pemborong untuk pembayaran.
- xi. Menguruskan dan menyediakan bekalan alat tulis atau barang-barang jabatan dalam.
- xii. Menguruskan tuntutan lebih masa dan perjalanan jabatan dalam.
- xiii. Menyediakan dan membuat invoice bayaran penyewaan/wang amanah taman-taman awam dan hiasan pentas/invoice bayaran pemulangan wang amanah.
- xiv. Membantu melaksanakan objektif dan fungsi jabatan selaras dengan dasar dan manual kerja yang ditetapkan.



LAPORAN BAHAGIAN LANDSKAP 2024

PROGRAM PENANAMAN POKOK

- Bagi tahun 2024 setakat Oktober 2024 sebanyak 12,184 pokok telah di tanam.
- Penanaman pokok dibuat oleh MBPG (staff dan kontraktor), pemaju dan pekilang di kawasan pentadbiran MBPG.
- JLNJ mensasarkan 9,000 pokok setahun untuk semua PBT di kawasan Johor.

Pelan Lokasi Penanaman Pokok



Bulatan Jalan Persiaran Scientex hingga Bulatan Jalan Persiaran Nusa Damai 280 Nos - Mesua Ferrea (Penaga Lilin)

Kos Projek	RM460,100.00
Tempoh Pelaksanaan	1 Ogos 2024 – 6 November 2024 (14 minggu)
Status Semasa	Telah siap dilaksanakan
Status Bayaran	Dalam proses dokumentasi
Kategori Projek	Penghijauan kawasan pentadbiran MBPG
Jabatan Pelaksana	Bahagian Lanskap



Jalan EDL (Clover Leaf)
431 Nos - Hopea Odorata (Merawan Siput Jantan)



Persiaran Nusa Damai
1,500 Nos - Syzygium Campanulatum (Kelat Paya)

Gambar Projek Penanaman Pokok








PROGRAM PENANAMAN POKOK DARI JANUARI HINGGA OKTOBER 2024

- Bagi tahun 2024 setakat oktober 2024 sebanyak 12,184 pokok telah di tanam.
- Penanaman pokok dibuat oleh MBPG (staff dan kontraktor), pemaju dan pekilang di kawasan pentadbiran MBPG.
- JLNJ mensasarkan 9,000 pokok setahun untuk semua PBT di kawasan Johor.

BIL.	JENIS POKOK	LOKASI PENANAMAN
1	Hujan-Hujan (Samanea Saman)	Jalan Utama
2	Merawan Siput Jantan (Hopea Odorata)	Jalan Utama
3	Tembusu (Fagraea Fragrance)	Jalan Utama
4	Khaya Senegalensis (Khaya)	Kawasan Taman
5	Penaga Lilin (Messua Ferrea)	Jalan Utama/Lapisan ke-2
6	Palma Serdang Cina (Livistonea Chinensis)	Jalan Utama/Taman Awam
7	Tembusu Tikus (Diospyros Buxifolia)	Jalan ke Dua
8	Bungor (Lagerstromia Spp)	Jalan keDua
Keseluruhan : 260,413 Pokok Utama Sasaran Tahunan 10 Ribu Pokok		
2023		2024
4400 Pokok		10,200 Pokok



BIL.	BUTIRAN KERJA	KOS
1	Penghijauan Jalan Besar dan Lanskap Labuhraya Pasir Gudang	700,000.00
2	Projek penghijauan Jalan Persiaran Scientex	100,000.00
3	Projek Menghias Bunga-bungaan Bermusim di kawasan tumpuan MBPG	5,000,000.00
4	Rejuvinasi Pekan Masai Fasa 1	1,400,000.00
	Jumlah	7,200,000.00





PROGRAM PENANAMAN POKOK DARI JANUARI HINGGA OKTOBER 2024

• Januari 2024

BIL.	KAWASAN	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	JUMLAH
1	Taman Bandar	Aglaia Korthalsii	Sekiat	9
		Sandoricum Koetjape	Sentul	4
		Cynometra Cauliflora	Nam-nam	1
		Lepisanthes Rubiginosa	Mertajam	5
		Pometia Pinnata	Lenggeng	4
		Mangifera Quadrifida	Sepam	1
		Garcinia Atroviridis	Asam Gelugor	10
		Baccaurea Motleyana	Rambai	2
		Knema Spp	Penarahan	4
		Nephelium Ramboutan	Pulasan Kampung	5
		Mangifera Caesia	Binjai	2
		Shorea Spp	Meranti	70
2	Jalan Besar	Eugenia Oleana	Kelat Paya	1150
3	Axteria Eco Sdn Bhd Pusat Perdagangan 2	Eugenia Oleana	Kelat Paya	860
Jumlah Januari				2127

• Februari 2024

BIL.	KAWASAN	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	JUMLAH
1	Taman Awam Bestari Perdana	Azadirachta Indica	Semambu	120
		Cinnamom Verum	Kayu Manis	15
		Eugenia Papilose	Kelat Paya	30
		Hopea Nervosa	Merawan	15
		Shores Spp	Meranti	15
		Mesua Ferrea	Penaga Lilin	15
		Syzygium Polyanthum	Salam	15
		Xanthostemin Chrysanthus	Jambu Kuning	15
		Mimusops Elengi	Tanjung	15
		Diospyros Diepenhorstii	Kayu Arang	15
		Sterculia Foetida	Kalumpang	15
		Drybalanops Aromatica	Kapor	15
2	Johor Land Taman Bukit Dahlia	Caesalpinia Ferrea	Brazilian Ironwood	75
3	Teo Tuan Kwee Sdn Bhd Jalan Sagai 2	Hopea Odorata	Merawan Siput Jantan	15
Jumlah Februari				390



• Mac 2024

BIL.	KAWASAN	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	JUMLAH
1	Taman Awam Bestari Perdana	Hopea Nervosa	Merawan	37
		Caesalpinia ferrea	Brazilian Ironwood	9
		Michelia Chempaka	Pokok Cempaka	1
		Samanea Saman	Pokok Hujan-hujan	14
		Alstonia Scholaris	Pokok Pulai	11
2	Bazaria Taman Flora Heights	Mimusops Elengi	Pokok Tanjung	37
3	Ye Chiu Non-Ferrous Metal (M) Sdn Bhd Jalan Rumbia 1A	Mesua Ferrea	Penaga Lilin	162
Jumlah Mac				271

• April 2024

BIL.	KAWASAN	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	JUMLAH
1	Sungai Kim Kim	Peltophorum Pterocarpum	Jemerlang Laut	12
2	Trident Success Sdn Bhd Bandar Seri Alam	Hopea Odorata	Merawan Siput Jantan	10
		Cratoxylum Cochinensis	Kayu Arang	27
		Millettia Pinnata	River Mempari	6
Jumlah April				55

• Mei 2024

BIL.	KAWASAN	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	JUMLAH
1	Taman Tasek Bukit Dahlia	Melia Indicata	Jemerlang Laut	40
		Baccaurea Kunstleri	Rambai Hutan	15
		Eugenia Oleana	Kelat paya	30
		Hopea Odorata	Merawan Siput Jantan	15
		Mesua Ferrea	Iron Wood	13
		Mimusops Elengi	Bunga Tanjung	17
		Aquilaaria Malaccensis	Gaharu	11
		Shorea Spp	Meranti	19
		Cratoxylum Cochinchinense	Kayu Arang	9
		Hopea Odorata	Merawan Siput Jantan	2
Jumlah Mei				171

• Jun 2024

BIL.	KAWASAN	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	JUMLAH	
1	Taman Tasek Bukit Dahlia	Wodyetia Bifurcata	Palma	12	
		Bucida Molineti	Dwarf Geometry Tree	16	
2	Grandview Reality Sdn Bhd Taman Denai Alam	Hopea Odorata			
		Agathis Borneensis	Merawan Siput Jantan	17	
3	Temokin Development Sdn Bhd Taman Nusa Damai	Caesalpinia Ferrea	Damar Minyak	23	
			Brazillion Ironwooe	10	
		Hopea Odorata	Merawan Siput Jantan	6	
		Samanea Saman	Hujan-hujan	5	
		Michelia Alba	Cempaka Putih	4	
		Eugenia Polyantha	Brazil Cherry	9	
Jumlah Jun				730	
Jumlah Mac-April-May				521	



• Julai 2024

BIL.	KAWASAN	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	JUMLAH
1	Taman bandar	Podocarpus Macrophyllus	Bonsai	4
		Livistona Rotundifolia	Java Palm	30
		Dypsis Lutescens	Yellow Palm	30
2	Meridin East Sdn Bhd Taman Bestari Perdana	Alstonia Angustifolia	Pulai	13
		Michelia Champaka	Cempaka Jingga	8
		Samanea Saman	Hujan-hujan	5
3	Ye Chiu Non Ferrous Metal (M) Sdn Bhd Ptd 5353, Jalan Teruntum 4, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat	Cinnamomum Camphora	Camphor Tree	44
		Mesua Ferrea	Ironwood	22
		Eugenia Oleana	Kelat Paya	600
Jumlah Julai				756

• Ogos 2024

BIL.	KAWASAN	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	JUMLAH
1	Jalan Masjid Dari Persimpangan Jalan Besar Hingga Ke Persimpangan Kong-Kong Masai	Eugenia Oleana	Kelat Paya	600
2	Taman Tasik Perdana	Lagerstromia Langkawinensis	Bungor Daun Merah	9
		Mesua Ferrea	Penaga Lilin	14
		Cratoxylum	Kayu Arang	1
3	Ye Chiu Non Ferrous Metal (M) Sdn Bhd Ptd 5357, Jalan Rumbia 1A, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat	Cinnamomum Camphora	Camphor Tree	174
		Mesua Ferrea	Penaga Lilin	153
		Podocarpus Macrophyllus	Buddhist Pine	17
		Bucida Molineti	Bucida	31
		Eugenia Oleana	Kelat Paya	4750
Jumlah Ogos				5749

• September 2024

BIL.	KAWASAN	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	JUMLAH
1	Taman Scientex dan Nusa Damai (Bulatan)	Mesua Ferrea	Penaga Lilin	280
2	Clover leaf (Jalan EDL)	Hopea Odorata	Merawan Siput Jantan	280
	Sungai Selangkah	Swietenia Macrophylla	Mahogany	33
3	Pekan Masai	Tristaniopsis Whiteana	Pelawan	17
		Gmelina Dalrympleana	Grey Teak	7
4	Medini Heritage Sdn Bhd Taman Perdana Tiong Nam	Michelia Champaca	Cempaka Jingga	81
		Caesalpinia Ferrea	Brazilian Ironwood	63
5	Scudai Development Sdn Bhd Taman Tg. Puteri Resort	Eugenia Polyantha	Pokok Salam	11
6	Tanjung Langsat Port Kawasan Paya Bakau Tanjung Langsat	Rhizopharo Apiculata Bl.	Paya Bakau	1000
Jumlah September				1772


• Oktober 2024


BIL.	KAWASAN	NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	JUMLAH
1	Clover leaf (Jalan EDL)	Hopea Odorata	Merawan Siput Jantan	61
Jumlah Oktober				61

JUMLAH BESAR 12184



PROGRAM PENANAMAN POKOK DARI JANUARI HINGGA OKTOBER 2024








PENGGUNAAN SPAH BAGI TUJUAN PENYIRAMAN POKOK DI TAPAK SEMAIAN 2024

MPPG juga telah mengenalpasti Kolam Takungan yang sesuai untuk SPAH Lanskap. Pelaksanaan ini mengurangkan keperluan penjanaan air apabila air dari beberapa tasik digunakan bagi tujuan siraman landskap di MPPG. Kolam takungan yang dikenalpasti bagi tujuan pelaksanaan SPAH untuk landskap hendaklah disediakan akses dan tapak platform **BAGI TUJUAN PENYIRAMAN**.

KRITERIA PENILAIAN	DATA
Bilangan kolam tadahan yang digunakan untuk pokok/landskap dan kegunaan lain yang sesuai	10

Antara Kolam dan Tasik Tadahan Spah untuk Kegunaan Lanskap dan lain-lain






PEMBANGUNAN KEBUN KOMUNITI PASIR GUDANG

Nama Projek Inisiatif	PEMBANGUNAN KEBUN KOMUNITI PG
Penyertaan	19 Kebun Komuniti
Aktiviti perlaksanaan	Jan 2024 – November 2024
Jenis aktiviti	Pembangunan Kebun Komuniti Jualan Kebun Komuniti Penyertaan Seminar/ Siri Pemindahan Ilmu




BIL.	TAMAN/LOKASI	JUMLAH
1	Taman Flora Height (Happy Farm)	1
2	Taman Air Biru (Rumah Pangsa Peringkat 1)	1
3	3 Jalan Balau, Taman Rinting	7
4	Taman Bukit Dahlia (Kebun Komuniti Fasa Damai, Jln Semerbak 20)	1
5	Taman Scientex (Kebun Komuniti Pelanduk)	1
6	Kota Masai (Kebun Komuniti Jln Duku, Jalan Bacang)	2
7	Darul Hanan	1
8	Taman Pasir Putih (Kebun Komuniti Pasir Putih)	1
9	Kebun Komuniti Angsana, Taman Rinting	1
10	Kebun Komuniti Oku Tanjung Puteri	1
11	Kebun Komuniti Laman Lestari Hijau MBPG	1
12	Sek Ren Kota Masai 3	1
JUMLAH		19


• Kebun Komuniti Air Biru




• Kebun Taman Pasir Putih




• Kebun Komuniti Duku




• Kebun Komuniti Fasa Damai




• Kebun Komuniti Bacang




• Kebun Komuniti Angsana



• Kebun Komuniti Balau Blok G



• Kebun Komuniti Balau Blok R





Nama Projek Inisiatif	PEMBANGUNAN RAKAN TAMAN PASIR GUDANG
Penyertaan	13 Rakan Taman
Aktiviti perlaksanaan	Jan 2024 – November 2024
Jenis aktiviti	Pengindahan Taman Komuniti. Penyelarasian aktiviti Masyarakat



2006

TK PERJURUANAN TAMAN AIR BRU



2007

TK JALAN NENAS KOTA MASAI



2008

TK CAHAYA MASAI



2009

TK PERJURUANAN, TAMAN AIR BRU



2010

TK KULTAMA



2011

TAMAN MUHIBAH



2012

TK DESA RAKYAT



2013

TK TAMAN PURI SCIENTEX



2014

TK KEBANGSAAN



2015

TK SIRINGKAI



2017

TK BALAU



2018

TK NUSA DAMAI

Nama Projek Inisiatif: Pengemaskinian Inventori Pokok Di Taman Bandar
Penyertaan: Anggota Pekerja Bahagian Landskap
Aktiviti perlaksanaan: Jan 2024 – November 2024
Jenis aktiviti: Mengemaskini senarai nama pokok/bilangan pokok dan kategori pokok





Nama Projek Inisiatif	Pemerkasaan Kebun Komuniti PG 2024 bersama DBKL
Penyertaan	Ketua Kebun Komuniti
Aktiviti perlaksanaan	16 Jan 2024
Jenis aktiviti	Pengurusan Kebun dan Ahli Kebun Mempelajari cara pengurusan kewangan/ pentadbiran dan kaedah komunikasi bersama rakan kebun yang lain DBKL mengumpulkan pakar dari team local agenda (UPM, UIA, Ketua Komuniti membuat pemindahan ilmu kepada ketua kebun MBPG)



Nama Projek Inisiatif	Kolaborasi Bersama UniKL
Penyertaan	Pelajar seramai 30 orang
Aktiviti perlaksanaan	17 Jan 2024
Jenis aktiviti	Sessi Pemindahan Ilmu Pokok Warisan di Taman Bandar CSR Taman Bandar dan gotong royong di kawasan rekreasi.





Nama Projek Inisiatif	Penerimaan Anugerah Bandar Rendah Karbon 2023
Penyertaan	MBPG
Aktiviti perlaksanaan	7 Februari 2024
Jenis aktiviti	Pengkalan Data Kawasan Penghijauan Penanaman Pokok dan Kawasan Zon 1A Oleh Bahagian Lanskap Menyumbang Data Grenery



Nama Projek Inisiatif	Perasmian Pusat Lestari MBPG
Penyertaan	Peserta Kebun Komuniti dan Rakan Taman
Aktiviti perlaksanaan	14 Februari 2024
Jenis aktiviti	Menyelaras penyertaan Ketua Kebun Komuniti dan Rakan Taman Bandar mengikut aktiviti yang di jalankan



Nama Projek Inisiatif:	
Pameran Dan Jualan Kebun Komuniti DIFLLS 2024	
Penyertaan:	
Peserta Kebun Komuniti	
Aktiviti perlaksanaan:	
28 Februari 2024 – 3 Mac 2024	
Jenis aktiviti:	
Mempamerkan serta perkongsian ilmu.	
Aktiviti jualan hasil produk kebun.	





Nama Projek Inisiatif	Kebun Komuniti dan Rakan Strategik Pelajar UPM
Penyertaan	Peserta Kebun Komuniti
Aktiviti perlaksanaan	2 Mei 2024
Jenis aktiviti	Sessi Pemindahan ilmu tanaman CSR – Program suai kenal kepada kebun komuniti, sessi pembelajaran tentang pokok.



Nama Projek Inisiatif	Pemerkasaan Penghijauan Melalui Program Keterjaminan Makanan (Program Kelestarian Kebun Komuniti The Greaters JB Bersama Pakar UPM)
Penyertaan	Peserta Kebun Komuniti Guru guru dan Pakar UPM
Aktiviti perlaksanaan	5 Mei 2024
Jenis aktiviti	Sessi Fokus Group Discussion Apakah Peranan Kebun Komuniti, Keberkesanan Kebun Komuniti. Bagaimana kebun Komuniti Berdaya Tahan.





Nama Projek Inisiatif	Jamuan Hari Raya Kebun Komuniti
Penyertaan	Peserta Kebun Komuniti PG
Aktiviti perlaksanaan	9 Mei 2024
Jenis aktiviti	Aktiviti masakan dan makanan dari produk Kebun Komuniti dan penyediaan oleh Kebun Komuniti



Nama Projek Inisiatif	Pembangunan My Step Taman Awam
Penyertaan	Anggota Pekerja My Step Bhgn Landskap
Aktiviti perlaksanaan	25 Mei 2024
Jenis aktiviti	Pengredan dan penambahbaikan kepada penyelenggaraan taman awam untuk tempoh 5 bulan 2024 Laporan harian tugas My Step






Nama Projek Inisiatif	Pengredan Jan – Jun Taman Awam
Penyertaan	Rakan Taman
Aktiviti perlaksanaan	9 Jun – 10 Jun 2024
Jenis aktiviti	Pengredan dan penambahbaikan kepada penyelenggaraan taman awam oleh Rakan Taman



Nama Projek Inisiatif	Festival Hari Dinamika Hijau 2024 Pasir Gudang
Penyertaan	Pengiat Lanskap dan Komuniti
Aktiviti perlaksanaan	25 – 28 Julai 2024
Jenis aktiviti	Jualan Pameran Pemindahan Ilmu Seminar Booth aktiviti lanskap



Nama Projek Inisiatif	Jom Jumpa Rakyat Bersama Jualan Kebun Komuniti
Penyertaan	Kebun Komuniti PG
Aktiviti perlaksanaan	6 Julai 2024
Jenis aktiviti	Jualan, Pameran Pemindahan Ilmu Booth aktiviti lanskap





Nama Projek Inisiatif	Pemerkasaan Kebun Komuniti Industri dan DBKL
Penyertaan	Tanjung Langsat Port
Aktiviti perlaksanaan	20 September 2024
Jenis aktiviti	Sessi Pemindahan Ilmu dan Perkongsian Tanaman Kebun Komuniti Industri



Melalui aktiviti lawatan ini, masyarakat dapat berinteraksi, berkongsi ilmu, dan bekerjasama dalam usaha pemuliharaan alam sekitar. Ini membantu memupuk semangat komuniti dan kesedaran bersama tentang pentingnya kelestarian alam.

Nama Projek Inisiatif	Penerokaan Bidang Pertanian dan Produk (MAHA)
Penyertaan	Peserta Kebun Komuniti Peserta Rakan Taman
Aktiviti perlaksanaan	19 September 2024
Jenis aktiviti	Penerokaan aktiviti pertanian, produk dan penghasilan didalam bidang pertanian



Pameran ini mungkin turut memberi tumpuan kepada kepentingan pemakanan sihat, dimana pengunjung boleh belajar tentang nutrien penting yang terkandung dalam pelbagai jenis sayur-sayuran serta cara menanam sayur-sayuran serta cara menanam sayur-sayuran organik yang lebih sihat untuk pengguna.



Nama Projek Inisiatif:
Jualan Madani KPDKN

Penyertaan:
Peserta Kebun Komuniti

Aktiviti perlaksanaan:
28 September 2024

Jenis aktiviti:
Jualan
Pameran
Pemindahan Ilmu
Booth aktiviti lanskap



Nama Projek Inisiatif	Jom Jumpa Rakyat Bersama Jualan Kebun Komuniti
Penyertaan	Kebun Komuniti PG
Aktiviti perlaksanaan	6 Julai 2024
Jenis aktiviti	Jualan, Pameran Pemindahan Ilmu Booth aktiviti lanskap



• JABATAN BANGUNAN

BAHAGIAN KELULUSAN DAN KAWALAN BANGUNAN

FUNGSI BAHAGIAN KELULUSAN BANGUNAN

1. Unit Pelan Bangunan

- i. Menyediakan khidmat nasihat kepada Perunding Bertauliah (PT) untuk permohonan pelan bangunan bagi projek pembinaan di Kawasan MBPG.
- ii. Mengadakan lawatan dan pemeriksaan tapak cadangan pembinaan untuk syor ulasan teknikal perakuan pemohonan pelan bangunan.
- iii. Pengurusan dan penyelarasian permohonan pelan bangunan melalui system online (OSC 3 PLUS) dari semasa ke semasa.
- iv. Menguruskan permohonan pelan bangunan sehingga peringkat kelulusan penuh (endorsement).

2. Unit Pemeriksaan Bangunan

- i. Mengadakan lawatan pemeriksaan tapak untuk sokongan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
- ii. Memastikan pihak PSP telah mematuhi syarat pelan lulus dan syarat pemeriksaan untuk sokongan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
- iii. Memastikan pembinaan yang telah siap di tapak mematuhi syarat-syarat sepertimana kelulusan Pelan Bangunan untuk sokongan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
- iv. Pengurusan dan penyelarasian permohonan pemulangan wang Amanah pelan bangunan selepas Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan.
- v. Melaksanakan pemeriksaan secara berkala bagi bangunan tinggi melebihi 5 tingkat yang berusia lebih 10 tahun.

3. Unit Permit

- i. Pengurusan dan penyelarasian permohonan baru permit sementara.
- ii. Pengurusan dan penyelarasian permohonan pembaharuan permit sementara.
- iii. Pemantauan berkala bayaran tahunan permit sementara yang telah dijelaskan.
- iv. Menyediakan kertas kerja bagi Cadangan kadar caj bayaran permit.

4. Unit UT Dan Setara

- i. Menyediakan khidmat rundingan PSP serta pemilik kediaman berkenaan garis panduan.
- ii. Pengurusan dan penyelarasian permohonan Ubah Tambahan Rumah (UT) sehingga ke peringkat kelulusan dan proses tuntutan wang Amanah.
- iii. Menyediakan kertas kerja bagi Cadangan reka bentuk pelan Ubah Tambahan Rumah (UT) yang diselaraskan dengan garis panduan.

5. Unit Penguatkuasaan

- i. Bekerjasama dengan Bahagian Pelesenan dalam proses pembaharuan dan permohonan lesseni.
- ii. Pengurusan dan penyelarasian urusan penguatkuasaan, pembinaan bangunan, binaan/struktur haram tanpa kelulusan sehingga ke peringkat pendakwaan di bawah Akta 133.
- iii. Bertanggungjawab mengeluarkan notis lawatan dalam dalam penguatkuasaan pembinaan bangunan dan ubah tambahan bangunan tanpa kelulusan.
- iv. Pengurusan aduan awam terhadap pembinaan bangunan dan binaan/struktur haram tanpa kelulusan.
- v. Mengadakan lawatan tapak untuk membantu unit proses dalam memproses permohonan tuntutan wang amanah.



LAPORAN DAN MAKLUMAT AKTIVITI JABATAN BANGUNAN 2024

i. UNIT PELAN & PEMERIKSAAN BANGUNAN, UNIT UT & SETARA, DAN UNIT PERMIT

BIL.	PERKARA	TERIMA	SELESAI	TERIMAAN BAYARAN (RM)
1	Jumlah permohonan kelulusan pelan bangunan (baru, ubahan tambahan & pindaan pelan)	116	116	15,927,624.81
2	Jumlah permohonan sokongan sijil perakuan siap dan pematuhan	60	60	-
3	Jumlah permohonan kelulusan pelan ubahan tambahan rumah kediaman, kedai pejabat & pelan setara	520	520	558,614.50
4	Jumlah permohonan dan pembaharuan permit sementara bangunan	310	310	2,562,327.93
5	Jumlah permohonan dan pembaharuan permit sementara menara/ struktur telekomunikasi	9	9	653,280.00

ii. UNIT PENGUATKUASAAN DAN UNIT PENDAKWAAN

BIL.	PERKARA	TERIMA	SELESAI	TERIMAAN BAYARAN (RM)
1	Tindakan terhadap aduan-aduan awam yang diterima melalui Sistem SISPAA, Skuad Tinjau, Ahli Majlis dan jabatan dalam	246	243	-
2	Proses rampasan Wang Amanah/Deposit Pelan (PB & UT)	596	596	379,900.00

iii. REKABENTUK DAN DASAR

1	Cadangan kerja-kerja mengubahsuai susun atur ruang pejabat sedia ada, Aras 2, Aras 12 Dan Aras 17 serta kerja-kerja yang berkaitan di bangunan Menara Aqabah Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
2	Cadangan kerja-kerja menyelenggara ruang pejabat serta kerja-kerja yang berkaitan di Bangunan Menara Aqabah Majlis Bandaraya Pasir Gudang untuk tempoh 1 tahun (2024).
3	Kerja - kerja meroboh, membersih dan membuang segala struktur binaan lantai konkrit dan pembinaan struktur dinding tanpa kebenaran di kawasan pentadbiran MBPG, 81700 Pasir Gudang, Johor Darul Ta'zim. (tahun 2024)
4	Cadangan kerja-kerja mengecat semula bangunan di Jalan Masai Lama bagi program pengindahan dan rejuvenasi Pekan Masai, 81700 Pasir Gudang, Johor.
5	Cadangan kerja-kerja hiasan dalaman dan menaiktaraf ruang legar lif dan studio di Aras 5, Bangunan Menara Aqabah, untuk Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

• JABATAN KEJURUTERAAN

BAHAGIAN JALAN, PARIT DAN SALIRAN

Unit Jalan

1. Memastikan aduan kerosakan jalan diambil tindakan dalam tempoh 3 hari.
2. Melaksanakan semakan terhadap permohonan OSC.
3. Memastikan kerja-kerja kontraktor penyelenggaraan jalan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MBPG.
4. Memastikan sokongan bayaran kontraktor dibuat dalam tempoh 14 hari.
5. Menyediakan dan memastikan draf dokumen sebutharga kerja-kerja penyelenggaraan dimajukan kepada Unit
6. Pengurusan Kontrak 3 bulan sebelum tamat tempoh kontrak.
7. Memastikan kerja-kerja penyelenggaraan mengikut bajet yang ditetapkan oleh Majlis.
8. Memastikan semua perabot jalan dikawasan Majlis diselenggara menggunakan spesifikasi JKR.
9. Membuat perancangan dan melaksanakan penambahbaikan perabot jalan didalam kawasan Majlis dengan menggunakan peruntukan Majlis dan Kerajaan.
10. Memastikan semua perabot jalan dikawasan Majlis diselenggara menggunakan spesifikasi JKR.
Menyediakan draf dokumen tender/sebutharga untuk kerja-kerja penyelenggaraan.

Unit Parit Dan Saliran

1. Melaksana dan menyelia kerja-kerja pembaikan kerosakan sistem saliran dan perparitan di kawasan Majlis melalui peruntukan yang disediakan oleh Majlis.
2. Melaksanakan kerja-kerja naiktaraf sistem perparitan di kawasan Majlis melalui peruntukan Majlis dan Kerajaan.
3. Membuat semakan dan ulasan keatas pelan permohonan cadangan sistem saliran dan perparitan di kawasan Majlis untuk perakuan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).
4. Menyediakan draf dokumen tender/sebutharga untuk kerja-kerja pembaikan dan projek naiktaraf sistem saliran di kawasan Majlis.
5. Memberi perakuan kerja-kerja pembinaan sistem saliran yang dibina oleh pemaju untuk sokongan CCC dan dan diserahkan kepada Majlis.
6. Memastikan aduan awam kerosakan sistem perparitan diambil tindakan dengan segera.
7. Memastikan sokongan bayaran kontraktor dibuat dalam tempoh 14 hari.
8. Menyemak dan menguruskan permohonan agensi utiliti (TNB, TELEKOM, Maxis, Celcom, GAS Malaysia, Air) serta memantau kerja-kerja yang dilaksanakan.

Unit Pelan Infra

1. Menjalankan proses pra rundingan bersama pihak perunding (PSP) berkaitan permohonan Pelan Infrastruktur (Kerja Tanah, Jalan & Perparitan dan Pelan Lampu Jalan) bagi pembangunan di dalam kawasan pentadbiran MBPG.
2. Menyemak dan memproses dokumen untuk Pelan Infrastruktur sebelum diberikan ulasan di dalam Portal OSC 3Plus Online.
3. Memberikan ulasan teknikal berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan di dalam Portal OSC 3Plus Online.
4. Menyediakan kertas perakuan untuk permohonan Pelan Infrastruktur untuk dibentangkan dan diberikan syor kelulusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.
5. Memproses kelulusan Pelan Infrastruktur (endorsement) selepas diberikan kelulusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.
6. Menyelaras dan menguruskan lawatan pemeriksaan tapak untuk sokongan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
7. Memastikan pihak PSP telah mematuhi syarat pelan lulus dan syarat pemeriksaan untuk sokongan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
8. Mengurus dan memproses permohonan pemulangan wang amanah pelan Kerjatanah selepas satu (1) tahun sokongan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) di keluarkan.



BAHAGIAN PEMBANGUNAN PROJEK

Unit Projek Khas

1. Menguruskan penyediaan kertas kerja cadangan projek-projek yang dilaksanakan untuk di bentangkan kepada pihak pengurusan.
2. Menyediakan anggaran kos projek untuk dimasukkan ke dalam permohonan bajet tahunan MBPG.
3. Menyelaras dalam penyediaan jadual perlancangan projek-projek yang akan dilaksanakan.
4. Memberikan syor kepada pihak pengurusan bagi proses perlantikan perunding bagi perlaksanaan projek.
5. Menguruskan menyelaras dan menyelia pembangunan pasca kontrak bagi projek-projek khas MBPG.
6. Memastikan projek MBPG di laksanakan mengikut jadual dan kos yang telah ditetapkan
7. Menyediakan laporan perlaksanaan projek-projek khas MBPG untuk di bentangkan kepada pihak pengurusan.

Unit Projek Kemudahan Awam

1. Menyediakan draf dokumen tender/sebutharga
2. Memastikan kerja-kerja kontraktor mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MBPG.
3. Memastikan kerja-kerja mengikut bajet yang ditetapkan oleh MBPG.
4. Memastikan sokongan bayaran kontraktor dibuat dalam tempoh 14 hari.

BAHAGIAN ELEKTRIK

Unit Lampu Isyarat

1. Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan lampu isyarat dan kerja - kerja berkaitan melalui peruntukan yang disediakan dalam belanjawan MBPG dan peruntukan dari agensi-agensi kerajaan.
2. Memastikan aduan kerosakan lampu isyarat diambil tindakan serta merta.
3. Menyediakan draf dokumen tender/sebutharga untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan projek baru berkaitan lampu isyarat dan mekanikal & elektrikal.
4. Membuat semakan dan ulasan ke atas pelan permohonan cadangan pemasangan lampu isyarat di kawasan Majlis untuk perakuan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
5. Memberi perakuan kerja-kerja pemasangan lampu isyarat yang dibina oleh pemaju bagi sokongan CCC dan penyerahan kepada MBPG.
6. Menyemak dan memproses sokongan bayaran kontraktor dalam tempoh 14 hari.

Unit Lampu Jalan

1. Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan lampu jalan serta kerja-kerja yang berkaitan dengan elektrikal dan mekanikal melalui peruntukan yang disediakan dalam belanjawan MBPG dan peruntukan dari agensi-agensi kerajaan.
2. Memastikan aduan kerosakan lampu jalan diambil tindakan serta merta.
3. Menyediakan draf dokumen tender/sebutharga untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan projek baru berkaitan lampu jalan dan mekanikal & elektrikal.
4. Membuat semakan dan ulasan ke atas pelan permohonan cadangan pemasangan lampu jalan dan lampu taman permainan di kawasan MBPG untuk perakuan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
5. Memberi perakuan kerja-kerja pemasangan lampu jalan yang dibina oleh pemaju untuk sokongan CCC dan penyerahan kepada Majlis.
6. Menyediakan permohonan kemudahan lampu jalan dan taman permainan oleh penduduk mengikut keperluan.
7. Menyalurkan aduan awam berkaitan kerosakan lampu jalan kepada agensi terlibat seperti TNB dan JKR.
8. Menyemak dan memproses sokongan bayaran kontraktor dalam tempoh 14 hari.



SENARAI PROJEK SIAP JABATAN KEJURUTERAAN TAHUN 2024

RINGKASAN BAGI PROJEK TAHUN 2024



SENARAI PROJEK SIAP TAHUN 2024

BIL.	TAJUK PROJEK	TEMPOH PERLAKSANAAN
1.	Kerja-Kerja Menyelenggara Jalan Di Blok 17 Dan 18 Perjiranan 10, Taman Air Biru, Pasir Gudang	15/1/2024 – 24/3/2024
2.	Kerja-Kerja Menurap Semula Kawasan Meletak Kenderaan Rumah Pangsa Serta Menaiktaraf Taman Permainan Kanak-Kanak Di Blok C, Blok H Dan Blok Y Jalan Tasek 64, Bandar Seri Alam, Pasir Gudang, Johor	1/2/2024 – 22/5/2024
3.	Kerja-Kerja Membina Pagar Pintu Masuk Dan Kerja-Kerja Kejuruteraan Awam Di Setor Taman Mawar Pasir Gudang	1/3/2024 - 25/4/2024
4.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Pagar Dan Jalan Di Kawasan Sarang Buaya, Pasir Gudang	25/3/2024 - 5/5/2024
5.	Kerja-Kerja Menaik Taraf Gerai Makan Di Kebayan Jalan Timah, Dun Permas, MB Pasir Gudang	7/4/2024 - 29/6/2024



BIL.	TAJUK PROJEK	TEMPOH PERLAKSANAAN
6.	Kerja-Kerja Menaik Taraf Gerai Makan Di Kg Kopok, Dun Tiram, MB Pasir Gudang	  7/4/2024 - 1/6/2024
7.	Kerja-Kerja Membina Setor Dan Membaikpulih Kerosakan Di Dewan Terbuka Muafakat Taman Cendana, Pasir Gudang, Johor	  6/5/2024 - 30/6/2024
8.	Kerja-Kerja Membaik Pulih Balai Serbaguna Fasa 1, Taman Mawar, Pasir Gudang	  6/5/2024 - 30/6/2024
9.	Membina Baru 40 Unit Kiosk Di Tapak Penjaja Jalan Rimbun, MB Pasir Gudang	  25/7/2024 - 13/11/2024
10.	Kerja - Kerja Menaiktaraf Dan Membaiki Gelanggang Futsal Di Jalan Tasek 28, Bandar Seri Alam, Pasir Gudang, Johor	  1/8/2024 - 9/10/2024
11.	Kerja - Kerja Membina Gelanggang Futsal Di Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang, Johor	  1/8/2024 - 10/10/2024



BIL.	TAJUK PROJEK	TEMPOH PERLAKSANAAN
12.	Kerja - Kerja Membina Gelanggang Futsal Di Jalan Jambu 16, Taman Kota Masai, Pasir Gudang, Johor	  1/8/2024 - 23/10/2024
13.	Kerja - Kerja Membina Gelanggang Futsal Di Jalan Kuini, Taman Kota Masai, Pasir Gudang, Johor	  1/8/2024 - 20/11/2024
14.	Kerja - Kerja Menaiktaraf Dan Membalik Gelanggang Futsal Di Jalan Tenteram 3, Taman Nusa Damai, Pasir Gudang, Johor	  1/8/2024 - 23/10/2024
15.	Kerja - Kerja Menaiktaraf Dan Membalik Gelanggang Futsal Di Jalan Pelanduk Taman Scientex, Pasir Gudang, Johor	  1/8/2024 - 23/10/2024
16.	Kerja - Kerja Menaiktaraf Dan Membalik Gelanggang Futsal Di Kg Pasir Gudang Baru, Pasir Gudang, Johor	  1/8/2024 - 9/10/2024
17.	Kerja - Kerja Menaiktaraf Dan Membalik Gelanggang Futsal Di Jalan Nenas 14 Taman Kota Masai, Pasir Gudang Johor	  1/8/2024 - 23/10/2024



BIL.	TAJUK PROJEK	TEMPOH PERLAKSANAAN
24.	Kerja-Kerja Memasang Pagar & Penghadang Anti Climb Di Padang Bola Taman Awam Eco Tropics Taman Kota Masai, Pasir Gudang Johor	  1/8/2024 - 9/10/2024
25.	Kerja-Kerja Membekal Dan Memasang Pagar Anti Climb Padang Bola Sepak MBPG 2, Pasir Gudang, Johor	  1/8/2024 - 23/10/2024

• JABATAN KESIHATAN AWAM, PERSEKITARAN DAN PELESENAN

FUNGSI JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PERSEKITARAN

1. Unit Kawalan Alam Sekitar

- Pemantauan kualiti udara persekitaran dan gas berbahaya.
- Pemantauan kualiti air sungai.
- Pemantauan kontraktor penyelenggaraan perangkap sampah dan log boom.
- Siasatan aduan berkaitan pencemaran sungai.

2. Unit Pematuhan

- Pemeriksaan premis/industri.
- Rondaan pemantauan efluan industri.
- Siasatan aduan berkaitan industry.
- Operasi bersepadu dan penguatkuasaan.

3. Unit Pengurusan Tapak Pelupusan Sampah

- Mengurus kemasukan lori sampah dan membuat laporan mengikut kategori sampah.
- Memastikan sampah yang dibuang ke TPSTL bukan sisa buangan terjadual.
- Memantau pengoperasian jentera berat, tanah merah, penyelenggaraan aset dan system jambatan timbang.
- Memantau kolam rawatan leachate dan final discharge.

BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN BANDAR

1. Unit Tandas Awam

- Menilai dan memantau kebersihan tandas awam dan premis perniagaan melalui penggredan tandas.
- Merancang dan melaksanakan program melalui kejasama bersepadu antara institusi, jabatan, swasta dan NGO yang melibatkan kebersihan tandas.
- Menyedia dan mengemaskini rekod dan reten kebersihan tandas dalam Kawasan PBT.
- Meningkatkan kualiti kebersihan tandas melalui pelbagai medium dan kaedah.

2. Unit Kawalan Premis Makanan

- Menilai dan memantau kualiti keselamatan dan kebersihan makanan di permis perniagaan, penjaja serta penjaja bermusim.
- Merancang dan melaksana program penilaian risiko makanan.
- Menyedia dan mengemaskini rekod dan retan pengredan premis makanan.
- Menyiasat aduan yang berkaitan kebersihan premis makanan.
- Melaksanakan operasi bersepadu dalam pematuhan kawalan kebersihan premis makanan.
- Melaksanakan program pendidikan kawalan dan pengeluaran notis terhadap tiada beg plastik sekali guna dan polisterin.

3. Unit Zoonosis/Sanitasi/Lilati

- i. Unit Zoonosis
 - Bertanggungjawab dalam merancang dan memantau aktiviti kawalan zoonosis seperti kes anjing liar dan gagak.
 - Pengurusan dan analisis data pelaksanaan kawalan.
 - Membantu menyelia kerja-kerja pihak ketiga yang dilantik.
- ii. Unit Lilati
 - Bertanggungjawab menjalankan siasatan aduan dan tindakan kawalan lipas, lalat dan tikus terhadap harta dan bangunan milik MBPG.



iii. Unit Sanitasi

- Bertanggungjawab menjalankan tindakan sanitasi berkala terhadap bangunan milik MBPG yang kerap dilawati orang awam.
- Memastikan Kawasan yang terdapat kew wabak dijalankan dengan segera.

4. Unit Kawalan Vektor

- Bertanggungjawab dalam merancang, mengurus, menyelaras, memberi input dan menganalisis program kawalan vektor.
- Merancang keperluan bahan kimia dan peralatan bagi penggunaan kawalan vektor.
- Penilaian risiko kesihatan dan pengauditan kesihatan persekitaran.
- Pemerhatian dan tindakan susulan pengauditan kesihatan persekitaran.
- Penyelidikan dan pembangunan kesihatan sejagat.
- Merancang program intervensi dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Johor Bahru.
- Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

Pengurusan Bahan Kimia Dan Stor Bahan Kimia

- Bertanggungjawab kepada penggunaan peralatan, bahan kimia/racun, mesin dan kenderaan yang terdapat di Bahagian Kesihatan Awam.
- Bertanggungjawab terhadap pengurusan bahan sekunder yang terhasil dari penggunaan bahan kimia/racun.

5. Unit Kawalan Seliaan Pemantauan Kontraktor

- Pemanataun kerja-kerja oleh kontraktor lantikan MBPG.
- Bertanggungjawab dalam merancang, mengurus, melaksanakan dan menyelaras program kebersihan awam melalui Kerjasama bersepadau antara komuniti, institusi, jabatan, swasta dan NGO.

6. Unit Kawal Seliaan Dan Pemantauan

- Pemantauan kerja-kerja oleh agensi SWCorp dan SWM.
- Pemantaun dan tindakan aduan awam yang melibatkan kebersihan awam.
- Menyelaras tindakan kawasan serahan kerja kebersihan antara agensi, SWCorp dan pemaju.
- Melaksanakan tindakan kebersihan dan kecemasan secara *ad-hoc*.
- Menyelaras bantuan peralatan program-program yang melibatkan kebersihan.

7. Seksyen Pengurusan Alam Sekitar

- Membuat semakan dan memberikan ulasan terhadap EIA dan terlibat sebagai panel mesyuarat kelulusan EIA.
- Membuat semakan pelan, ulasan OSC/CCC .
- Menguruskan program yang berkaitan dengan Occupational Safety & Health Serta Program Inisiatif CSR/Seminar berkaitan Pemuliharaan & Pemeliharaan Sungai.
- Menguruskan PAGEMA.

UNIT KLINIK MBPG

- Menyediakan rawatan perubatan
- Merujuk kes untuk rawatan pakar
- Mengurus rekod rawatan perubatan
- Mengendalikan kes kecemasan dan rawatan segera
- Menyediakan khidmat mabulans
- Menyediakan pasukan perubatan untuk acara arsmi organisasi (MBPG)
- Mengendalikan saringan Kesihatan
- Memberikan suntikan TY2 kepada peniaga makanan sekitar Pasir Gudang.
- Mengeluarkan ubat kepada pesakit
- Mengurus pembelian ubat dan peralatan ubat
- Membekalkan ubat-ubatan baru mula (First-aid)
- Storan ubat-ubatan
- Mengawal ubat-ubatan berjadual
- Melupus ubat-ubatan (tamat tempoh)



BAHAGIAN KEBERSIHAN

8. Seksyen Pasukan Tindakan Khas

- Pemantauan kerja-kerja oleh kontraktor lantikan MBPG.
- Pembersihan aduan awam secara 'ad-hoc'.


9. Seksyen Lestari

i. Pengkomposan Dan Kitar Semula

- Membuat program kitar semula di kawasan Pasir Gudang.
- Membuat kutipan sisa makanan dan Kebayan.
- Menghancurkan baja kompos yang telah siap untuk dijadikan baja.
- Melaksanakan program pengkomposan secara Black Soldier Fly (BSF), manual dan mesin.

ii. Seksyen Promosi Dan Pendidikan Kesihatan

- Mengadakan promosi.
- Membuat program pendidikan.
- Mengadakan kempen kesedaran.
- Menjalin kerjasama dengan pihak berkepentingan.





BAHAGIAN ALAM SEKITAR DAN KESELAMATAN INDUSTRI

LAPORAN BAHAGIAN ALAM SEKITAR DAN KESELAMATAN INDUSTRI

AKTIVITI	JUMLAH		
	STATUS KUALITI UDARA	BULAN	BACAAN (MIKROGRAM PERMETER PADU) 2024
Bacaan debu terampai PM 2.5 di udara Pasir Gudang adalah mematuhi piawaian WHO iaitu bawah 35 mikrogram semester padu setiap bulan.		Januari	12.65
		Februari	14.76
		Mac	16.43
		April	18.90
		Mei	11.31
		Jun	17.89
		Julai	17.26
		Ogos	13.89
		September	16.96
		Oktober	22.31
		November	13.22
		Disember	20.24
		Purata	16.08

STATUS KUALITI AIR

Pengambilan sampel air sungai dilaksanakan setiap bulan bagi memastikan tahap kualiti air sungai-sungai adalah baik dan mencapai klasifikasi Sungai Kelas III sebanyak 66.79 %. Kekerapan pemantauan 12 kali setahun. Pensampelan melibatkan 26 batang sungai utama (68 poin pensampelan).

PEMERIKSAAN PREMIS DAN PEMANTAUAN EFLUEN PERINDUSTRIAN

Terdapat 1063 industri yang beroperasi dalam kawasan pentadbiran MBPG yang terdiri daripada 63 industri berat dan berisiko tinggi serta termaktub di bawah Peraturan- Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996 dan selebihnya merupakan industri sederhana dan ringan.

Anggaran sebanyak 130 industri dikenal pasti mengalirkan efluen perindustrian yang perlu dirawat dengan sempurna sebelum dilepaskan ke longkang awam.

Purata bulanan pemeriksaan dan pemantauan efluen industri bagi tahun 2024 adalah sebanyak 100 industri bagi setiap bulan. Pemeriksaan dan pemantauan efluen dilaksanakan secara berjadual bagi memastikan industri mematuhi syarat-syarat alam sekitar sekaligus membendung sebarang aktiviti pencemaran daripada berlaku.

Sebanyak 131 Notis Pemeriksaan Alam Sekitar tahun 2024 telah dikeluarkan bagi industri yang menimbulkan kacau ganggu pada alam sekitar mengikut pada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan tindakan susulan kompaun telah dilaksanakan.

PAGEMA

Menganjurkan program *Mock Drill* atau seminar berkaitan keselamatan industri bersama Agensi Kerajaan dan Swasta terutamanya industri yang berisiko tinggi setiap tahun.

- Program Exercise-Site Emergency Response Action (X-SERA 2024) pada 19/11/2024



AKTIVITI BAHAGIAN ALAM SEKITAR DAN KESELAMATAN INDUSTRI


PENGUKURAN KUALITI UDARA MENGGUNAKAN ALAT HIGH VOLUME SAMPLER (HVS)



PEMANTAUAN KERJA-KERJA PENSAMPLEN AIR SUNGAI



PEMANTAUAN EFLUEN PERINDUSTRIAN DI KAWASAN PENTADBIRAN MBPG





**PEMERIKSAAN
PREMIS INDUSTRI
DI KAWASAN
PENTADBIRAN MBPG**



**PROGRAM
EXERCISE-SITE EMERGENCY
RESPONSE ACTION
(X-SERA 2024)
PADA 19/11/2024**





UNIT KESIHATAN AM, BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

LAPORAN UNIT KESIHATAN AM, BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

PENGURUSAN PENGGREDIAN PREMIS MAKANAN

AKTIVITI	JUMLAH
• Jumlah premis makanan diperiksa dan digredkan	950
• Jumlah notis dikeluarkan	821
• Jumlah kompaun dikeluarkan	275
• Jumlah penyertaan Kursus Pengendali Makanan	409
• Jumlah Hotel / Resort dipantau	6
• Peratus Hotel / Resort mendapat Gred A	3 (50%)
• Jumlah Restoran dipantau	565
• Jumlah Restoran mendapat Gred A	107
• Jumlah Kebayan dipantau	205
• Peratus Kebayan mendapat Gred A	61 (29.76%)
• Jumlah Kantin Dipantau	93
• Peratus Kantin mendapat Gred A	34 (36.56%)



Bagi meningkatkan kesedaran peniaga dan masyarakat, Bahagian Kesihatan memberi tunjuk ajar, penerangan dan pendedahan berkaitan kesihatan persekitaran kepada penduduk, pekilang dan pihak luar menerusi taklimat, pengedaran risalah, poster, media massa, kempen dan lain-lain bagi tahun 2024.

PENGURUSAN PROGRAM PENDIDIKAN KESIHATAN

AKTIVITI	JUMLAH
• Jumlah penganjuran bengkel/ceramah/taklimat	4
• Jumlah penganjuran pameran kesihatan	5
• Jumlah penganjuran program kesihatan/gotong royong	106



PENGURUSAN PENGAUDITAN TANDAS AWAM

AKTIVITI	JUMLAH
• Jumlah tandas di hotel dan restoran diaudit	484
• Peratus tandas di hotel dan restoran mendapat 4-5 bintang	263 (54.34%)
• Jumlah tandas di kawasan rekreasi diaudit	8
• Peratus tandas di kawasan rekreasi mendapat 4-5 bintang	6 (75%)
• Jumlah tandas di kebayan diaudit	20
• Peratus tandas di kebayan mendapat 4-5 bintang	20(100%)
• Jumlah tandas di pasar/pasaraya diaudit	15
• Peratus tandas di pasar/pasaraya mendapat 4-5 bintang	6 (40%)
• Jumlah tandas di masjid diaudit	22
• Peratus tandas di masjid mendapat 4-5 bintang	14 (63.63%)
• Jumlah tandas di stesen minyak diaudit	30
• Peratus tandas di stesen minyak mendapat 4-5 bintang	23 (76.67%)






PENGURUSAN KAWALAN VEKTOR

AKTIVITI	JUMLAH
• Jumlah kes demam denggi	1,672
• Jumlah kes demam denggi berdarah	-
• Jumlah kematian akibat demam denggi	-

MBPG melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan kawalan dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru dalam Operasi Penguatkuasaan Premis Individu (OPPI) sebanyak 2 kali sepanjang tahun 2024.

- Sekolah Menengah Jalan Kedidi, Taman Scientex (26/2/2024)
- Hospital Bandar Seri Alam (10/9/2024)



• Jumlah Aedes Survey	74,710
• Jumlah penggunaan Abate	91,760
• Jumlah premis menggunakan Abate	8,334
• Jumlah pemusnahan tempat pembiakan Aedes	32,665
• Jumlah semburan pengasapan	173,339

PENGURUSAN KAWALAN LILATI/ZONOSIS

AKTIVITI	JUMLAH
• Jumlah penghapusan anjing liar	3,908 ekor
• Jumlah penghapusan burung gagak	4,535 ekor
• Jumlah penghapusan tikus	2,566 ekor
• Jumlah aduan anjing liar	520 aduan



LAPORAN KES DEMAM DENGGI DI MBPG TAHUN 2024

BULAN	2024		
	DD	DDB	MATI
Januari	180	0	0
Februari	287	0	0
Mac	206	0	0
April	150	0	0
Mei	139	0	0
Jun	88	0	0
Julai	180	0	0
Ogos	101	0	0
September	71	0	0
Oktober	88	0	0
November	47	0	0
Disember	63	0	0
Jumlah	1,600	0	0



AKTIVITI UNIT KESIHATAN AM, BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

LARVACIDING/CARI DAN MUSNAH DI KAWASAN KES DEMAM DENGGI TAHUN 2024



PROGRAM GOTONG-ROYONG CEGAH DENGGI DAN PROMOSI KESIHATAN

BIL.	TARIKH	LOKASI
1.	25/5/2024	Jalan Tempua, Taman Scientex
2.	26/5/2024	Jalan Murai 1-10, Taman Scientex
3.	26/5/2024	Blok Desa Rakyat
4.	11/5/2024	Blok 12, 30, 37, 39, 43, 45, 51, 53, Taman Cendana
5.	5/5/2024 & 10/5/2024	Perumahan Bakti 1 & 2, Taman Air Biru
6.	12/5/2024	Jalan Gelam 1-22, Taman Rinting
7.	19/5/2024	Jalan Pulasan 20-27, Taman Kota Masai



OPERASI KAWALAN ANJING LIAR



OPERASI MENGHAPUSKAN GAGAK



KURSUS PENGENDALIAN MAKANAN

BIL.	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	Februari	54 orang
2.	Mac	32 orang
3.	April	28 orang
4.	Mei	18 orang
5.	Jun	62 orang
6.	Julai	41 orang
7.	Ogos	42 orang
8.	September	56 orang
9.	Okttober	27 orang
10.	November	33 orang
11.	Disember	16 orang



LAPORAN BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERBANDARAN TAHUN 2024

UNIT KEBERSIHAN

AKTIVITI	JUMLAH		
	BULAN	KUTIPAN SISA MAKANAN (KG)	BAJA TERHASIL (KG)
Program Pengkomposan Sisa Makanan	Januari	4,894.10	489.41
	Februari	4,050.50	405.05
	Mac	2,870.0	287.01
	April	8,984.70	298.47
	Mei	5,838.70	583.87
	Jun	5,301.60	530.16
	Julai	4,589.90	458.99
	Ogos	5,479.30	547.93
	September	4,948.60	494.86
	Oktober	6,416.60	641.66
	November	5,607.10	560.71
	Disember	5,001.10	500.11
Purata		57,982.30	5,798.23

AKTIVITI	JUMLAH				
	BULAN	MBPG (KG)	TPS (KG)	KOMUNITI (KG)	INSTITUSI (RM)
Program Kitar Semula	Januari	904.00	17,238	904	2,893
	Februari	2,450.00	12,570	2,450	1,838
	Mac	1,320.00	16,640	1,320	1,492
	April	359.00	16,135	1,511	3,356
	Mei	256.00	19,313	2,348	1,509
	Jun	280.00	17,548	1,574	2,182
	Julai	880.00	23,771	553	2,342
	Ogos	2,071.00	24,148	1,578	2,141
	September	585.00	20,176	1,611	2,646
	Oktober	618.20	24,318	1,439	3,747
	November	132.00	15,476	1,074	4,099
	Disember	318.00	24,312	1,275	1,521
Purata		10,173.20	231,645	35,604	30,865

AKTIVITI BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERBANDARAN TAHUN 2024

PERASMIAN PUSAT LESTARI, TAMAN MAWAR PADA 14 FEBRUARI 2024







LAWATAN MAJLIS
BANDARAYA IPOH KE
PUSAT LESTARI MBPG
PADA 20 – 21 FEBRUARI
2024



RAKAMAN SEGMENT
SELAMAT PAGI
MALAYSIA RTM
BERTEMPAT DI PUSAT
LESTARI MBPG PADA 25
FEBRUARI 2024



CERAMAH KITAR
SEMULA ANJURAN
SEKOLAH KEBANGSAAN
TAMAN CAHAYA MASAI
PADA 21 MEI 2024



PAMERAN KELESTARIAN
HARI BUAYA SEDUNIA DI
SARANG BUAYA PASIR
GUDANG PADA
8/6/2024 – 10/6/2024



PAMERAN KELESTARIAN
PROGRAM GOTONG
ROYONG MEGA PERANGI
AEDES 1.0 DI TAMAN
MAWAR PADA
30/6/2024



LAWATAN PEGAWAI
PENILAI SISTEM
PENARAFAN BINTANG
PIHAK BERKUASA
TEMPATAN BERTEMPAT
DI PUSAT LESTARI
MBPG PADA 24 JULAI
2024





PAMERAN KELESTARIAN SEMPENA FESTIVAL DINAMIKA HIJAU PASIR GUDANG 2024 BERTEMPAT DI TAMAN BANDAR, BUKIT LAYANG-LAYANG, PASIR GUDANG, JOHOR PADA 25 JULAI 2024 HINGGA 28 JULAI 2024



KEMPEN KITAR SEMULA DAN SIFAR SISA SEMPENA FESTIVAL DINAMIKA HIJAU PASIR GUDANG 2024 BERTEMPAT DI TAMAN BANDAR, BUKIT LAYANG-LAYANG, PASIR GUDANG, JOHOR PADA 25 JULAI 2024 HINGGA 28 JULAI 2024



BENGKEL 3 TO 5R SEMPENA FESTIVAL DINAMIKA HIJAU PASIR GUDANG 2024 BERTEMPAT DI ASTAKA DI RAJA, TAMAN BANDAR, BUKIT LAYANG-LAYANG, PASIR GUDANG, JOHOR PADA 28 JULAI 2024



PAMERAN KELESTARIAN SEMPENA LOCAL AGENDA 21 BERTEMPAT DI DEWAN SERBAGUNA TAMAN CENDANA PADA 4 OGOS 2024



PROGRAM WORLD CLEANUP DAY 2024 PASIR GUDANG DI 24 ZON AHLI MAJLIS PADA 21 SEPTEMBER 2024 DAN 22 SEPTEMBER 2024





PROGRAM HARI CUCI MALAYSIA BERSEMPENA WORLD CLEANUP DAY 2024 PASIR GUDANG BERTEMPAT DI LAMAN KRAF, TAMAN BANDAR, PASIR GUDANG PADA 28 SEPTEMBER 2024



PROGRAM DRIVE THRU RECYCLING CENTRE (DTRC) DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

TARIKH	MASA	LOKASI	BERAT (KG)
6/7/2024		Jalan Bacang 13, Taman Kota Masai	169.30
14/7/2024	9.00 pagi	Jalan Intan 4, Taman Cahaya Masai	276.50
20/7/2024	-	Jalan Nuri 16, Taman Scientex	321.40
25/7/2024	1.00 tengahari	Taman Bandar, Bukit Layang-layang, Pasir Gudang, Johor	241.00
28/7/2024			



PROGRAM GOTONG ROYONG BERSAMA KOMUNITI PASIR GUDANG



• Taman Cendana

• Masjid An Nur Pasir Gudang

PENGKOMPOSAN SISA MAKANAN



OPERASI PEMBERSIHAN OLEH SWM ENVIRONMENT SDN BHD/SWCORP





BAHAGIAN PELESENAN

FUNGSI BAHAGIAN PELESENAN

Pentadbiran Pelesenan

- Menyedia dan menyalurkan maklumat pelesenan kepada Jabatan Penguatuasaan dan Unit Undang-Undang untuk tindakan penguatkuasaan.
- Pengurusan maklum balas maklumat kepada agensi Kerajaan/swasta seperti Polis, Bomba,KPKT, SUK, SSM dan lain-lain.
- Pengurusan maklum balas maklumat dan data antara jabatan dalaman.
- Menyelaras permohonan ulasan sokongan dari pejabat Daerah.
- Menyedia kertas kerja dasar-dasar pelesenan dan segala pelaporan untuk dibentangkan dan kelulusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Pelesenan.
- Pengurusan maklumat dan data untuk dibentangkan didalam Mesyuarat Lesen Sementara.
- Melaksana khidmat bimbingan/Pendidikan/kesedaran tentang garis panduan permohonan lessan perniagaan/ permit kepada orang awam/pemohon.
- Pengurusan pertanyaan berhubung dengan pelesenan.
- Menyedia dan menyalurkan maklumat pelesenan dan menjalankan pemeriksaan bersepadu bersama jabatan/ agensi seperti Jabatan Penguatuasaan, Jabatan Bangunan dan Unit Undang-Undang.
- Pengurusan dan penyediaan dokumentasi ISO 9001, ISO 14001 dan ISO 37001.
- Penyediaan laporan bulanan peniaga aktif dan tidak aktif.
- Pelaksanaan promosi pelesenan bagi info-info terbaru dan terkini bagi pemakluman kepada orang awam.

Industri Dan Tred Perniagaan/Permit/Iklan/Penjaja

- Mengurus, memproses dan menilai bagi menyokong kelulusan setiap permohonan lessen (industri/tred/ perniagaan/penjaja).
- Memproses dan menilai bagi menyokong kelulusan setiap permohonan permit (iklan, parkir khas, kerusi/meja, permit bermusim).
- Memproses permohonan pertukaran nama syarikat dan penama lesen perniagaan.
- Memproses pembatalan atau penggantungan lesen industri/tred/perniagaan/penjaja.
- Mengurus dan memproses permohonan penambahan aktiviti perniagaan.
- Mengeluarkan notis peringatan bagi pembaharuan lesen.
- Memproses permohonan sokongan agensi luar.
- Memproses pemulangan bon jaminan dan tuntutan wang amanah.
- Mengeluarkan notis peringatan bagi pembaharuan permit.
- Menyedia dan menyalurkan maklumat pelesenan kepada Jabatan Penguatuasaan, dan Unit Undang-Undang untuk tindakan penguatkuasaan.
- Pengurusan maklum balas kepada agensi Kerajaan/swasta seperti Polis, Bomba, KPKT, SUK, SSM dan lain-lain.
- Pemeriksaan dan pemantauan perniagaan di lapangan untuk kemaskini data/keperluan aktiviti dari semasa ke semasa.



LAPORAN BAHAGIAN PELESENAN

i) LAPORAN HASIL LESEN 2024

BIL.	JENIS LESEN	JUMLAH LESEN AKTIF 2024
1.	Lesen Kilang	1,115
2.	Lesen Pelbagai	4,775
3.	Lesen Pasar Sehari	5
4.	Lesen Kebayan/Gerai	217
5.	Lesen Kantin	193
6.	Lesen Restoran	783
7.	Lesen Iklan	81
8.	Lesen Anjing	94
9.	Lesen Hiburan	0
10.	Lesen Arak	0
11.	Lesen Penjaja	917
12.	Permit Kerusi/Meja	176
13.	Permit Parkir Khas	244
14.	Permit Karnival/Eksopo	12
15.	Lesen Sementara	148

ii) LAPORAN OPERASI BERSEPADU BAHAGIAN PELESENAN, JKAPP TAHUN 2024

1. Pendahuluan

Operasi bersepadu dibuat secara berkala yang diketuai oleh Jabatan Penguatkuasaan bersama Bahagian Pelesenan JKAPP, Bahagian Alam Sekitar JKAPP, Bahagian Kesihatan Perbandaran JKAPP, Jabatan Bangunan, Unit Pusat Sehenti (OSC), Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Bahagian Penguatkuasaan SWCorp, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah dijalankan pada tahun 2024.

2. Tujuan

Tujuan utama operasi dijalankan adalah bagi memfokuskan premis-premis perniagaan yang terdapat di lokasi tersebut yang telah melakukan kesalahan berkaitan kebersihan lorong belakang premis, membanteras aktiviti judi atas talian dan penjualan nombor ekor di kedua-dua premis yang telah disasarkan, memfokuskan premis perniagaan tidak berlesen (premis judi dan pusat snuker) serta halangan kaki lima perkedaian serta memfokuskan premis perniagaan yang mempunyai pekerja warganegara asing.

3. Pelaksanaan Program

- 3.1 Tindakan sitaan barang di bawah Undang-Undang Kecil 50 (1), Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MPPG) 2017 dan perintah penutupan premis di bawah Undang-Undang Kecil 49 (2), Undang-Undang Kecil yang sama bagi kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen dan melanggar syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan.
- 3.2 Semakan dan pemeriksaan susulan akan dilakukan dari semasa ke semasa oleh Bahagian Pelesenan bagi memastikan setiap pelesen mematuhi syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan. Kegagalan mematuhi syarat lesen akan menyebabkan Lesen Perniagaan Dan Iklan akan dibatalkan dan seterusnya tindakan sitaan/perintah penutupan premis akan dilaksanakan.



GAMBAR OPERASI BERSEPADU 5 DISEMBER 2024

1. Taklimat Operasi



2. Restoran Muhabbat



3. Pasar Mini Manukkas





4. M Solehah Enterprise Sdn Bhd



5. Kedai Borong M Ali Akhbar



6. Emaze M&E Sdn Bhd






7. PSL Auto Wiring & Enterprise



8. Gigih Avenue Sdn Bhd




9. Kedai Telekomunikasi LK Heng Heng





10. 73 Heng Mobile Accessories



11. AAAAAAAA



12. AAAAAAAA






UNIT KLINIK BANDARAYA PASIR GUDANG

LAPORAN UNIT KLINIK BANDARAYA PASIR GUDANG

RUMUSAN JUMLAH PESAKIT YANG TELAH HADIR DI KLINIK MBPG 2024

BIL.	PERKARA	JANUARI - DISEMBER 2024
1	Jumlah Pesakit	1738 Orang
2	Purata Pesakit/hari	5– 20 Orang
3	Rujukan Pesakit Ke Hospital/klinik	Walk In (Referral Letter) – 1738 Ambulance – 98 Orang
4	Tempoh Masa Rawatan (Pendaftaran Sehingga Preskripsi Ubat-ubatan)	15 - 40 Minit
5	Purata Masa Menunggu	30 Minit

KEHADIRAN PESAKIT DI KLINIK MBPG SEPANJANG TAHUN 2024



AKTIVITI UNIT KLINIK BANDARAYA PASIR GUDANG

Majlis Pelancaran Program Suntikan Typhoid Bagi Pengendali Makanan Majlis Bandaraya Pasir Gudang 2024

- > 26 Februari 2024
- > Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang, Aras 1

- Suntikan ini bertujuan untuk merangsangkan sistem imunisasi badan untuk menghasilkan antibodi bagi melawan jangkitan bakteria seperti Salmonella Typhi.
- Suntikan Thypoid adalah suntikan yang wajib diambil oleh semua pengendali makanan.
- Memastikan pengendali makanan premis makanan khususnya di daerah Pasir Gudang bebas dari penyakit.
- Mencegah penyakit berjangkit yang boleh merebak melalui makanan dan minuman dalam komuniti Pasir Gudang.
- Dapat meningkatkan kesedaran serta kepentingan tentang kebersihan kepada pengendali maknaan dalam mengikuti panduan mengendalikan makanan dan minuman di permis.
- Seramai 50 pengendali makanan yang hadir untuk pelancaran suntikan Typhoid ini.





Acara Badminton Sukan Dalaman 2024

📅 24 April 2024
📍 Dewan Serbaguna Taman Mawar, Pasir Gudang



Majlis Sambutan Gemersik Aidilfitri Majlis Bandaraya Pasir Gudang 2024

📅 27 April 2024
📍 Puncak Kasih, Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang



Program Pengurusan Emosi Dan Kesihatan Minda Di Tempat Kerja 2024 “Pengurusan Emosi Dan Kesihatan Minda Di Tempat Kerja” Dr. Alizi Alias (Konsultan Psikologi Organisasi)

📅 26 Februari 2024
📍 Aras 1, Atrium Kompleks Pusat Bandar
Pasir Gudang

- Meningkatkan kesedaran para peserta mengetahui dan memahami perihal stress, murung dan keresahan serta penyebab dan cara menanganinya.
- Membantu memperbaiki sikap, amalan dan membentuk rangka tindakan untuk mengurus tekanan dengan efektif.
- Berkongsi cara-cara mengatasi stigma dan cara menguruskan emosi dengan baik serta cara mendapatkan rawatan.
- Memahami kepentingan kesihatan minda di tempat kerja dan bagaimana ia mempengaruhi produktiviti dan kepuasan dalam bekerja.
- Seramai 100 orang warga kerja MBPG yang terdiri daripada pelbagai jawatan telah hadir dalam program ini.





Fun Run and Ride MBPG 2024

📅 29 Jun 2024

📍 Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang



Komen keseluruhan acara/program:

- Tiada sebarang kemalangan atau kecederaan berlaku sepanjang tempoh larian dan kayuhan basikal sebagaimana yang dilaporkan oleh pasukan First Aider dan paramedik.
- Jumlah pesakit yang hadir ke khemah kecemasan selepas acara berlangsung adalah seramai 15 orang.
- Semua pesakit discaj ke rumah selepas mendapatkan rawatan awal di khemah kesihatan.
- Seramai 80 pengunjung telah menjalani saringan kesihatan di booth saringan kesihatan oleh Klinik Kesihatan Pasir Gudang.
- Seramai 11 pengunjung wanita telah menjalani saringan kanser serviks di booth yang sama.

Program 'Bukan Soal Kurus' Oleh Kevin Zahri

📅 3 Julai 2024

📍 Dewan Serbaguna Taman Mawar, Pasir Gudang

Seramai 300 orang warga kerja MBPG hadir bagi bersama-sama menjayakan Program 'Bukan Soal Kurus' oleh Kevin Zahri. Antara objektif program ini ialah bagi mewujudkan kesedaran tentang obesiti serta pengetahuan berkenaan kepentingan dan cara menurunkan berat badan tanpa rasa stress.

Mempertingkatkan kemahiran peserta dalam cara pengambilan makanan yang sihat dan pengiraan kalori tubuh yang diperlukan.

Meningkatkan pengetahuan dan infomasi mengenai aktiviti kecergasan mengikut kesesuaian berat badan peserta serta membudayakan peserta bagi mengekalkan cara hidup yang lebih sihat, berkualiti dan kekal aktif.





Program Kempen Derma Darah Dan Derma Organ 2024

📅 28 Julai 2024
📍 Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang

Seramai 109 orang penderma darah dan seramai 4 orang mendaftar ikrar derma organ. Merupakan program dibawah kerjasama Unit Tranfusi Perubatan dan Unit Perolehan Organ dari Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru. Seramai 18 anggota kesihatan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru bertugas bagi memastikan program ini berjalan lancar dan berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan.

Antara objektif program ini adalah bagi meningkatkan kesedaran dan keprihatinan orang ramai tentang kepentingan menderma darah dan organ, membantu pihak hospital tempatan untuk mendapatkan lebih ramai penderma darah dan organ terutamanya di kawasan setempat serta meningkatkan jumlah penderma dan juga bekalan darah dalam tabung darah Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru supaya dapat digunakan dalam masa kecemasan.



Pasukan Persediaan Kesihatan Klinik Majlis Bandaraya Pasir Gudang Sempena Program Sukan Dalaman

📅 21 Ogos 2024
📍 Padang Bola Kastam, Taman Air Biru, Pasir Gudang



Laporan Kecederaan:

- Hanya 1 peserta mengalami kecederaan kecildi bahagian lutut kaki kiri.
- 1 peserta melecat dibahagian tumit kaki kiri semasa aktiviti dijalankan.

Peserta diberikan rawatan awal oleh paramedik Klinik Majlis Bandaraya Pasir Gudang.



**BENGKEL PENYUSUAN EKSKLUSIF :
PENYUSUAN SUSU IBU BAGI IBU BEKERJA MBPG 2024**

📅 18 Ogos 2024

📍 Bilik Auditorium, Aras 3 Menara Aqabah MBPG

Pn. Maslina Binti Othman, Pegawai Sains (Pemakanan), Klinik Kesihatan Pasir Gudang, merupakan penceamah jempuan bagi program ini. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan kepentingan dalam teknik penyusuan yang efektif bagi ibu yang bekerja. Program ini juga membekalkan para peserta dengan pengetahuan tentang kepentingan nutrisi yang seimbang, posisi, perlengkapan dan urutan payudara yang betul bagi ibu yang menyusu. Seramai 30 orang warga kerja Wanita MBPG yang hadir bagi bersama-sama menjayakan bengkel penyusuan eksklusif bagi ibu bekerja.



Sambutan Maulidur Rasul 1446H/2024M Peringkat Pasir Gudang

📅 29 September 2024

📍 Masjid Al-Firdaus Taman Pasir Putih Pasir Gudang



Laporan Kecederaan:

- Sambutan Maulidur Rasul adalah acara untuk komuniti Pasir Gudang yang melibatkan oleh semua Jabatan dan semua warga kerja di Majlis Bandaraya Pasir Gudang bagi melaksanakan program Sambutan Maulidur Rasul ini berjalan dengan lancar.
- Sebanyak 5,000 orang pengunjung dari komuniti yang tinggal di Pasir Gudang.
- Terdapat 1 orang kanak-kanak lelaki berumur 14 tahun dan 2 orang kanak-kanak lelaki berumur 16 tahun mengalami kecederaan di tapak tangan dan jari Ketika bermain kompong semasa perarakan berlangsung.
- Seorang lelaki berumur 40 tahun mengalami simptom pening dan sakit kepala kerana tidak mengambil ubat tekanan darah tinggi pada waktu pagi.
- Jumlah pesakit yang hadir ke ambulans dan khemah kecemasan selepas acara berlangsung adalah seramai 4 orang.



PROGRAM KARNIVAL KESIHATAN 2024

Tajuk Ceramah : "Bahan Kecil, Beban Besar: Menghadapi Obesiti Kanak-Kanak"

📅 28 November 2024

📍 Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang



Penceramah jemputan, Dr. Siti Nuradilah Binti Jamil dari Pakar Kesihatan Keluarga Klinik Kesihatan Pasir Gudang telah dijemput. Program ini merupakan satu platform bagi menyebarkan informasi terkini mengenai kesihatan masyarakat bersesuaian dengan cogan kata "Gaya Hidup Unggul, Komuniti Lestari", dimana Klinik Majlis Bandaraya Pasir Gudang dengan kolabrasi Panel Klinik Kesihatan Pasir Gudang bersama-sama mempromosi dan meningkatkan kesedaran kepentingan penjagaan kesihatan dan gaya hidup sihat di kalangan penduduk setempat. Program ini juga dapat memberikan akses kepada warga Pasir Gudang untuk mendapatkan perkhidmatan saringan kesihatan dan konsultasi perubatan secara percuma.

• JABATAN PENILAIAN & PESURUHJAYA BANGUNAN

FUNGSI BAHAGIAN

A. BAHAGIAN PENILAIAN

1. Melaksanakan penilaian bagi tujuan pindaan senarai nilaiann dibawah Sek. 144, Akta 171 :
 - i. Menjalankan kerja-kerja penilaian bagi harta-harta baru.
 - ii. Menjalankan kerja-kerja penilaian bagi harta-harta yang telah CCC.
 - iii. Menjalankan kerja-kerja penilaian bagi harta-harta ubah tambah.
 - iv. Menjalankan kerja-kerja penilaian bagi lain-lain pindaan.
2. Melaksanakan kerja-kerja Penilaian Am Semula sepetimana arahan Kerajaan Negeri.
3. Menguruskan kes-kes bantahan nilaiann.
4. Melaksanakan penilaian bagi tujuan Caj Pemajuan untuk mana-mana pembangunan yang dirujuk oleh Jabatan Perancang.
5. Melaksanakan penilaian bagi pelbagai maksud untuk kepentingan Majlis
6. Menjalankan penilaian untuk tujuan Caruman Membantu Kadar ke atas harta-harta Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun di bawah Artikel 156 Perlembagaan Persekutuan.
7. Menguruskan proses permohonan pulangan balik Remisi ke atas harta-harta yang tidak diduduki.
8. Menguruskan permohonan pindahmilik Borang I/J
9. Menguruskan dan menyelenggara sistem penilaian dan pengurusan data cukai secara bulanan dan tahunan.
10. Menguruskan kerja-kerja pentadbiran pendigitalan dokumen terdahulu dan semasa.

B. BAHAGIAN CUKAI HARTA

1. Menjalankan kerja-kerja pengurusan pengeluaran Bil Cukai Harta Pemaju/Bukan pemaju Secara Pos/Serahan lain.
2. Menjalankan kerja-kerja pengiklanan dan promosi Cukai Harta.
3. Melaksanakan Pengesahan Status Bayaran Cukai Harta Tahun Semasa Untuk Permohonan Pembangunan Baru (KM/Infra/Pelan Bangunan dan Lain-lain) dan Pendepositan Sijil Perakuan Siap & Pematuhuan (CCC) di OSC.
4. Menguruskan permohonan Ansuran cukai harta.
5. Menyediakan Laporan Hasil cukai harta secara Bulanan/ Tahunan.
6. Menjalankan kerja-kerja tuntutan tunggakan melalui Pengeluaran Notis Borang E Secara Pos dan Susulan ke Premis.
7. Menjalankan kerja-kerja tuntutan tunggakan melalui Pengeluaran Waran Tahanan Borang F (Sitaan).
8. Menjalankan kerja-kerja tuntutan tunggakan melalui Pengeluaran Surat Tuntutan Tunggakan (STT).
9. Menjalankan kerja-kerja tuntutan tunggakan melalui Tindakan Kaveat ke atas pegangan.
10. Menjalankan kerja-kerja tuntutan tunggakan melalui Tindakan Peguam (NOD).
11. Menyediakan Laporan Tunggakan Cukai Harta Secara Bulanan/Tahunan.

C. BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN

1. Menyelia dan mengemaskini inventori skim pemajuan strata dalam kawasan MBPG.
2. Mengurus dan mengawal selia penubuhan Badan Pengurusan Bersama (Joint Management Body) dan Perbadanan Pengurusan (Management Corporation) bagi pengurusan dan penyenggaraan harta bersama skim pemajuan berstrata.
3. Menguatkuasakan peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan peraturan berkaitan;
4. Melaporkan status Badan Pengurusan dan Skim Pemajuan Berstrata kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Agensi lain yang berkaitan.



5. Menyelaras perlantikan ejen pengurusan mengikut keperluan Seksyen 86, Akta 757;
6. Menyelaras, menjawab dan merekod aduan komuniti strata;
7. Memberi khidmat nasihat kepada pihak pengurusan JMB/ MC;
8. Menyediakan laporan bulanan, berkala dan tahunan kepada KPKT.
9. Menyelaras geran / subsidi / projek kepada badan pengurusan.
10. Mengadakan program kesedaran kepada penduduk komuniti strata.

PENCAPAIAN KPI DAN PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2024

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	PENCAPAIAN %
1	Kerja-kerja penilaian dilaksanakan di dalam tempoh 6 bulan selepas kelulusan CCC/CFO dikeluarkan di dalam mesyuarat OSC	100%
2	Kutipan cukai harta semasa mencapai atau melebihi sekurang-kurangnya 90%	85.41%
3	Notis Pemberitahuan mengenai Pindaan Senarai Nilaian dikeluarkan dalam tempoh 14 hari selepas penilaian disahkan di dalam Mesyuarat Penuh	100%
4	Kenaikan tuntutan cukai harta sebanyak RM 650,000 setahun	802%
5	Memastikan Sijil Perakuan Penubuhan JMB dan Surat Pengesahan diserah kepada JMB dalam tempoh 14 hari selepas dokumen lengkap diterima	100%

BIL.	PIAGAM PELANGGAN	PENCAPAIAN %
1	Memproses permohonan pindahmilik Borang I (kategori Individu) dalam tempoh 15 minit selepas penerimaan borang dan dokumen sokongan lengkap	99%
2	Memaklumkan Keputusan Bantahan / Rayuan Cukai Harta kepada pemilik dalam tempoh 3 hari selepas Keputusan Mesyuarat Penuh	90%
3	Notis membayar Caj Penyelenggaraan akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan oleh JMB/MC diterima oleh Bahagian COB	100%

RINGKASAN LAPORAN PEGANGAN DAN CUKAI HARTA DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG BERAKHIR 31 DISEMBEN 2024

BIL.	KATEGORI	JUMLAH PEGANGAN	BANGUNAN	TANAH KOSONG	NILAIAN 2020 (RM)	KADAR (%)	CUKAI HARTA (RM)	% CUKAI	% PEGANGAN
1	Perindustrian	2,137	1,854	283	18,894,921,000	0.60	113,369,526	71.43	2.19
2	Perdagangan	8,388	6,247	2,141	5,750,720,000	0.30	17,252,160	10.87	8.58
3	Institusi Swasta Tidak Berasaskan Keuntungan	7	7		311,643,000	0.20	623,286	0.39	0.01
4	Perumahan dan lain-lain	48,369	48,009	360	14,346,093,000	0.13	18,649,920.90	11.75	49.49
5	Perumahan Rakyat	37,651	29,474	8,177	5,418,141,000	0.12	6,501,769.20	4.10	38.52
6	Pertanian	166	70	96	2,771,052,000	0.08	2,216,841.60	1.40	0.17
7	Rezab Melayu/ Kampung Tradisional	1,019	1,019		192,234,000	0.05	96,117	0.06	1.04
JUMLAH		97,737	86,680	11,057	47,684,804,000		158,709,620.70	100.00	100.00




RINGKASAN KESELURUHAN BANTAHAN NILAIAN (SENARAI NILAIAN BAHRU) TAHUN 2024

Sesi Pendengaran Bantahan telah diadakan sepanjang tahun 2024 bagi memenuhi keperluan perundangan di bawah peruntukan Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Berikut adalah perincian permohonan bantahan yang diterima dan telah melalui sesi pendengaran bantahan pada tahun 2024.


BIL.	KATEGORI	JUMLAH PEGANGAN	BIL PEGANGAN BANTAH	NILAIAN SEBELUM BANTAHAN	CUKAI SEBELUM BANTAHAN	NILAIAN SELEPAS BANTAHAN	CUKAI SELEPAS BANTAHAN	% BANTAHAN
1	Perindustrian	2131	501	5,687,232,000	34,123,392.00	4,823,607,000	28,941,642.00	23.51
2	Perdagangan	7873	657	678,675,000	2,036,025.00	628,348,000	1,885,044.00	8.34
3	Institusi Swasta Tidak Berasaskan Keuntungan	7	4	217,109,000	434,218.00	217,109,000	434,218.00	57.14
4	Perumahan dan lain-lain	47861	2426	889,628,000	1,156,516.40	888,734,000	1,155,354.20	5.07
5	Perumahan Rakyat	39740	1531	398,325,000	477,990.00	394,566,000	473,605.30	3.85
6	Pertanian	172	29	1,376,689,000	1,101,351.20	1,357,641,000	1,086,112.80	16.86
7	Rezab Melayu/ Kampung Tradisional	1019	2	351,000	175.50	351,000	175.50	0.20
JUMLAH		98803	5150	9,248,009,000	39,329,668.10	8,310,356,000	33,976,151.80	5.21

RINGKASAN LAPORAN KUTIPAN HASIL CUKAI HARTA DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

LAPORAN KUTIPAN HASIL CUKAI HARTA SEMASA BERAKHIR 31 DISEMBER 2024




LAPORAN TUNGGAKAN CUKAI HARTA BERAKHIR 31 DISEMBER 2024





LAPORAN STATISTIK SKIM PEMAJUAN STRATA BERAKHIR 31 DISEMBER 2024



AKTIVITI-AKTIVITI BAHAGIAN PENILAIAN TAHUN 2024

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

📅 17-19 Disember 2024

📍 Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

- Mempelajari kaedah penilaian khususnya Harta Khas seperti Pelabuhan, Stesen Janakuasa Elektrik dan Perindustrian yang telah dilaksanakan oleh MBSP.
- Mempelajari pengurusan penguasaan Tunggakan Cukai Harta khususnya pengurusan Lelongan pegangan mengikut peruntukan Sek. 151 Akta Kerajaan Tempatan 1976, yang telah dilaksanakan oleh MBSP.
- Mempelajari kaedah hebahan dan pengurusan Pindahmilik (Borang I) di MBSP.
- Sebagai satu motivasi dan insentif kepada kakitangan Jabatan Penilaian & Pesuruhjaya Bangunan serta memberi pendedahan dalam memajukan lagi perkhidmatan pengurusan cukai harta dan tuntutan tunggakan cukai harta untuk dilaksanakan dalam kawasan pentadbiran MBPG.



AKTIVITI-AKTIVITI BAHAGIAN CUKAI HARTA TAHUN 2024

CABUTAN BERTUAH CUKAI HARTA 2024 & MAJLIS PENYERAHAN HADIAH CABUTAN BERTUAH

📅 28 Mei 2024 📍 - Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah (Cabutan Bertua)

📅 27 Ogos 2024 📍 - Air Terjun Dinamik Pasir Gudang (Penyerahan Hadiah Cabutan Bertua)

Sejumlah RM50,000 yang terdiri daripada pelbagai hadiah menarik ditawarkan kepada pemilik harta bertua yang telah menjelaskan Cukai harta bagi tahun 2024. Sejumlah 26,527 pemilik harta telah layak menyertai cabutan bertua ini.





OPERASI PENGUATKUASAAN TAHUN 2024



BULAN	KAWASAN/TAMAN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	JUMLAH WARAN TAHANAN YANG DIKELUARKAN	JUMLAH BAYARAN (RM)	BAKI TUNGGAKAN (RM)	% KUTIPAN
Januari	Operasi "Refresh Notis E Industri" 2023	1,533,857.22	-	823,790.57	710,066.65	54%
Februari	Ops New Year/Ops Pecah Buka @ Industri/kediaman/Perdagangan	669,917.50	43	444,998.25	224,919.25	66%
Mac	Operasi NBE Bersasar Taman Scientex, Taman Kota Masai	188,578.35 566,232.15	Notis Borang E	480,337.60	274,472.9	64%
April	Ops Strata/Ops Pecah Buka	320,602.61 98,054.85	Notis Borang E 15	108,796.22 50,853.40	211,806.39 47,201.45	34% 52%
Mei	Taman Scientex, Taman Kota Masai	140,722.75	18	79,447.90	61,274.85	56%
Jun	Ops Strata/Pecah Buka Strata Tanjung Puteri Resort	87,488.54	26	20,370.49	20,370.49	23%
Julai	Ops NBE Bersasar Taman Kota Masai	415,860.35	Notis Borang E	97,752.56	318,707.79	24%
Ogos	Taman Bukit Dahlia	92,883.95	Notis Borang E	6,938.61	85,945.34	7%
September	Ops Pecah Buka/Ops Sita	86,379.05	14	39,795.59	46,583.46	46%
Oktober	Ops Sita/Pecah Buka Industri/Perdagangan	311,814.20	19	170,091.90	141,722.30	55%
November	Ops NBE Bersasar/Ops Sita/Pecah Buka Taman Scientex	582,085.14	42	115,756.66	466,328.48	20%
Disember	Ops Perdagangan NBE Bersasar/Ops Sita/Pecah Buka	518,484.60	NBE 50 31	246,247.23	272,237.37	47%
Jumlah		5,612,961.26		2,685,176.98	2,927,784.28	48%



TAKLIMAT PENGESAHAN STATUS BAYARAN CUKAI HARTA BAGI PERMOHONAN PEMBANGUNAN DI MBPG

📅 26 Jun 2024
📍 Auditorium MBPG

Taklimat ini diberikan kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung dengan proses permohonan pembangunan dalam kawasan MBPG. Taklimat diberikan dengan merujuk kepada kriteria-kriteria semakan pengesahan cukai harta seperti berikut :

KRITERIA SEMAKAN PENGESAHAN CUKAI HARTA UNTUK PERMOHONAN PEMBANGUNAN DI OSC DI BAWAH BAHAGIAN CUKAI HARTA, JABATAN PENILAIAN & PESURUHKJAYA BANGUNAN, MBPG			
PERINGKAT PERMOHONAN DI OSC	PENGUNAAN BORANG	KRITERIA SEMAKAN BAYARAN CUKAI HARTA SENASA/ TUNGGAKAN	IMPLEMENTASI TUNGGAKAN
Permohonan Baru (KM/ Pelan Bgn / Infra dll) (CARTA ALIR A)	Status Bayaran Cukai Tahun Semasa Untuk Permohonan Baru (KM/Pelan Bgn/Infra dll) (BORANG A)	<ol style="list-style-type: none"> Akaun atas Nama Syarikat Pemaju / pemilik / pihak berkepentingan yang mengemukakan permohonan (meliputi kesemua pemilikan dalam MBPG) Akaun untuk lot terlibat dengan permohonan 	Permohonan di OSC akan DISEKAT/DITAHAN sehingga kesemua tuggakan dijelaskan
Pendepositon CCC (CARTA ALIR B)	Status Bayaran Cukai Tahun Semasa Untuk Pendepositon SJII Perkuasa Skp & Pematuhan (CCC) (BORANG B)	Hanya Akaun untuk lot yang terlibat dengan Pendepositon CCC	CCC DISEKAT/DITAHAN sehingga tuggakan dijelaskan



SESI TEACH IN & BENGKEL PROSES LELONGAN PEGANGAN BERTUNGGAKAN CUKAI HARTA DIBAWAH SEK. 151 AKTA KERAJAAN TEMPATAN

📅 4 November 2024
📍 Renaissance Hotel, Permas Jaya

Antara objektif sesi ini adalah :

Mempelajari dan merangka Proses Kerja Lelongan Harta Tak Alih MBPG seperintama yang diperuntukan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976.

- Mengenalpasti keperluan dan tindakan bertepatan dalam melaksanakan Proses Lelongan Harta Tak Alih.





TAKLIMAT PELANCARAN E-BILLING BAGI BIL CUKAI HARTA PEMILIKAN PEMAJU

12 Disember 2024
Auditorium MBPG



Pengurusan Bil Cukai secara "E-Billing" ini dimulakan bagi kategori pemilikan pemaju terdahulu iaitu dengan penghantaran Bil Cukai Harta menggunakan email rasmi MBPG bilcukai@mbpg.gov.my bagi mengurangkan kos pengurusan bil. Kesemua bil cukai atas nama Pemaju akan di email kepada email rasmi pemaju sebagai langkah untuk menggalakkan pemaju melaksanakan pindahmilik nama (Borang I) dan menjelaskan tunggakan (jika ada).

Taklimat ini diberikan kepada semua pemaju-pemaju dalam kawasan MBPG disamping mendapatkan maklumat terkini email rasmi melalui QR CODE yang telah diberikan.

PROGRAM CUKAI HARTA @ JOM JUMPA RAKYAT (JJR) TAHUN 2024

06 Julai 2024	- Pasaraya MYDIN, Taman Rinting
26 Julai 2024	- Program Dinamika Hijau, Bukit Layang-Layang
03 Ogos 2024	- Pasaraya Lotus, Taman Kota Masai
18 Ogos 2024	- Program Pengantian Tong Sampah, Dewan Muafakat Taman Rinting
30 Ogos 2024	- Program Ambang Merdeka, Dewan Terbuka Jalan Cermai 6
07 September 2024	- Pasaraya Kipmall, Masai
11 September 2024	- Karnival Madani LPJ, Lembaga Pelabuhan Johor
16 November 2024	- Hari Bersama Komuniti Taman Scientex

Program Cukai Harta @ Jom Jumpa Rakyat ini adalah salah satu kempen kesedaran dan promosi Cukai Harta yang diadakan sepanjang tahun dengan merujuk perancangan oleh Bahagian Korporat dan juga permintaan komuniti dari Ahli Majlis mengikut zon/ kawasan. Jumlah kutipan hasil cukai sepanjang program yang dianjurkan adalah RM16,652.25





AKTIVITI-AKTIVITI BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN TAHUN 2024

BENGKEL PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN DAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN AKTA PENGURUSAN STRATA 2023 [AKTA 757] SIRI 2/2024

25-27 Julai 2024
 D' Elegance Grand Hotel, Bandar Seri Alam



- i. Memberi input serta pendedahan penguatkuasaan di bawah Akta 757 dan pendakwaan kepada pegawai-pegawai Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Pihak Berkuasa Tempatan khususnya di Zon Selatan.
- ii. Mematuhi peraturan dan prosedur teknik pengendalian hal-hal berkaitan di bawah Akta 757 seperti penyediaan kertas siasatan yang komprehensif.



MESUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) PERBADANAN PENGURUSAN (MC)/ BANDAR PENGURUSAN BERSAMA (JMB) BAGI SKIM PEMAJUAN STRATA TAHUN 2024

25 Ogos 2024 – Mesyuarat Agung Tahunan Perbadanan Pengurusan Kondominium Octville
 9 Jun 2024 – Mesyuarat Agung Tahunan Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Sri Intan
 13 Oktober 2024 – Mesyuarat Pertama Penubuhan Perbadanan Pengurusan D'Biz Square

- i. Memberi pendedahan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) kepada pemilik-petak strata khususnya.
- ii. Memastikan perjalanan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) mematuhi peraturan dan prosedur Akta 757.





SESI PERKONGSIAN ILMU BERSAMA PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA BERKAITAN KAJIAN KETIDAKPATUHAN PIHAK PENGURUSAN SKIM PEMAJUAN STRATA

📅 12 Jun 2024

- i. Memberi input dan maklumat berkenaan penguatkuasaan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).
- ii. Perkongsian ilmu berkaitan penguatkuasaan hal-hal berkaitan pengurusan bangunan strata JMB/MC di bawah pentadbiran MBPG.



OPERASI PENYAMPAIAN NOTIS TUNGGAKAN CAJ PENYENGGARAAN BERSAMA PIHAK PENGURUSAN JMB/MC SKIM PEMAJUAN STRATA TERLIBAT

27 Ogos 2024	- Perbadanan Pengurusan Eko Tropika 2.
07 Mac 2024	- Perbadanan Rumah Pangsa K & L, Taman Desa Rakyat Perdana.
27 November 2024	📍 - Badan Pengurusan Bersama Pangsguri Merdin Bayvue
28 April 2024	📍 - Perbadanan Pengurusan Imperial Jade Residence
10 November 2024	- Perbadanan Pengurusan Summer Park.
15 December 2024	- Badan Pengurusan Bersama Kos Sederhana Rendah Blok 7, Taman Flora Height.

- i. Memberi khidmat nasihat kepada pengurusan JMB/MC untuk menguatkuasakan kuasa dan kewajipan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).
- ii. Memberi kesedaran kepada pemilik petak akan tanggungjawab dan kewajipan membayar caj penyenggaraan.



SESI TAKLIMAT CADANGAN PELANTIKAN EJEN PENGURUSAN OLEH PESURUHKAYA BANGUNAN KEPADA SKIM PEMAJUAN TERLIBAT

📅 13 Oktober 2024	📍 - Sesi Taklimat Kepada Skim Rumah Pangsa Taman Mawar (Blok 3, 4, 5, 6, 7, 8 dan 10)
📅 20 Oktober 2024	📍 - Sesi Taklimat kepada Skim Rumah Pangsa Sri Delima

- i. Memberi taklimat berkenaan cadangan pelantikan Ejen Pengurusan bagi mengurustadbir pengurusan dan penyenggaraan skim pemajuan terlibat dibawah penyelarasan dan pemantauan Bahagian Pesuruhjaya Bangunan.
- ii. Memberi kesedaran kepada pemilik petak akan tanggungjawab dan kewajipan membayar caj penyenggaraan dan kesan jika gagal membayar ke atas keseluruhan pengurusan skim.





PENCAPAIAN JABATAN PENILAIAN & PESURUHJAYA BANGUNAN TAHUN 2024

'GOLD AWARD' INTERNATIONAL CONVENTION ON QUALITY CONTROL CIRCLES 2024

📅 15 November 2024

📍 Hompton Hotel Tanjung Tokong, Pulau Pinang



Kumpulan 'Technovators' merupakan wakil dari Jabatan Penilaian dan Pesuruhjaya Bangunan telah berjaya memperoleh Anugerah Gold bersempena 49th International Convention On Quality Control Circle (ICQCC) 2024 anjuran Sri Lanka Association for the Advancement of Quality and Productivity (SLAAQP). Kumpulan ini telah memperkenalkan suatu penyelesaian kepada mempercepatkan proses kerja bagi permohonan Remisi yang panjang. Suatu sistem telah dibangunkan iaitu sistem E-NILAI. Sistem ini telah mengurangkan tempoh masa dalam proses kerja permohonan remisi daripada 9 hari kepada 1 hari sahaja. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kecekapan dalam teknologi dan juga kualiti perkhidmatan kepada pembayar cukai khususnya dalam kawasan MBPG.



• JABATAN PENGURUSAN HARTA DAN KOMERSIAL

FUNGSI JABATAN/BAHAGIAN/UNIT

BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA

1. Mengurus sewaan, gerai, pasar dan lain-lain bangunan milik Majlis.
2. Menyimpan dan mengawal rekod-rekod pendapatan sewaan.
3. Menyediakan penyata penyesuaian bayaran, tunggakan bulanan dan tahunan.
4. Pemasaran dan promosi harta-harta majlis.
5. Memantau kerja-kerja kebersihan bangunan-bangunan milik majlis.

BAHAGIAN KOMERSIAL

1. Mengurus sewaan tanah kosong, aset khas (dewan, padang, stadium), tapak penjaja.
2. Merancang, menyelaras dan mengurus dari segi operasi dan logistik Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pasir Gudang.
3. Menyimpan dan mengawal rekod-rekod pendapatan sewaan.
4. Menyelaras kerja-kerja persiapan bagi acara-acara rasmi kerajaan.
5. Memantau kerja-kerja kebersihan bangunan-bangunan milik majlis.
6. Membuat semakan dan kajian kadar sewa di pasaran dan mengenalpasti tanah-tanah Majlis yang berpotensi untuk dimajukan secara penswastaan yang mana perlaksanaan pembangunan tanah berkenaan akan diserahkan kepada pihak syarikat swasta yang berkelayakan.
7. Menyediakan perkhidmatan agensi yang diperlukan orang awam.
8. Memantau kerja-kerja kebersihan bangunan-bangunan milik majlis.
9. Menyelenggara dan menguruskan penswastaan letak kereta.
10. Menguruskan kawalan keselamatan bagi asset-asset milik MBPG.

BAHAGIAN PENYELENGGARAAN ASET

1. Menguruskan kerja-kerja pemberian fasiliti dan naik taraf bangunan milik MBPG yang berkaitan dengan kerja-kerja mekanikal, elektrikal, struktur dan awam.
2. Melaksanakan tugas-tugas penyelenggaraan yang melibatkan peralatan penyelenggaraan pencegahan, peralatan kerja menyelenggara dan pemberian sistem mekanikal dan elektrikal bangunan pemberian dan pelbagai bangunan.
3. Menguruskan kenderaan milik MBPG dan memastikan kenderaan diselenggara mengikut jadual.
4. Menguruskan aduan-aduan berkaitan aset-aset milik MBPG.
5. Mengawal rekod-rekod perbelanjaan berkaitan penyelenggaraan.



LAPORAN PROGRAM/AKTIVITI JABATAN BAGI TAHUN 2024

BULAN	PERKARA
Januari	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengujian Sistem i-Sewa. 2. Lawatan Tapak Dinamika Selangkah. 3. Lawatan Tapak Laman Kraf. 4. Undian Lot Sewaan/Taklimat Lot Sewaan. 5. Pembukaan kaunter PADU di UTC Pasir Gudang.
Februari	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penarafan Bintang Tandas Awam Milik PBT. 2. Perpindahan pejabat JPHK ke lot L3-56,57,58 KPBPG. 3. Iklan tawaran penganjuran dan penyertaan bazar Ramadan dan bazar raya di kawasan pentadbiran MBPG. 4. Sesi undian tapak Bazar Ramadan dan Bazar Raya.
Mac	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program Pemutihan Tunggakan Penyewa yang telah ditamatkan/ menamatkan penyewaan. 2. Penganjuran Bazar Ramadan dan Bazar Raya di kawasan pentadbiran MBPG. 3. Pengagihan bubur lambuk kepada orang awam di tapak Bazar Ramadan bersama Yang Berhormat Datuk Bandar dan kepada agensi UTC. 4. Operasi tuntutan tunggakan sewa di KPBPG.
April	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cadangan penyediaan tapak penjaja baharu di Jalan Rimbun, Bandar Seri Alam. 2. Permohonan 40 unit MyKiosk @KPKT bagi tahun 2024.
Mei	<ol style="list-style-type: none"> 1. Undian Lot Sewaan /Taklimat Lot Sewaan Sesi menandatangan perjanjian penyewaan ruang niaga di KPBPG. 2. Lawatan ke Terminal Bas Sg Nibong, Pulau Pinang.
Jun	<ol style="list-style-type: none"> 1. Chennai Street Expo – Indian Shopping Festival 2024. 2. Lawatan tapak bersama pihak Hero Market di lot L1-11.
Julai	<ol style="list-style-type: none"> 1. Lawatan tapak Bersama KPDN Johor bagi penganjuran program Madani Rakyat Zon Selatan di Parking A, Stadium Tertutup. 2. Penyerahan tugas bagi petukaran syarikat Kawalan Keselamatan di KPBPG. 3. Expo Jualan AL-Ikhsan di Dewan Besar, KPBPG. 4. Penyediaan tapak penjaja Berpusat Jalan Pelanduk bagi pemindahan 12 unit MYKiosk@KPKT. 5. Sesi perkongsian oleh kontraktor CCTV bagi pengendalian CCTV di Dewan Muafakat MBPG.
Ogos	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pre Presentation RFP Kebayan Jalan Nenas dan Taman Air Biru. 2. Sesi Taklimat & Menandatangi Perjanjian Penyewaan Rumah Pangsa Milik MBPG. 3. Gotong Royong Kebayan Jalan Timah. 4. Audit Surveillance ISO 14001:2015 Oleh Pihak SIRIM. 5. Undian Lot Sewaan/Taklimat Lot Sewaan 6. Big Screen Piala FA Malaysia 2024 di Bukit Layang-Layang. 7. FGD permohonan penjawatan penguatkuasa bagi pengurusan TLK Pintar oleh Southmax di The Pines, Melaka.
September	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penempatan semula tapak penjaja Bukit Layang-Layang.
Oktober	<ol style="list-style-type: none"> 1. Lawatan Tapak Bagi Penemuan Audit SIRIM 14001:2015. 2. Operasi Notis Peringatan Tunggakan 2 bulan ke atas Lot Perniagaan Operasi tuntutan tunggak di KPBPG.
November	<ol style="list-style-type: none"> 1. Undian Lot Sewaan/Taklimat Lot Sewaan 2. Operasi tuntutan tunggakan di KPBPG. 3. Pembukaan tapak penjaja berpusat Jalan Pelanduk, Taman Scientex. 4. Pemasangan Sistem Solar Fotovoltaik (SSF) bagi bangunan MBPG.
Disember	<ol style="list-style-type: none"> 1. Lawatan Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Ke Kebayan (Lima Kebayan) milik MBPG. 2. Lawatan Bertemu Peniaga Kebayan (Kemas kini Baru). 3. Program Menandatangani Perjanjian Penyewaan Rumah Pangsa Bagi Tempoh 2025/2026 (Pembaharuan). 4. Perasmian Mural KPBPG@UTC Pasir Gudang oleh Yang Berhormat Datuk Bandar.



AKTIVITI BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA

Sesi undian premis perniagaan yang bersiaran langsung di Facebook rasmi MBPG yang dijalankan sepanjang tahun. Sesi undian dijalankan sebanyak 3 kali setahun dengan kerjasama Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam.

Sesi undian dihadiri oleh Timbalan Setiausaha, Tuan Haji Abdul Malek bin Mohamed, Ketua Jabatan Pengurusan Harta dan Komersial, Puan Haslina binti Hassan, dan disaksikan oleh wakil Bahagian Audit Dalam dan Integriti.



Taklimat kemasukan penyewa baru dan tandatangan perjanjian penyewaan yang dijalankan sepanjang tahun bagi memberi maklumat dan kesedaran kepada penyewa untuk mematuhi syarat-syarat perjanjian yang telah ditandatangani.



Satu sesi temuduga telah dijalankan pada 4 Julai 2024 kepada peniaga-peniaga bagi pemilihan penyewa di Kios Laman Kraf dan Kios Dinamika Selangkah serta serahan kunci kepada penyewa.

Sesi ini dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tuan Haji Abdul Malek Mohamed, Ketua Jabatan Pengurusan Harta dan Komersial Puan Haslina binti Hassan dan Ketua Bahagian Pengurusan Harta iaitu Puan Zanariah binti Haji Mohd Basri. Seramai 5 peniaga yang telah berjaya bagi sesi ini.






Satu gotong royong di Kebayan Jalan Timah dengan kerjasama Bahagian kebersihan dan Bahagian Penyelenggaraan Aset telah diadakan pada 18 Ogos 2024.

Program ini bukan sahaja melibatkan kebersihan, tetapi melibatkan pemberian kerosakan yang dibuat secara terus di tapak apabila aduan diterima serta pembelian kelengkapan di surau telah dibeli oleh jabatan bagi kegunaan bersama penyewa.

SEBELUM



SEMASA



SELEPAS





Perjumpaan bersama penyewa pada 29 Ogos 2024 di Semai Niaga Taman Air Biru bagi pemakluman awal pemindahan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja naik taraf di tapak. Perjumpaan dihadiri sama oleh Jabatan Kejuruteraan, Bahagian Komersial dan Bahagian Penyelenggaraan Aset bagi pencerahan kepada penyewa.



Semakan perangkap minyak dan penampalan waktu berniaga di premis perniagaan bagi kategori makanan dan minuman. Sebanyak 19 lokasi kebanyan telah ditampal waktu berniaga dan perangkap minyak. Operasi dijalankan selama 3 minggu pada pertengahan bulan November dan awal Disember 2024.





Sesi temuduga dijalankan di Bilik Anggerik, Aras 4 bagi pemilihan penyewa di Arena Kebayan Taman Cendana pada 29 Disember 2024 dan dihadiri seramai 13 peniaga.

Sesi ini dihadiri oleh Ahli Majlis Zon Taman Cendana, Tuan Haji Ishak bin Yusof, Timbalan Setiausaha Tuan Haji Abdul Malek bin Mohamed, Ketua Jabatan Pengurusan Harta dan Komersial Puan Haslina binti Hassan dan Ketua Bahagian Pengurusan Harta Puan Zanariah binti Haji Mohd Basri. Seramai 8 peniaga telah berjaya bagi sesi kali ini.



JPHK telah menjalankan undian rumah pangsa sebanyak 5 kali sepanjang tahun 2024 sebagaimana berikut:

BIL.	TARIKH UNDIAN	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH UNIT	TARIKH SURAT TAWARAN	JUMLAH HARI
1	30/01/2024	7	7	07/02/2024	9
2	25/04/2024	59	36	08/05/2024	14
3	01/07/2024	84	26	08/07/2024	8
4	30/07/2024	75	36	07/08/2024	9
5	18/09/2024	76	34	30/09/2024	13

Majlis ini diadakan bagi memastikan proses cabutan undian unit rumah pangsa dilakukan secara telus dan adil kepada pemohon yang layak.





AKTIVITI BAHAGIAN KOMERSIAL

UNDIAN TAPAK BAZAR RAMADAN

Undian tapak bazar Ramadan dibawah seliaan Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah diadakan pada 21 Februari 2024 bertempat di Dewan Serbaguna Taman Mawar. Sebanyak 8 tapak bazar telah dibuka kepada orang awam.



PROGRAM BAZAR RAYA AIDILFITRI DI KOMPLEKS PUSAT BANDAR PASIR GUDANG (“SEINDAH RAMADAN, SESUCI LEBARAN”)

Jabatan Pengurusan Harta dan Komersial di bawah Bahagian Komersial telah mengadakan Program Bazar Raya selama sebulan bermula 12 Mac 2024 hingga 9 April 2024 yang diadakan di Aras 1, Atrium KPBPG dan Aras 3. Pelbagai aktiviti menarik dijalankan antaranya:

1. Pertandingan Menghias Kek (Kanak-Kanak)
2. Pertandingan Sambung Lagu dan Kuiz Raya
3. Ceramah Nuzul Al-Quran dan Persembahan Qasidah
4. Pertandingan menganyam ketupat
5. Pertandingan Busana Raya (Kanak-Kanak)



MAJLIS MENANDATANGANI MURAL DI TAPAK MURAL KOMPLEKS PUSAT BANDAR PASIR GUDANG (KPBPG)

Majlis menandatangani mural di Tapak Mural KPBPG telah diadakan pada 5 Disember 2024 yang telah ditandatangani oleh YB Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang.

Mural yang dilakar membawa makna signifikan mengumpulkan semua agensi UTC Pasir Gudang sebagai penyedia perkhidmatan kepada masyarakat. Lakaran ini turut mempromosikan lokasi-lokasi ikonik dan aktiviti pelancongan di Pasir Gudang. Inisiatif ini merupakan satu langkah rejuvenasi UTC Pasir Gudang sebagai sebuah lokasi tumpuan utama khususnya penduduk Pasir Gudang untuk mendapatkan perkhidmatan dan produk jualan yang ditawarkan. Ini sebagai langkah awal oleh UTC Pasir Gudang bagi menaikkan semula Pusat Transformasi Bandar @ UTC sebagai pusat sehenti.





PROJEK PEMASANGAN SISTEM SOLAR FOTOVOLTAIK (SSF) BAGI BANGUNAN-BANGUNAN MILIK MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG.

Jabatan Pengurusan Harta dan Komersial telah melaksanakan projek pemasangan solar dengan kerjasama pihak Permodalan Darul Takzim (PDT). Kerja-Kerja tersebut telah bermula pada Oktober 2024. Lokasi yang terlibat adalah :

1. Dewan Taman Mawar, Taman Mawar (telah siap dilaksanakan pada November 2024)
2. Menara Aqabah, MBPG.
3. Muzium Layang-Layang, Bukit Layang-Layang.



BAHAGIAN PENYELENGGARAAN ASET

Pencapaian KPI yang telah dilaksanakan

BIL.	KPI	JUMLAH
1	Memastikan kutipan sewa tidak kurang 80%.	95.12%
2	Memastikan kependudukan penyewa secara keseluruhan bagi bangunan yang disewakan tidak kurang daripada 80%.	83.48%

PENCAPAIAN-PENCAPAIAN JABATAN/BAHAGIAN/UNIT.

Pengurusan Penyewaan

AKTIVITI	JUMLAH
Jumlah Unit Penyewaan	2,500
Jumlah Penyewa	2,087
Peratus Kependudukan	83.48%

Pengurusan Dewan/Balairaya

Jumlah dewan/balairaya	-
Jumlah gelanggang	
Jumlah penggunaan dewan/balairaya	
Jumlah penggunaan gelanggang	
Jumlah pendapatan dewan/balairaya	
Jumlah pendapatan gelanggang	

Jumlah Keseluruhan Unit Untuk Sewaan

LAPORAN KUTIPAN SEWA	JUMLAH UNIT	JUMLAH DISEWA
Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang	188	154
Kebayan	281	241
Rumah Pangsa	1,673	1,464
Bengkel Jalan Keluli	30	29
Pasar Awam	156	103
Perkedai & Perhentian Bas (Masai & Kota Masai)	101	43
Semai Niaga	26	8
Tanah Kosong	43	43
Hentian Lori	2	2
JUMLAH	2,500	2,087



Laporan Sewa

LAPORAN KUTIPAN SEWA	JUMLAH KUTIPAN (RM)
Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang	6,214,088.81
Kebayan	917,241.16
Rumah Pangsa	5,436,992.58
Bengkel Jalan Keluli	308,310.00
Pasar Awam	450,454.90
Perkedaian & Perhentian Bas (Masai & Kota Masai)	387,291.57
Semai Niaga	4,520.20
Tanah Kosong	2,033,000.97
Stadium & Dewan	458,715.00
Hentian Lori	174,500.00
Pengurusan Tempat Letak Kereta	333,960.05
Tapak Penjaja	626,290.00
Sewa Pejabat (Muzium)	3,033.60
JUMLAH	17,348,398.84

• JABATAN PENGUATKUASAAN

BAHAGIAN KAWALAN ZON DAN OPERASI

FUNGSI BAHAGIAN KAWALAN ZON DAN OPERASI

- i. Menguatkuasakan Akta Dan Undang-Undang Kecil yang telah diperuntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Jalan, Parit dan Bangunan dan Undang-Undang Kecil yang telah diwartakan.
- ii. Tindakan kompaun keatas pihak individu, syarikat atau premis yang melanggar mana-mana peruntukan Akta dan Undang-Undang Kecil MPPG.
- iii. Memastikan pihak individu, syarikat, premis, penjaja atau yang menjalankan perniagaan di dalam kawasan pentadbiran MBPG mempunyai lesen perniagaan.
- iv. Mengambil tindakan terhadap penjaja tanpa lesen.
- v. Siasatan dan tindakan aduan awam.
- vi. Membuat tugas kawalan sempena keramaian, keselamatan, bantuan bencana alam dan sebagainya.
- vii. Membantu jabatan-jabatan lain di dalam MBPG.
- viii. Melaksanakan operasi penguatkuasaan, operasi bersepadu bersama agensi-agensi atau jabatan kerajaan yang lain.

ADUAN BERKAITAN BAHAGIAN KAWALAN ZON DAN OPERASI BAGI TAHUN 2024

BIL.	KATEGORI ADUAN	JUMLAH ADUAN
1	Perniagaan	9
2	Penjajaan	14
3	Kacauganggu Kekotoran	19
4	Kacauganggu Haiwan (Ayam, Itik, Burung)	5
5	Kacauganggu Haiwan (Anjing)	8
6	Kacauganggu Haiwan (Lembu)	0
7	Kacauganggu Bising	6
8	Lain-lain	6
Jumlah Keseluruhan Aduan		67

STATISTIK PENGELOUAAN NOTIS LAWATAN DAN KOMPAUN BAHAGIAN KAWALAN ZON DAN OPERASI BAGI TAHUN 2024

BIL.	JENIS TINDAKAN	JUMLAH
1	Notis Lawatan	1971
2	Notis Kesalahan Serta Tawaran Kompaun (Am)	2943

STATISTIK OPERASI YANG DILAKUKAN BAHAGIAN KAWALAN ZON DAN OPERASI BAGI TAHUN 2024

BIL.	JENIS TINDAKAN	JUMLAH
1	Operasi Penguatkuasaan	1971
2	Operasi Bersepadu	2943



OPERASI PENGUATKUASAAN



OPERASI BERSEPADU BERSAMA AGENSI KERAJAAN





BAHAGIAN TRAFIK DAN KESELAMATAN

FUNGSI BAHAGIAN TRAFIK DAN KESELAMATAN

- i. Menguatkuasakan Akta Dan Undang-Undang Kecil yang telah diperuntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Undang-Undang Kecil yang telah diwartakan.
- ii. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas menunda kenderaan yang terbiar atau buruk.
- iii. Bertanggungjawab dalam mengambil tindakan terhadap halangan kenderaan di tempat awam.
- iv. Bertanggungjawab menguruskan kenderaan yang ditunda sehingga dituntut
- v. Memastikan pergerakan lalulintas berjalan lancar.
- vi. Mengambil tindakan terhadap kenderaan berat diletakkan di kawasan taman perumahan yang menyebabkan halangan dan merosakkan harta majlis.
- vii. Pemantauan penguatkuasaan melalui camera litar tertutup (CCTV).
- viii. Menjaga keselamatan bangunan pejabat MBPG.

ADUAN BERKENAAN TRAFIK DAN HALANGAN KENDERAAN

BIL.	KATEGORI ADUAN	JUMLAH ADUAN
1	Kacauganggu Kenderaan (Kenderaan Buruk Dan Terbiar)	34
2	Kacauganggu Kenderaan (Halangan Lalu Lintas)	63
Jumlah		164

STATISTIK TINDAKAN BAHAGIAN TRAFIK DAN KESELAMATAN

BIL.	JENIS TINDAKAN	JUMLAH ADUAN
1	Notis Pemberitahuan (Kenderaan)	1288
2	Notis Kesalahan Serta Tawaran Kompaun (Kenderaan)	4391
3	Tindakan Tunda Kenderaan	344





BAHAGIAN DIREKTORAT PENTADBIRAN

FUNGSI BAHAGIAN DIREKTORAT PENTADBIRAN

- i. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tugas-tugas pentadbiran seperti menyelenggara rekod dan dokumen berkaitan proses kerja bahagian penguatkuasa, kedatangan, elauan kerja lebih masa, cuti dan tuntutan kewangan.
- ii. Menyelia, mengurus dan mengawal penggunaan eset di Jabatan Penguatkuasa.
- iii. Memastikan penyelenggaraan dan penyediaan perkhidmatan tepat dan teratur.
- iv. Mentadbir urusan data tindakan penguatkuasaan seperti notis dan kompaun.
- v. Bertanggungjawab terhadap Audit Dalaman serta pemantaun perlaksanaan kriteria dan petunjuk untuk KPI Jabatan.
- vi. Pengurusan stor jabatan penguatkuasaan seperti merekod barang masuk, keluar dan tuntutan.
- vii. Melaksanakan proses pelupusan barang sita dan rampasan.
- viii. Pengurusan aktiviti pra-pendakwaan pada peringkat pembukaan kes, siasatan, pengumpulan barang bukti dan seterusnya penyerahan kepada Unit Undang-Undang untuk pendakwaan.
- ix. Memastikan kertas siasatan lengkap untuk diserahkan kepada unit undang-undang.

PROGRAM, AKTIVITI DAN LATIHAN YANG DIJALANLAN OLEH JABATAN PENGUATKUASAAN SEPANJANG TAHUN 2024

Majlis perbarisan dan perarakan sambutan hari kebangsaan peringkat daerah Johor Bahru bagi tahun 2024.



Kursus Warden Trafik siri II (Pengendalian Motosikal) peringkat Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor.





Menyertai Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) 2024 peringkat negeri Johor yang diwakili oleh Kumpulan The Enforcement.



Ujian Kemahiran menembak pihak berkuasa tempatan sempena ulang tahun Majlis Bandaraya Ipoh 2024.



• JABATAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI DAN PELANCONGAN

FUNGSI BAHAGIAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI

BAHAGIAN PEMBANGUNAN SOSIAL

1. Pengurusan Acara Sukan dan Fasiliti Sukan
 - i. Merancang, melaksana dan melaksanakan penganjuran sukan peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa.
 - ii. Merancang, menyelaras dan melaksanakan penganjuran sukan dan e-sukan peringkat komuniti Pasir Gudang dengan Kerjasama dari IPT /Agensi/Persatuan di Pasir Gudang.
 - iii. Menyelaras, menyelenggara dan menyediakan peralatan dan fasiliti sukan bagi acara sukan di Pasir Gudang.
2. Program Sosial dan Kebudayaan
 - i. Menyelaras program pembangunan sosial dan kebudayaan dengan Kerjasama dari Sekolah/IPTA/Agensi/ Persatuan bagi meningkatkan kualiti hidup, kerohanian, kestabilan dan kesejahteraan komuniti dengan penglibatan pelbagai kaum.
3. Program Pembangunan Usahawan
 - i. Menyelaras dan menganjurkan program-program keusahawanan kepada pelbagai peringkat komuniti Pasir Gudang bagi nenaik taraf ekonomi sara hidup.
4. Program Pembangunan Belia
 - i. Menyelaras penganjuran program untuk golongan belia dengan Kerjasama Kementerian Belia dan Sukan.
 - ii. Menyelaras penganjuran progrsm komuniti dengan penglibatan sukarelawan dari golongan belia.
5. Pengurusan Persiapan
 - i. Menguruskan dan menyelaras kerja-kerja persiapan bagi majlis-majlis rasmi MBPG dan program JKPZ Ahli Majlis.
 - ii. Melantik kontraktor untuk membekalkan peralatan persiapan mengikut keperluan berdasarkan peruntukan yang diluluskan.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

1. Pengurusan JKPZ
 - i. Merancang, menyelaras dan melaksanakan aktiviti melalui Jawatankuasa Penduduk Zon (JKPZ) bagi 24 zon Ahli Majlis MBPG.
 - ii. Memastikan pembentukan Jawatankuasa Penduduk (JKPZ) Ahli Majlis selaras dengan Garis Panduan Jawatankuasa Zon.
 - iii. Menyelaras peruntukan zon Ahli Majlis mengikut Garis Panduan Jawatankuasa Zon yang telah ditetapkan.
2. Pengurusan Penganjuran Program Komuniti Peringkat Pasir Gudang
 - i. Menyelaras program Sesi Townhall Datuk Bandar Bersama komuniti dua kali setahun.
 - ii. Menganjurkan program komuniti yang memberi manfaat dengan penyertaan dan penglibaran dari semua lapisan komuniti di kawasan Pasir Gudang.



3. Local Agenda 21 (LA21)
 - i. Menyelaras mesyuarat jawatankuasa kerja Local Agenda 21 (LA21) bagi Jawatankuasa Kerja Pelan Tindakan Sosial dan Ekonomi dua kali setahun.
 - ii. Menyelaras program-program Pembangunan mampan melibatkan ekonomi, sosial dan alam sekitar dengan kolaborasi PBT, sektor swasta dan masyarakat.
 - iii. Penyelaras Pasir Gudang School Band (PGSB) dengan kolaborasi Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah-sekolah di Pasir Gudang.
 - iv. Bekerjasama dengan Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAPJ) bagi memastikan perkhidmatan bas percuma dapat dimanfaatkan oleh komuniti Pasir Gudang.
4. Program Pembasmian Kemiskinan
 - i. Membantu menyelaras bantuan-bantuan inisiatif kepada golongan memerlukan seperti golongan miskin, miskin tegar dan fakir.
 - ii. Menyelaras peruntukan dan bantuan dari agensi-agensi kepada golongan bersasar mengikut keperluan dan kelayakan.
5. Pengurusan Tanah Perkuburan
 - i. Merancang, menyelaras dan meningkatkan perkhidmatan pengurusan pengebumian jenazah di Tanah Perkuburan Islam Mutmainnah Pasir Gudang kepada penduduk di kawasan pentadbiran.
 - ii. Merancang keperluan Pembangunan dan penyelenggaraan Tanah Perkuburan Islam Mutmainnah Pasir Gudang.
 - iii. Menguruskan dan mengemaskini data-data si mati dalam system e-pusara.

FUNGSI BAHAGIAN PELANCONGAN

UNIT MUZIUM LAYANG-LAYANG

1. Menguruskan pembuatan layang-layang sebagai cenderahati dan jualan.
2. Menguruskan penjagaan bangunan muzium dan kedai cenderamata.
3. Menguruskan jualan tiket dan merekodkannya dalam buku ahsil jualan tiket.
4. Menyediakan laporan bulanan dan tahunan Muzium Layang-Layang.
5. Mengurus, menyimpan dan megemaskini maklumat jualan tiket, aktiviti dan produk pelancongan Muizum.
6. Layang-Layang.
7. Menguruskan penjagaan, penyelidikan dan konservasi mengenai layang-layang dan budayanya.
8. Mengurus lawatan daripada sekolah/IPTA/Agenzi/Persatuan.

UNIT PASIR GUDANG KRAF

1. Seksyen Pengurusan Aktiviti dan Promosi
 - Merancang, menyelaras dan meningkatkan urus tadbir fasiliti Pasir Gudang Kraf.
 - Menyelaras kerja urus tadbir operasi Pasir Gudang Kraf.
 - Membantu menyediakan jualan dan laporan jumlah jualan, pemberian saguhati produk Pasir Gudang Kraf.
 - Menyelaras serta menyelia kemudahan fasiliti dan keselamatan untuk pengunjung serta anggota pekerja di Pasir Gudang Kraf.
 - Mengurus dan menyelaras setiap program lawatan daripada sekolah, IPTA,IPTS, agensi swasta/kerajaan dan persatuan.
 - Mengemaskini serta menyelaras semua maklumat berkaitan produk seramik Pasir Gudang Kraf.
2. Seksyen Pembuatan
 - Menyelaras dan menyiapkan proses pembuatan produk seramik Pasir Gudang Kraf meliputi proses bancuhan *slip*, *casting*, *finishing*, pembakaran *bisque*, *glazing* dan pembakaran *glaze* mengikut kepada tempahan pelanggan atau keperluan jabatan.
 - Mengemaskini serta menyelaras kerja-kerja dekorasi meliputi pemilihan corak, lakaran pensil, outline dengan menggunakan *wax resist* dan mewarna mengikut kepada tempahan pelanggan dan keperluan jabatan.



UNIT SARANG BUAYA PASIR GUDANG

1. Bertanggungjawab menjaga dan menguruskan aset hidup kerajaan (haiwan buaya).
2. Bertanggungjawab menyediakan program-program berasaskan pendidikan bagi memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat tidak kira lapisan umur.
3. Bertanggungjawab menjaga Sarang Buaya dan memastikan kawasan lawatan bersih dan selamat.

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

- i. Melaksana secara profesional pembangunan sumber maklumat bagi mewujudkan pusat kecemerlangan pelbagai bidang seperti pengesanan, pemilihan, perolehan, penerimaan dan pemprosesan.
- ii. Pendokumentasian dan pengurusan maklumat seperti pengkatalogan dan pengurusan katalog, pengelasan, dan pengindeksan.
- iii. Penyediaan perkhidmatan asas perpustakaan bagi memenuhi kepuasan pelanggan seperti rujukan dan perujukan, pinjaman, pendidikan pengguna, pinjaman kelompok dan pameran.
- iv. Penyediaan kemudahan perkhidmatan perpustakaan bagi memenuhi kepuasan pelanggan mengikut kesesuaian perpustakaan:
 - a) Kemudahan sirkulasi secara online
 - b) Sudut siber dan WIFI
 - c) Salinan foto dan reprografi.
 - d) Pinjaman berkelompok
 - e) Tempat simpan barang
- vii. Menjalankan tugas-tugas pentadbiran seperti pengumpulan statistik, pelupusan bahan, pengurusan fail dan rekod, pengurusan stok dan inventori.
- viii. Melaksanakan urusan kewangan seperti menyediakan permohonan peruntukan bahagian dan melaporkan serta menyerahkan hasil pendapatan perpustakaan.
- ix. Melaksanakan program pemeliharaan dan keselamatan sumber maklumat:
 - a) Melaksanakan dasar pemeliharaan dan keselamatan koleksi perpustakaan.
 - b) Menyenggara sumber maklumat perpustakaan, peralatan perpustakaan dan peralatan keselamatan.
 - c) Persekitaran, suhu, kelembapan udara, pencahayaan.
 - d) Mengawasi koleksi perpustakaan dan sistem kawalan keselamatan.
- x. Memberi kesedaran semasa mengenai perkhidmatan perpustakaan yang ditawarkan melalui pelbagai aktiviti terutamanya untuk kanak-kanak dan pelajar sekolah.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN SOSIAL

AKTIVITI BAHAGIAN PEMBANGUNAN SOSIAL

PROGRAM MASUK JAWI

- > 17 Februari 2024
- > Dewan Muafakat Seri Alam



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dengan kerjasama KPJ Pasir Gudang Specialist Hospital telah menganjurkan Program Masuk Jawi di. Seramai 101 kanak-kanak dari keluarga B40 sekitar Pasir Gudang menyertai majlis berkhatan percuma. Perasmian dilakukan oleh En. Abd Malek Mohammed, Timbalan Setiausaha MBPG, bersama En. Khairul Hasanin Abdul Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif KPJ Pasir Gudang Specialist Hospital. Program ini turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti pameran kesihatan, persempahan silat, soopa doopa, tayangan filem animasi dan kostum super hero.



PROGRAM SAMBUTAN TAHUN BARU CINA PERINGKAT PASIR GUDANG

📅 24 Februari 2024
📍 Eco Tropic Gallery, Kota Masai



Majlis dirasmikan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, Dato' Asman Shah bin Abd Rahman serta dihadiri oleh ahli-ahli MBPG dan wakil dari Eco World Sdn. Bhd. Acara ini dimeriahkan dengan persembahan tarian naga dan singa, tarian kebudayaan oleh pelajar SJKC Ladang Grisek, jamuan "yee sang," serta sesi penulisan kaligrafi sebagai simbolik perasmian. Program diakhiri dengan pemberian angpao kepada kanak-kanak yang hadir.

PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA TANAH PERKUBURAN ISLAM PASIR GUDANG

📅 3 Mac 2024
📍 Tanah Perkuburan Islam di Perkuburan Islam Mutmainnah, Pasir Gudang



Program ini disertai oleh 200 peserta termasuk wakil dari Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), PG CARE, Masjid Kg. Pasir Gudang Baru, UTK MBPG dan orang awam. Peserta dibahagikan mengikut zon untuk membersihkan tanah perkuburan di sekitar Pasir Gudang, Cahaya Baru, Kg. Sg. Latoh, Sg. Tiram dan Kuala Masai.

PROGRAM BUBUR LAMBUK PERDANA PASIR GUDANG

📅 17 Mac 2024
📍 Dewan Muafakat, Jalan Gunung, Bandar Seri Alam



Program ini dirasmikan oleh Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang. Sebanyak 8 agensi terlibat dalam memberi sumbangan sementara 30 penyertaan memasak bubur lambuk dari JKPZ Pasir Gudang, pengurusan masjid, surau dan agensi kerajaan serta industri. Sebanyak 10,000 bekas bubur lambuk berjaya dimasak dan diedarkan kepada komuniti di 4 lokasi sekitar Pasir Gudang.

PROGRAM BUBUR LAMBUK PERDANA PASIR GUDANG

> 17 Mac 2024
-> Dewan Muafakat, Jalan Gunung, Bandar Seri Alam

Program dirasmikan oleh YB Dato' Asman Shah bin Ahmad, Datuk Bandar Pasir Gudang dan turut dihadiri oleh pemimpin masyarakat serta ahli majlis MBPG. Aktiviti termasuk penyampaian sumbangan kepada golongan asnaf oleh Yayasan Pasir Gudang serta majlis berbuka puasa dan solat tarawih berjemaah.





KEJOHANAN PAINTBALL PERINGKAT ANTARABANGSA 2024, PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG

- 📅 12 Mei 2024
📍 Politeknik Ibrahim Sultan



Kejohanan telah dirasmikan oleh Tuan Haji Ulaimi Bin Yahaya dan menampilkan perlawanan dalam *Open, Classic, dan Community & Invitation Category*.

DYNAMIC FUN RUN AND RIDE 2024

- 📅 29 Jun 2024
📍 Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang



Acara ini disertai 1059 peserta terdiri daripada 141 pelari dan kategori berbasikal dengan penyertaan pelbagai kaum iaitu kaum Melayu 1,185 peserta, Majlis pelepasan disempurnakan oleh Haji Muzaldin bin Mohamed (Pegawai Daerah Johor Bahru) bersama Puan Nurul Ashikin A. Jabar (Setiausaha MBPG) dan beberapa wakil korporat termasuk dari Lotte Chemical Titan dan TMK Chemical Berhad.

KEJOHANAN BADMINTON TERTUTUP PASIR GUDANG PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG

- 📅 13-14 Julai 2024
📍 Dewan Serbaguna Taman Mawar



Kejohanan ini melibatkan 71 regu dengan 131 peserta. Antara kategori yang dipertandingkan termasuklah Regu Campuran Terbuka, Regu Veteran Terbuka dan Regu Lelaki Terbuka. Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Dato' Haji Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

PERTANDINGAN MOBILE LEGENDS BANG BANG & MAGIC CHESS PERINGKAST PASIR GUDANG 2024

- 📅 17 Ogos 2024
📍 Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang

Pertandingan ini melibatkan 32 pasukan dengan 192 peserta. Acara telah diuruskan oleh *Ezport Management Services* dengan kerjasama Egamesport.Asia dan Kelab Sukan Elektronik Empayar Selatan (SEEC). Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Puan Nurul Ashikin binti Haji A. Jabbar, Setiausaha MBPG mewakili Datuk Bandar Pasir Gudang.





MERDEKA 'COUNTDOWN' PASIR GUDANG 2024

30 Ogos 2024

Bukit Layang-Layang, Taman Bandar Pasir Gudang



Program dipenuhi dan dimeriahkan oleh warga Pasir Gudang yang menyambut Merdeka 'Countdown' peringkat Pasir Gudang 2024. Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman melaungkan kemerdekaan sebanyak 3 kali pada tepat jam 12 malam dan majlis diserikan dengan percikan bunga api serta persembahan dari artis-artis jemputan.

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT PASIR GUDANG

29 September 2024

Masjid Al-Firdaus, Taman Pasir Putih, Pasir Gudang




Acara dimulakan dengan perarakan kontjen diikuti pertandingan perarakan dan kompong. Pengisian program merangkumi bacaan selawat, doa pembuka acara, bacaan ayat suci Al-Quran oleh Qari Luqmanulhakim bin Mujahid serta persembahan marhaban dan qasidah. Ceramah agama bertajuk "Contoh Taqwa Rasulullah" disampaikan oleh As Sheikh Tuan Haji Mohd Nazri bin Rahman, Kadi Daerah Batu Pahat. Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah dan cenderahati.

SAMBUTAN HARI DEEPAVALI PASIR GUDANG

8 November 2024

Dewan Taman Mawar



Sambutan dihadiri dengan lebih 500 orang. Acara menampilkan pelbagai persembahan kebudayaan yang mencerminkan kepelbagaiannya bangsa dan budaya. Majlis dihadiri oleh Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang bersama pemimpin masyarakat, ahli majlis serta ketua-ketua jabatan MBPG.

KEJOHANAN SEPAK TAKRAW PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG

14 Disember 2024

Dewan Serbaguna Taman Mawar Pasir Gudang dan Atrium, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang

Kejohanan dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Sepak Takraw Johor dan Biro Sukan & Kebajikan MBPG. Sebanyak 48 pasukan dari seluruh Malaysia dan Singapura menyertai kejohanan ini. Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsuddin, Datuk Bandar MBPG telah menyempurnakan sesi penyampaian hadiah kepada pemenang.





KARNIVAL PENCAK SILAT BERADAT ANTARABANGSA PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG KALI KE-3

📅 25 hingga 28 Disember 2024

📍 Atrium Kompleks Pusat Bandar, Pasir Gudang



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dengan kerjasama PESAKA Daerah Johor Bahru telah menganjurkan Karnival Pencak Silat Beradat Antarabangsa Piala Datuk Bandar Pasir Gudang Kali Ke-3, 2024. Sebanyak 16 perguruan dari Malaysia, Indonesia dan Singapura mengambil bahagian dalam 3 kategori utama iaitu Kategori Pra Remaja (12-13 tahun), Kategori Remaja (14-18 tahun) dan Kategori Dewasa (18-45 tahun). Majlis perasmian disempurnakan oleh Tuan Ibrahim bin Mohd Salleh, Pengurus PESAKA Johor Bahru. Manakala, Majlis penyampaian hadiah utama termasuk tempat ke-3 keseluruhan, Naib Juara Keseluruhan dan Juara Keseluruhan disempurnakan oleh Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsuddin, Datuk Bandar Pasir Gudang.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

AKTIVITI BAHAGIAN KOMUNITI

PROGRAM BERSAMA KOMUNITI DENGAN PENLIBATAN PIHAK NGO/AGENSI /JKPZ

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG DENGAN POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

📅 16 Januari 2024

📍 Hotel Opero, Johor Bahru



MoU ini bertujuan untuk membangunkan kerjasama dalam pendidikan, penyelidikan dan latihan selaras dengan visi MBPG ke arah Bandaraya Sejahtera, Pintar dan Rendah Karbon menjelang 2025. Majlis turut disertakan dengan penyampaian Anugerah Zon Lestari 2023.

HARI MOTIVASI KELUARGA KOMUNITI PASIR GUDANG BERTEMAKAN KEISTIMEWAAN ITU ANUGERAH TERINDAH

⇒ 3 Jun 2024

⇒ Ballroom Cempaka Jingga



Program merangkumi tiga sesi utama iaitu Pengupayaan Fizikal dan Mental, Bimbingan Kekeluargaan dan Pendidikan, Peningkatan Ekonomi, Kesedaran dan Bimbingan kesihatan, Pendaftaran Kad OKU serta Perkongsian dari artis jemputan, Azmi Saat (Caliph Busker).



PROGRAM SESI RAMAH MESRA KOMUNITI BERSAMA DATUK BANDAR PASIR GUDANG

4 Ogos 2024

Dewan Muafakat Taman Cendana



Program dimulakan dengan ceramah motivasi 'Cakna Jiran Anda' oleh Ustaz Elyas Ismail. Taklimat Pembangunan dan Pencapaian MBPG 2023-2024 turut disampaikan dan majlis diakhiri dengan sesi dialog soal jawab bersama Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman.

PROGRAM HARI KEUSAHAWANAN KOMUNITI PASIR GUDANG

24 November 2024

Dataran Alhamra Pasir Gudang



Program tersebut bertujuan untuk memperkasakan literasi keusahawanan dan perniagaan mampan dalam komuniti. Ia turut merangkumi taklimat Bahan Halal Dalam Produk oleh Johor Toyibin Laboratories dan bengkel keusahawanan oleh Encik Ridzuan Khalid yang menekankan Personal Branding, Business Pitching dan Content Ideas. Pelbagai booth dan foodtruck turut dibuka termasuk Jualan Rahmah, Pasaraya Maslee, 46 tapak dari kebun komuniti Pasir Gudang, Waqaf Tani Komuniti Taman Cendana, PERNITA, Koperasi Wawasan MBPG Johor Berhad serta Peserta Usahawan ERA, Peserta Usahawan Jutawan, Komuniti atau Peniaga Pasir Gudang.

BAHAGIAN PELANCONGAN

AKTIVITI BAHAGIAN PELANCONGAN

MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL LAYANG-LAYANG SEDUNIA PASIR GUDANG KALI KE -26 2024

2 Mac 2024

Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang



Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang Ke-26 telah dirasmikan di Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang oleh YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, Pengurus Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya Negeri Johor. Turut hadir ialah YB Dato' Hj. Ismail bin Abu, YB Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, Ketua Whip MBPG serta tetamu kehormat lain.

Festival bertemakan "Budaya Dinamik" ini berlangsung sejak 24 Februari 2024 dengan 130 peserta antarabangsa dari 39 negara serta lebih 400 peserta tempatan.

Antara aktiviti menarik:

- Pertandingan Wau & Layang-Layang
 - Wau Bulan, Wau Kucing, Wau Jalabudi, Wau Merak, Wau Daun
- Pertandingan Rokkaku Korporat & International
- Pertandingan Layang-Layang Bercahaya
- Bengkel Membuat Wau
- Persembahan Layang-Layang Gergasi oleh peserta antarabangsa



PERTANDINGAN TARIAN ETNIK RAKYAT MALAYSIA SEMPENA PROGRAM SEMARAK KEMERDEKAAN 2024

📅 18 Ogos 2024
📍 Dewan Muafakat Masai



Program adalah dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang dan disertai oleh 16 kumpulan. Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh YBhg. Puan Nurul Ashikin binti Haji A. Jabar, Setiausaha MBPG, bersama Puan Hajah Noorhayati binti Sarmoen, Ketua Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan.

Keputusan pertandingan:

Kategori Sekolah Rendah

Johan (RM1000) – SJKC Masai
Naib Johan (RM800) – SK Bandar Seri Alam
Ketiga (RM600) – SK Masai
Saguhati (RM400) – SK Taman Scientex, SK Kopok

Kategori Sekolah Menengah & Terbuka

Johan (RM1000) – Sekolah Seni Malaysia, Johor
Naib Johan (RM800) – De Bayu Dance Group
Ketiga (RM600) – SMK Pasir Gudang
Saguhati (RM400) – Rentak Ragaman, SMK Sungai Tiram

PROGRAM JOM KENAL BUAYA 2024

📅 10 - 11 Februari 2024
📍 Sarang Buaya Pasir Gudang



Sarang Buaya Pasir Gudang telah mengadakan Program Jom Kenal Buaya sempena Tahun Baru Cina yang juga bersimbolikkan sebagai tahun naga. Kepercayaan cina mengatakan tahun naga merupakan tahun kekuatan, kesihatan, harmoni dan tuah. Di samping itu, selari dengan misi dan visi Sarang Buaya yang komited menjaga keharmonian alam sekitar dan haiwan liar seperti buaya, penganjuran program sempena hari raya cina 2024 ini bertujuan mendidik serta memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai haiwan dan alam sekitar.

Walaupun cuaca cerah dan panas, program ini masih mendapat sambutan orang ramai dengan jumlah pengunjung mencecah lebih 500 orang dan pendapatan juga sangat memberangsangkan. Pihak Sarang Buaya juga menerima maklumbalas yang sangat baik daripada orang ramai.



PROGRAM HARI BUAYA SEDUNIA 2024



8 - 10 Jun 2024



Sarang Buaya Pasir Gudang



Bermula tahun 2022, Sarang Buaya Pasir Gudang telah menyertai satu kempen kesedaran global dalam mengetengahkan nasib buaya dan spesis-spesis buaya yang diancam kepupusan di seluruh dunia akibat pemburuan haram, pencemaran dan kerosakan habitat dek pembangunan iaitu Hari Buaya Sedunia (World Croc Day).

Program ini dirasmi dan disempurnakan oleh Puan Setiausaha MBPG, Puan Nurul Ashikin binti Haji A. Jabar dan diiringi beberapa ahli majlis MBPG beserta keluarga mereka turut memeriahkan program ini.

Program yang berlangsung selama tiga hari berjalan lancar dengan kehadiran peserta berdaftar dan pengunjung dari pelbagai negeri. Mereka juga menyertai segala aktiviti yang telah disediakan seperti memancing ikan, memanah dan lain-lain. Berdasarkan rekod, seramai lebih 300 orang telah menghadiri program ini dengan kutipan sebanyak RM 5,825.00. Pihak Sarang Buaya juga menerima maklumbalas yang sangat baik daripada orang ramai.

PENGANJURAN PROGRAM CROC INTERACT 2024



5 - 16 September 2024



Sarang Buaya Pasir Gudang



Sarang Buaya Pasir Gudang telah menjayakan antara program tahunan iaitu Program Croc Interact 2024 untuk kali ketiga. Program yang berlangsung selama dua hari itu berjalan lancar dengan kehadiran pengunjung dari pelbagai negeri. Mereka juga menyertai segala aktiviti yang telah disediakan seperti memancing ikan, berinteraksi bersama haiwan exotik, mewarna seramik, membuat layang-layang dan lain-lain. Para peniaga juga berpuas hati dengan program yang dianjurkan. Berdasarkan rekod, seramai lebih 900 orang telah menghadiri program ini dengan kutipan sebanyak RM10,563.00.



PROGRAM HARI KEUSAHAWANAN ANJURAN SK BANDAR PENAWAR

📅 21 Januari 2024

📍 SK Bandar Penawar



Sarang Buaya Pasir Gudang telah menerima jemputan sekolah untuk membuat pameran sempena program yang dianjurkan. Ini juga merupakan peluang baik bagi Unit Sarang untuk mempromosikan Sarang Buaya Pasir Gudang dan menarik minat kanak-kanak untuk menjaga dan menyayangi haiwan-haiwan. Di samping itu, dapat memberikan ilmu pengetahuan tentang haiwan dan memupuk kesedaran menjaga alam sekitar. Seramai lebih 540 orang telah hadir ke booth pameran Sarang Buaya untuk menikmati peluang dan mendapatkan pengalaman memegang serta membela haiwan-haiwan peliharaan.

PROGRAM MINI PETTING ZOO BERGERAK DI SEKOLAH MENENGAH PARAGON

📅 Jun 2024

📍 SM Paragon



Sarang Buaya Pasir Gudang telah menerima jemputan sekolah untuk membuat pameran sempena program yang dianjurkan. Ini juga merupakan peluang baik bagi Unit Sarang untuk mempromosikan Sarang Buaya Pasir Gudang dan menarik minat kanak-kanak untuk menjaga dan menyayangi haiwan-haiwan. Di samping itu, dapat memberikan ilmu pengetahuan tentang haiwan dan memupuk kesedaran menjaga alam sekitar. Seramai 394 orang telah hadir ke booth pameran Sarang Buaya untuk menikmati peluang dan mendapatkan pengalaman memegang serta membela haiwan-haiwan peliharaan.



PROGRAM DINAMIKA HIJAU



25-28 Julai 2024



Taman Bandar Pasir Gudang



Sarang Buaya Pasir Gudang telah menerima jemputan Jabatan Perancang Bandar dan Landskap MBPG untuk membuat pameran sempena program yang dianjurkan. Ini juga merupakan peluang baik bagi Unit Sarang Buaya untuk mempromosikan Sarang Buaya Pasir Gudang dan menarik minat orang awam untuk menjaga dan menyayangi haiwan-haiwan. Selain itu, dapat memberikan ilmu pengetahuan tentang haiwan dan memupuk kesedaran menjaga alam sekitar. Seramai lebih 536 orang telah hadir ke booth pameran Sarang Buaya untuk menikmati peluang dan mendapatkan pengalaman memegang serta membela haiwan-haiwan peliharaan.



SENARAI TERIMA LAWATAN DARI PELBAGAI AGENSI/ORGANISASI KE SARANG BUAYA

TARIKH	ORGANISASI	OUTCOME
24 Januari 2024	SK Kampung Kopok (Pra Sekolah)	Seramai 41 pelajar dan 17 dewasa (Guru & Ibu Bapa) telah melawati Sarang Buaya Pasir Gudang.
27 Januari 2024	MSM Gula	Seramai 40 orang telah melawati Sarang Buaya Pasir Gudang dengan mengambil Pakej Pendidikan Kenali Haiwan dan Paya Bakau. MSM Gula juga telah menaja beberapa barang dan peralatan menambahbaik kolam anak buaya di Sarang Buaya Pasir Gudang
20 Februari 2024	Majlis Bandaraya Ipoh (MBI)	Seramai 20 orang telah melawati Sarang Buaya Pasir Gudang yang diiringi oleh Bahagian Korporat & Perhubungan Awam.
03 Mac 2024	AIESEC, UTM	Seramai 21 pelajar telah melawati Sarang Buaya Pasir Gudang dengan mengambil Pakej Volunteer.
11 Mei 2024	Tadika Nuri Kota Puteri	Seramai 40 pelajar dan 5 dewasa (Guru) telah melawati Sarang Buaya Pasir Gudang.
10 Jun 2024	SMK Tanjung Puteri Resort (PPKI)	Seramai 56 pelajar dan 25 orang dewasa (Guru & Ibu Bapa) telah melawati Sarang Buaya sempena Program Hari Buaya Sedunia dnegan mengambil Pakej Pendidikan Kenali Haiwan dan Paya Bakau.
29 Julai 2024	Lawatan Dinamika Warisan Hijau	Seramai 30 orang telah melawati Sarang Buaya Pasir Gudang yang diiringi oleh Bahagian Landskap MBPG.
04 Ogos 2024	Tabika Kemas Bestari Taman Pasir Putih	Seramai 29 pelajar dan 3 orang dewasa (Guru) telah melawati Sarang Buaya sempena Program Hari Buaya Sedunia dnegan mengambil Pakej Pendidikan Kenali Haiwan dan Paya Bakau.
04 Ogos 2024	AIESEC, UTM	Seramai 16 pelajar telah melawati Sarang Buaya Pasir Gudang dengan mengambil Pakej Volunteer.
07 Ogos 2024	SMK Penggerang Utama (dibawa oleh Reef Check Malaysia)	Seramai 40 pelajar telah melawati Sarang Buaya Pasir Gudang dengan mengambil Pakej Pendidikan Kenali Haiwan dan Paya Bakau.
08 Ogos 2024	Jeremiah Education (dibawa oleh AIESEC)	Seramai 20 pelajar dan 6 orang guru pengiring telah melawati Sarang Buaya Pasir Gudang dengan mengambil Pakej Pendidikan Kenali Haiwan dan Paya Bakau.
22 Ogos 2024	Tabika Kemas Harmoni Kg Pasir Putih	Seramai 44 orang telah melawati Sarang Buaya Pasir Gudang dengan mengambil Pakej Pendidikan Kenali Haiwan dan Paya Bakau.



TARIKH	ORGANISASI	OUTCOME
29 Ogos 2024	Sekolah SK Mohd Khir Johari	Seramai 80 pelajar dan 8 Guru telah melawati Sarang Buaya Pasir Gudang dengan mengambil Paket Pendidikan Kenali Haiwan dan Paya Bakau.
5 September 2024	SGS Company	Seramai 15 orang telah melawati Sarang Buaya dan membuat kerja-kerja sukarelawan membersihkan Kawasan Sarang Buaya.
12 September 2024	Taska Aqila Smart Kids	Seramai 30 pelajar dan 5 orang guru telah melawati Sarang Buaya Pasir Gudang dengan mengambil Paket Pendidikan Kenali Haiwan dan Paya Bakau.
18 September 2024	Gereja Presyterian Gloria Simpang Renggam	Seramai 32 pelajar dan 3 orang guru telah melawati Sarang Buaya Pasir Gudang dengan mengambil Paket Pendidikan Kenali Haiwan dan Paya Bakau.
5 Oktober 2024	Tabika Kemas Taman Scientex	Seramai 66 pelajar dan 16 orang guru telah melawati Sarang Buaya Pasir Gudang dengan mengambil Paket Pendidikan Kenali Haiwan dan Paya Bakau.
28 November 2024	SJKC Chien Chi	Seramai 111 pelajar dan 7 orang guru telah melawati Sarang Buaya Pasir Gudang dengan mengambil Paket Pendidikan Kenali Haiwan dan Paya Bakau.
5 Disember 2024	Tadika Taman Saujana	Seramai 35 pelajar dan 4 orang guru telah melawati Sarang Buaya Pasir Gudang dengan mengambil Paket Pendidikan Kenali Haiwan dan Paya Bakau.

LAPORAN AKTIVITI UNIT SERAMIK

PERKARA	JUMLAH
PENGURUSAN PELANGGAN DAN PENDAPATAN	
Jumlah pengunjung/pelanggan	221
Jumlah produk	1641
Jumlah pendapatan	RM61,238.46

PROMOSI JUALAN DAN PAMERAN

BIL	PROGRAM	TARIKH
1	Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang	26 Feb – 2 Mac 2024
2	International Paintball	10 May – 12 May 2024
3	Hari Buaya Sedunia – Program Jualan & interaktif mewarna	8 Jun – 10 Jun 2024
4	Rapatkan Saf (PUSPANITA Daerah JB)	27 Jun 2024
5	Temasya Dinamika Hijau	25 Julai – 28 Julai 2024
6	Law. Muzium Intestellar Int. School	7 Ogos 2024
7	Croc Interact	15 Sept – 16 Sept 2024
8	Aktiviti Interaktif Mewarna Perpustakaan Awam Pasir Gudang	19 Sept 2024
9	Festival Kraf Johor	19 Dis – 31 Dis 2024



AKTIVITI PENGGELUARAN PRODUK SERAMIK SEPANJANG TAHUN 2024

BIL.	PELANGGAN	TEMPAHAN		JUMLAH UNIT TEMPANAH DAN JUALAN
1	Jabatan Kesejahteraan Komuniti Dan Pelancongan			261
2	Puspanita MBPG			1
3	Korporat Dan Perhubungan Awam			446
4	Bahagian Audit Dalam Dan Integriti			146
5	Sek. Men. Kebangsaan Tg. Puteri			1
6	Kebun Komuniti Tmn. Air Biru			2
7	Sek. Keb. Tmn. Scientex			55
8	Jabatan Khidmat Pengurusan			2
9	Bm Nagano			1
10	Umno Pasir Gudang			1
11	Jabatan Perancang Bandar Dan Lanskap			367
12	Persatuan Teksi Pasir Gudang			1
13	Perpustakaan Awam Pasir Gudang			35
14	IPD Sri Alam			11
15	Persatuan Teksi Johor Bahru			4
16	Puspatri			1
17	Individu Dan Orang Perseorangan			5
JUALAN, PAMERAN DAN AKTIVITI				
18	Jualan Galeri			97
19	Festival Layang-layang Sedunia Pasir Gudang			65
20	International Paintball			1
21	Hari Buaya Sedunia			37
22	Festival Dinamika Hijau			11
23	Croc Interact			33
24	Law. Muzium Intestellar Int. School			37
25	Interaktif Mewarna Perpustakaan Awam Pasir Gudang			20
JUMLAH KESELURUHAN				
				1641

AKTIVITI MUZIUM LAYANG-LAYANG PASIR GUDANG 2024

TARIKH	HARI	MASA	NAMA	KATEGORI	DEWASA	KANAK-KANAK	BUKAN WARGA NEGARA	AKTIVITI
11/1/2024	Selasa	11.00 Pagi	Majlis Bandaraya Ipoh, Perak	Kerajaan	8	-	-	Lawatan Rasmi
8/2/2024	Khamis	11.00 pagi	Timbalan Setiausaha MBPG	MBPG	2	-	-	Lawatan Susulan KjTP (PERCUMA)
20/2/2024	Selasa	10.30 pagi	Majlis Bandaraya Ipoh	Kerajaan	14	-	-	Lawatan Rasmi (PERCUMA)
21/2/2024	Rabu	12.00 tgh	ICT Johor Dan PLAN Malaysia	Kerajaan	10	-	-	Lawatan Penanda Aras EKSA (PERCUMA)
27/2/2024	Selasa	10.00 pagi	SK Tanjong Ayer Hitam, Pontian	Sekolah Rendah	13	23	-	Lawatan Sahaja
28/2/2024	Rabu	10.30 pagi	Tadika Yang Yang	Tadika	13	82	-	Lawatan dan Bengkel Wau Merak
28/2/2024	Rabu	10.00 pagi	Tadika Krista, Bandar Dato' Onn	Tadika	7	40	-	Lawatan sahaja
1/3/2024	Jumaat	2.00 petang	Tadika Bidadari, Kluang	Tadika	47	41	-	Lawatan Sahaja
5/3/2024	Selasa	9.00 pagi	Raffles American School	Sekolah Menengah	15	-	-	Bengkel Wau Merak Kecil
10/3/2024	Ahad	10.00 pagi	Paragon Educare	Sekolah Menengah	9	-	-	Bengkel Layang-Layang Kikik
21/3/2024	Khamis	9.00 pagi	Robertet Asia	Syarikat	27	-	-	Lawatan dan Bengkel (TB Syarikat)
7/4/2024	Ahad	6.00 pagi	Nafalia Corporation	Crew Production	2	-	1	Penggambaran Asia Express
30/4/2024	Rabu	9.00 pagi	Tadika Ehsan Jaya	Tadika	21	58	-	Lawatan dan Bengkel



TARIKH	HARI	MASA	NAMA	KATEGORI	DEWASA	KANAK-KANAK	BUKAN WARGA NEGARA	AKTIVITI
8/5/2024	Rabu	9.00 pagi	Politeknik Ibrahim Sultan	IPT	20	-	-	Lawatan dan Bengkel Layang-Layang Kikik
23/5/2024	Khamis	9.00 pagi	Tadika Nuri, Pasir Gudang	Tadika	7	42	-	Lawatan dan Bengkel
26/5/2024	Ahad	9.00 pagi	Pra Sekolah SK Pasir Gudang 3	Tadika	9	71	-	Lawatan dan Bengkel
27/5/2024	Isnin	10.00 pagi	Japan School, Johor Bahru	Sekolah Rendah	5	30	-	Lawatan dan Bengkel
7/6/2024	Jumaat	10.00 pagi	Kolej Universiti Selatan	IPT	22	-	-	Lawatan dan Bengkel
23/7/2024	Selasa	8.00 malam	Auditor STAR RATING SPB-PBT 2024	Agensi Kerajaan	4	-	-	Lawatan Sahaja (PERCUMA)
29/7/2024	Isnin	2.30 petang	Lawatan Retrospektif Hari Dinamika Landskap MBPG	Agensi Kerajaan	33	-	-	Lawatan Retrospektif Hari Dinamika Landskap MBPG (PERCUMA)
21/8/2024	Rabu	1.00 petang	Pejabat Kadi Kota Tinggi	Agensi Kerajaan	14	-	-	Lawatan EKSA (PERCUMA)
29/8/2024	Khamis	9.00 pagi	SJKT Pasir Gudang	Sekolah Rendah	5	30	-	Lawatan dan Bengkel Malay Kite
3/9/2024	Khamis	9.00 pagi	PEWAKAS, Jabatan Kastam Negeri Johor	Agensi Kerajaan	4	-	-	Lawatan Rasmi (PERCUMA)
18/9/2024	Rabu	10.30 pagi	Gereja Prebysterian	Persatuan	11	33	-	Lawatan
14/10/2024	Isnin	5.00 petang	Lawatan oleh Datuk Bandar MBPG	MBPG	5	-	-	Lawatan MBPG (PERCUMA)
16/10/2024	Rabu	10.00 pagi	Bendemeer Secondary School, Singapore	Sekolah Menengah	-	-	43	Lawatan Sahaja
22/10/2024	Selasa	10.00 pagi	The Experiences Firm, Singapore	Sekolah Menengah	-	-	50	Lawatan Sahaja
23/10/2024	Rabu	9.00 pagi	Kinderkaizen, Tampoi	Sekolah Tadika	5	25	-	Lawatan, Bengkel Layang-Layang Kikik dan Mewarna Seramik
29/10/2024	Selasa	10.00 pagi	Yishun Primary School, Singapore	Sekolah Rendah	-	-	96	Lawatan Sahaja
5/11/2024	Selasa	10.00 pagi	Yishun Primary School, Singapore	Sekolah Rendah	-	-	103	Lawatan Sahaja
14/11/2024	Khamis	9.30 pagi	ITE College Central, Singapore	Kolej	-	-	33	Lawatan sahaja
19/11/2024	Selasa	10.30 pagi	Little Caliph, Kulai	Tadika	5	24	-	Lawatan dan bengkel Layang-Layang Kikik
21/11/2024	Khamis	9.30 pagi	ITE College Central, Singapore	Kolej	-	-	33	Lawatan sahaja
27/11/2024	Rabu	9.00 pagi	SMK Foon Yew, Kulai	Sekolah Menengah	80	-	-	Lawatan dan bengkel Layang-Layang Kikik
27/11/2024	Rabu	10.30 pagi	Bintulu Development Association	Kerajaan	9	-	-	Lawatan Sahaja (Percuma)
3/12/2024	Selasa	8.30 pagi	Tadika Suria Senyum, Taman Rinting	Tadika	8	36	-	Lawatan Dan Bengkel Membuat Layang-layang Kikik
18/12/2024	Rabu	8.30 pagi	SJK (C) KULAI BESAR	Sekolah Rendah	4	30	-	Lawatan Dan Bengkel Membuat Layang-layang Kikik
19/12/2024 Hingga 30/12/2024	Khamis Hingga Selasa	10.00 pgj Hingga 10.00 mln	Festival Kraf Johor, Padang Akasia, Angsana Mall Johor Bahru	Agensi Kerajaan	-	-	-	Penyertaan Pameran Dan Jualan (Aktiviti Interaktif)
19/12/2024	Khamis	10.00 pagi	Perpustakaan Sultan Ismail, MBJB	Agensi Kerajaan	5	-	-	Lawatan Dan Bengkel Membuat Layang-layang Kikik
23/12/2024	Isnin	2.00 petang	Hari Terbuka Bersama Perpustakaan Sultan Ismail, MBJB	Agensi Kerajaan	-	-	-	Bengkel Membuat Layang-layang Kikik



PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

AKTIVITI PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

LAWATAN PELAJAR TADIKA KE PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG



Tadika Perpaduan

📅 22 Januari 2024



Tadika Pasti-Khauthar

📅 8 Februari 2024



Tadika Goshen

📅 21 Februari 2024

PROGRAM CUTI SEKOLAH BERSAMA PAPG 2024

KREATIVITI CANTING

📅 15 Februari 2024

📍 Muzium Layang-Layang Pasir Gudang

👤 25 Orang



SEW YOUR PLUSHIE

📅 18 Februari 2024

📍 Perpustakaan Awam Pasir Gudang

👤 20 Orang



PEACOCK LANTERN

📅 20 Februari 2024

📍 Perpustakaan Awam Pasir Gudang

👤 23 Orang





JAR OF CHOCO

- 22 Februari 2024
 Perpustakaan Awam Pasir Gudang
 27 Orang



TEROKA DUNIA TANAMAN

- 26 & 27 Februari 2024
 CB Bestari, Kampung Cahaya Baru
 20 Orang



TEROKA DUNIA HAIWAN

- 28 Februari 2024
 Sarang Buaya Pasir Gudang
 24 Orang



PROGRAM EASY QUIZ PAPG 2024

- 29 Mac hingga 9 April 2024
 Atas Talian

- Kuiz diadakan secara atas talian melalui laman sesawang Quizizz dengan mengimbas kod QR pada poster yang diiklankan di perpustakaan.
- Penyertaan dibuka kepada pengunjung pengunjung Perpustakaan Awam Pasir Gudang yang berumur 10-17 tahun.

Kuiz diadakan secara atas talian melalui laman sesawang Quizizz dengan mengimbas kod QR pada poster yang diiklankan di perpustakaan.

LAWATAN DARI PPD DAERAH PASIR GUDANG

- 18 April 2024
 Perpustakaan Awam Pasir Gudang
 70 Orang



Penglibatan murid-murid dan guru Pendidikan Khas daerah Pasir Gudang.



LAWATAN TADIKA/SEKOLAH: SK KONG-KONG LAUT

📅 12 Mei 2024

📍 Perpustakaan Awam Pasir Gudang

以人民为



LAWATAN TADIKA/SEKOLAH: TADIKA JUARA ARIF

📅 20 Mei 2024

📍 Perpustakaan Awam Pasir Gudang

以人民为



PROGRAM EASY QUIZ PAPG 2024

📅 29 Mei hingga 3 Jun 2024

📍 Atas Talian

- Kuiz diadakan secara atas talian melalui laman sesawang Quizizz dengan mengimbas kod QR pada poster yang diiklankan di perpustakaan.
- Penyertaan dibuka kepada pengunjung pengunjung Perpustakaan Awam Pasir Gudang yang berumur 10-17 tahun.
- Kuiz diadakan secara atas talian melalui laman sesawang Quizizz dengan mengimbas kod QR pada poster yang diiklankan di perpustakaan.

LAWATAN TADIKA/SEKOLAH: TADIKA EMAS NURANI

📅 5 - 6 Jun 2024

📍 Perpustakaan Awam Pasir Gudang

以人民为





PROGRAM AKTIVITI MEWARNA MENGGUNAKAN PASIR, KUIZ DAN AKTIVITI SAUK IKAN BERSEMPENA DENGAN HARI BUAYA SEDUNIA 2024

📅 10 Jun 2024
📍 Sarang Buaya Pasir Gudang



PROGRAM AKTIVITI MEWARNA DAN KUIZ BERSEMPENA PROGRAM DYNAMIC RUN 2024

📅 29 Jun 2024
📍 Atrium Pusat Bandar Pasir Gudang



PERTANDINGAN MELUKIS DAN MEWARNA SEMPENA FESTIVAL DINAMIKA HIJAU 2024

📅 27 Julai 2024
📍 Pentas Utama, Bukit Layang-Layang

Nama Aktiviti : Pertandingan Mewarna Tahap 1 (Sekolah Rendah)
Jumlah Penyertaan : 50 Peserta
Pemenang:

- | | |
|---|-----------------------|
| 1. Nur Tiara Binti Izkhairi Mohamad Nur | SK Taman Bukit Dahlia |
| 2. Qaisara Nur Damia Binti Zaidi | SK Kopok |
| 3. Rayqal Mohamad Bin Izkhairi | SK Pasir Gudang 2 |



Nama Aktiviti : Pertandingan Mewarna Tahap 2 (Sekolah Rendah)
Jumlah Penyertaan : 50 Peserta
Pemenang:

- | | |
|------------------------------------|-------------------|
| 1. Siti Nur Sumayyah Bt Mohd Asraf | SK Taman Scintex |
| 2. Nor Faiqah Saiful Azmi | SK Kota Masai 3 |
| 3. Muhammad Adam Bin Mohd Isam | SM Pasir Gudang 4 |



Nama Aktiviti : Pertandingan Melukis Dan Mewarna (Sekolah Menengah)

Jumlah Penyertaan : 50 Peserta
Pemenang:

- | | |
|-------------------------------------|--------------------|
| 1. Ros Azlin Fifiana Binti Rajali | SMK Nusa Damai |
| 2. Dahlia Aafia Binti Mohd Farid | SMK Nusa Damai |
| 3. Ahmad Danial Hazim Bin Mohd Azam | SMK Pasir Gudang 1 |





PROGRAM SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN 2024

Pertandingan Pakaian Beragam (Pra-Sekolah)

📅 19 Ogos 2024
📍 Atrium Kompleks Pusat Bandar
👤 17 Orang

Pemenang:

1. Nur Azrin Medina
2. Nur Aisy Dalili
3. Puteri Nur Arisyah



Pertandingan Deklamasi Sajak (Sekolah Rendah)

📅 19 Ogos 2024
📍 Atrium Kompleks Pusat Bandar
👤 13 Orang

Pemenang:

1. Muhammad Harraz Hakimi
2. Syafi Thaqif
3. Nur Batrisya Masdhia

SK Taman Bukit Dahlia
SK Kota Masai 2
SK Taman Cahaya Masai



PERTANDINGAN NYAYIAN PATRIOTIK (SEKOLAH MENENGAH)

📅 19 Ogos 2024
📍 Atrium Kompleks Pusat Bandar
👤 14 Orang

Pemenang:

1. Zuhairah Amanina Farhanah
2. Nur Qaseh Umairah
3. Nur Lidya Insyirah

SMK Kota Masai 2
SMK Taman Johor Jaya 1
SMK Taman Pelangi Indah



LAWATAN TADIKA/SEKOLAH: SJK(T) PASIR GUDANG

📅 27 2024
📍 Perpustakaan Awam Pasir Gudang





AKTIVITI PERTANDINGAN MEWARNA , KUIZ DAN AKTIVITI SAUK IKAN BERSEMPENA DENGAN PROGRAM CROC INTERAC 2024

📅 15 - 16 September 2024

📍 Sarang Buaya Pasir Gudang

Nama Aktiviti : Pertandingan Mewarna Kategori Prasekolah/Tadika

Jumlah Penyertaan : - Peserta

Pemenang:

1. Syazwana Emelda Binti Syafuan
2. Assyifa' Humaira Binti Mohd Asnul
3. Nazran Arsyad Bin Mohd Norhazril



Nama Aktiviti : Pertandingan Mewarna Kategori Tahap 1 (Sekolah Rendah)

Jumlah Penyertaan : - Peserta

Pemenang:

1. Nur Umairah Binti Abdul Muiz
2. Varshan A/L Mahanthren
3. Aqeel Zafri Bin Mat Daud



Nama Aktiviti : Pertandingan Mewarna Kategori Tahap 2 (Sekolah Rendah)

Jumlah Penyertaan : - Peserta

Pemenang:

1. Hadri Bin Norkhidzan
2. Safya Hana Binti Shafuan
3. Harith Darwisy Bin Sufian



LAPORAN PROGRAM CUTI SEKOLAH DI CB BESTARI 2024

Bengkel Membuat Layang-Layang

📅 19 September 2024

📍 Cb Bestari,Kampung Cahaya Baru

👤 28 Orang





Bengkel Mewarna Pasu Seramik

- 📅 19 September 2024
- 📍 CB Bestari, Kampung Cahaya Baru
- 👤 28 Orang



LAWATAN TADIKA/SEKOLAH: SK BANDAR SERI ALAM

- 📅 10 Oktober 2024
- 📍 Perpustakaan Awam Pasir Gudang



LAWATAN TADIKA/SEKOLAH: TADIKA AL-KAUTHAR EDUQIDS

- 📅 16 Oktober 2024
- 📍 Perpustakaan Awam Pasir Gudang



Aktiviti Pertandingan Mewarna Sempena Program Jom Santai Mancing Bersama Keluarga 2024

- 📅 12 Oktober 2024
- 📍 Tasik Dahlia Pasir Gudang





LAWATAN TADIKA/SEKOLAH: TADIKA AL-KAUTHAR EDUQIDS

16 Oktober 2024
Perpustakaan Awam Pasir Gudang
8 Cawangan Mybistari Group

BIL	TARIKH	WAKTU	TADIKA	JUMLAH PENYERTAAN	AKTIVITI
1	4 November 2024 (Isnin)	9.00 – 11.00 pagi	Tadika Hebat Jaya	43 orang pelajar 3 orang guru	1. Mewarna Topeng 2. Membuat Anyaman 3. Membaca Buku
2		12.00 – 2.00 petang	Tadika Hebat Ilmu	50 orang pelajar 4 orang guru	
3	5 November 2024 (Selasa)	9.00 – 11.00 pagi	Tadika Hebat Cemerlang	47 orang pelajar 4 orang guru	1. Mewarna Topeng 2. Membuat Anyaman 3. Membaca Buku
4		12.00 – 2.00 petang	Tadika Hebat Intelek	52 orang pelajar 4 orang guru	
5	6 November 2024 (Rabu)	9.00 – 11.00 pagi	Tadika Hebat Bijaksana	59 orang pelajar 5 orang guru	1. Mewarna Topeng 2. Membuat Anyaman 3. Membaca Buku
6		12.00 – 2.00 petang	Tadika Hebat Inovasi	27 orang pelajar 3 orang guru	
7	7 November 2024 (Khamis)	9.00 – 11.00 pagi	Tadika Hebat Pintar	68 orang pelajar 6 orang guru	1. Mewarna Topeng 2. Membuat Anyaman 3. Membaca Buku
8		12.00 – 2.00 petang	Tadika Hebat Genius	43 orang pelajar 5 orang guru	

Tadika Hebat Jaya



Tadika Hebat Bijaksana



Tadika Hebat Inovasi





Tadika Hebat Pintar



Tadika Hebat Genius



LAWATAN TADIKA/SEKOLAH: SK PASIR GUDANG 2



17 November 2024



Perpustakaan Awam Pasir Gudang



Orang



LAWATAN TADIKA/SEKOLAH: TADIKA CAHAYA MATA IMAN



26 November 2024



Perpustakaan Awam Pasir Gudang



Orang

PROGRAM EKSPLORASI DIGITAL SEMPENA HARI KANAK-KANAK DAN ASPREASI PUSAT SUMBER



28 November 2024



Perpustakaan Awam Pasir Gudang



22 Kumpulan

Program dengan Kerjasama SK Taman Pasir Putih





LAWATAN TADIKA/SEKOLAH: TADIKA KEMAS AIR BIRU

- 📅 2 Disember 2024
- 📍 Perpustakaan Awam Pasir Gudang
- 👤 Orang



LAWATAN TADIKA/SEKOLAH: TADIKA HANIS

- 📅 4 Disember 2024
- 📍 Perpustakaan Awam Pasir Gudang
- 👤 Orang



LAWATAN TADIKA/SEKOLAH: TADIKA QASEH INTELEK

- 📅 5 Disember 2024
- 📍 Perpustakaan Awam Pasir Gudang
- 👤 Orang



LAPORAN PROGRAM CUTI SEKOLAH

LAWATAN KE PETROSAINS PLAYSMArt DAN GO JB CHOCOLATE WORKSHOP

- 📅 22 Disember 2024
- 📍 Petrosains Playsmart Dan Go JB Chocolate Workshop
- 👤 36 Orang





LUMIERES CANDLE WORKSHOP

- 📅 23 Disember 2024
- 📍 Perpustakaan Awam Pasir Gudang
- 👤 25 Orang



CANTING BATIK

- 📅 24 Disember 2024
- 📍 CB Bestari
- 👤 28 Orang



• BAHAGIAN AUDIT DALAM DAN INTEGRITI

PENGENALAN

Unit Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. Pelaksanaan Audit Dalam adalah selaras dengan **Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1/2013**, di mana Unit Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas, yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi.

Objektif Unit Audit Dalam adalah untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematis dan berdisiplin dalam menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

Manakala **Unit Integriti** adalah sebagai focal point kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti dan merupakan usaha kawalan dalaman untuk menguruskan integriti dalam organisasi Seiring **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 (PP Bil. 6 Tahun 2013)**, keputusan Kerajaan dalam menubuhkan Unit Integriti adalah untuk memudahkan pihak pengurusan atasan dalam membendung dan menangani isu-isu yang berkaitan integriti.

Objektif penubuhan Unit Integriti adalah untuk menyepadukan semua pengurusan hal-hal yang berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus bertujuan supaya ia dapat dilaksanakan dengan secara lebih fokus dan terancang, agar elemen penginstitusian integriti, pencegahan, pematuhan dan pengesanan salah laku dapat dikuatkuasakan secara efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum.

Pada Januari 2021, Unit Integriti telah dipindahkan objektif serta fungsinya di bawah Bahagian Audit Dalam dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Jabatan.

CARTA OPERASI UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam dibahagikan kepada dua (2) seksyen iaitu Audit kewangan dan pengurusan serta Audit prestasi dan teknikal. Pecahan jabatan-jabatan yang diaudit (auditi) adalah dipecahkan mengikut seksyen audit:

A. Seksyen Audit Kewangan dan Pengurusan


- i. Jabatan Kewangan
- ii. Jabatan Penilaian
- iii. Jabatan Khidmat Pengurusan
- iv. Jabatan Pembangunan Masyarakat
- v. Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan
- vi. Jabatan Pengurusan Harta dan Komersial
- vii. Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam

B. Seksyen Audit Prestasi dan Teknikal

- i. Jabatan Kejuruteraan dan Lanskap
- ii. Jabatan Kesihatan Awam
- iii. Jabatan Kawalan Bangunan
- iv. Jabatan Perancang Bandar dan OSC
- v. Unit Pengurusan Kontrak



UNIT AUDIT DALAM



FUNGSI DAN PERANAN

Fungsi dan peranan Audit Dalam antara lain adalah:

- Mengkaji dan menilai kekuahan (*soundness*), kesempurnaan (*adequacy*), dan keboleh-percayaan (*reliability*) rekod-rekod, dan sistem-sistem perakaunan maklumat dan kawalan;
- Memastikan kepatuhan terhadap dasar-dasar, rancangan-rancangan, prosedur-prosedur, serta undang-undang dan peraturan-peraturan yang diwajibkan;
- Mengkaji kecekapan dan kekesaan program-program dan operasi-operasi; dan
- Memberi khidmat nasihat dan padangan audit ke atas prosedur dan kawalan dalaman.

PENCAPAIAN AUDIT 2024

BIL.	TAHUN	BILANGAN JURUAUDIT	AUDIT BIASA	AUDIT SUSULAN	AUDIT KHAS	JUMLAH LAWATAN SEBENAR	PERANCANGAN TAHUNAN	PENCAPAIAN %
1	Sehingga 31 Disember 2024	5	4	5	1	10	10	100%
KETERANGAN								
1	Audit Kewangan/Pengurusan Jabatan Khidmat Pengurusan Jabatan Kewangan Bahagian Teknologi Maklumat			3		3		100
2	Audit Prestasi/Teknikal Jabatan Kejuruteraan			1		1		100
3	Audit Khas			1		1		100
	Audit Susulan			5		5		100
4	Audit ISO 9001:2015			1		1		100
5	Audit Mengejut			2		2		100
6	Mesyuarat Jawatankuasa Audit			4		4		100



Prestasi pencapaian lawatan audit bagi suku keempat tahun 2024 adalah 100%. 4 audit biasa, 1 audit khas dan 5 audit susulan telah dijalankan bagi tempoh 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2024. Mesyuarat Jawatankuasa Audit juga telah dilaksanakan sebanyak 4 kali sepanjang tahun 2024. Tarikh mesyuarat adalah seperti berikut:

MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT	TARIKH
BIL 4/2023	24 Januari 2024
BIL 1/2024	21 April 2024
BIL 2/2024	21 Julai 2024
BIL 3/2024	10 November 2024

AKTIVITI UNIT AUDIT DALAM TAHUN 2024

Unit Audit Dalam telah menyertai 6 program sepanjang tahun 2024. Senarai program adalah sebagaimana berikut:

AUDIT PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015

- 5 -7 Februari 2024
 Dewan Cempaka, Aras 20, Menara Aqabah



Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd.

PROGRAM KOLOKUIM AUDIT DALAM NEGERI JOHOR ‘MEMPERKASAKAN PENGAUDITAN AUDIT DALAM’ TAHUN 2024

- 5 -7 Mac 2024
 Hatten Hotel, Melaka



Unit Audit Dalam di setiap PBT telah dijemput untuk menghadiri program Kolokium Audit Dalam Negeri Johor. Program Kolokium tersebut membincangkan tentang standard pengauditan dalaman dan pematuhan kepada arahan perbendaharaan dan keberkesanan jawatankuasa audit.

KURSUS AUDIT CABARAN DAN RISIKO AUDIT DALAM NEGERI JOHOR ANJURAN MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG

- 8-9 September 2024
 Lotus Desaru Beach Resort & Spa, Bandar Penawar



Unit Audit Dalam MBPG telah menyertai kursus Audit: Cabaran Dan Risiko Audit Dalam Negeri Johor.



AUDIT DALAMAN EKSA SESI 1 & SESI 2

- 📅 18-20 Ogos 2024 Sesi 1, 11-14 November 2024 Sesi 2
📍 Menara Aqabah MBPG



Sesi lawatan audit EKSA

PENGAUDITAN PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) TAHUN 2024

- 📅 21-25 Julai 2024
📍 Menara Aqabah MBPG



Sesi pengauditan dari panel inspektorat KPKT penilai SPB-PBT bagi negeri Johor .

ANUGERAH PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2024

- 📅 26 Oktober 2024
📍 Dewan Majlis Bandaraya Petaling Jaya



Pengiktirafan Penarafan Bintang Pihak Berkua Tempatan tempat ketiga kategori bandaraya .



UNIT INTEGRITI



FUNGSI DAN PERANAN

Fungsi dan peranan Audit Dalam antara lain adalah:

- Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan di Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG).
- Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti di MBPG.
- Membantu proses pengesanan dan pengesahan aduan/maklumat mengenai salah laku serta pelanggaran tatakelakuan warga kerja MBPG.
- Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku serta pelanggaran tatakelakuan warga kerja MBPG.
- Pemantauan ke atas pematuhan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa bagi memastikan tiada ruang dan peluang untuk melakukan kesalahan.
- Melaksanakan fungsi sebagai urus setia bagi mengendalikan Mesyuarat Tatatertib MBPG.

AKTIVITI UNIT INTEGRITI TAHUN 2024

Unit Integriti telah melaksanakan 15 program sepanjang tahun 2024. Senarai program adalah sebagaimana berikut:



MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH WARGA KERJA MBPG

1 Februari 2024

Dewan Muafakat Taman Mawar



MAJLIS PELANCARAN BUKU PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) MBPG 2024 – 2028

1 Februari 2024

Dewan Muafakat Taman Mawar



CERAMAH “KLIK DENGAN BIJAK: BAHANA MANIPULASI MEDIA” BERSAMA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA, PEJABAT NEGERI JOHOR

📅 1 Februari 2024
📍 Dewan Muafakat Taman Mawar



CERAMAH “MENGHARUNGI CABARAN: LEBARAN DIRAI” BERSAMA AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK) JOHOR

📅 06 Mac 2024
📍 Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah



BENGKEL SEMAKAN DOKUMEN SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (ABMS) BERSAMA SIRIM ACADEMY SDN BHD (STS SDN BHD)

📅 22-24 April 2024
📍 Renaissance Hotel



CERAMAH “GANGGUAN SEKSUAL, SKANDAL DAN HUBUNGAN TERLARANG” BERSAMA JABATAN PEMBANGUNAN WANITA NEGERI JOHOR

📅 14 Mei 2024
📍 Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah



TAKLIMAT INTEGRITI DI PROGRAM ORIENTASI WARGA KERJA BAHRU SESI 2023 – 2024

📅 28 Mei 2024
📍 Auditorium, Aras 3, Menara Aqabah



KURSUS JURUAUDIT DALAMAN ABMS BERSAMA Q MOTION RESOURCES

📅 11-12 Jun 2024
📍 Renaissance Hotel



SESI LIBAT URUS SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) BERSAMA MBPG

📅 18 Julai 2024

📍 Bilik Mesyuarat, Aras 4, Menara Aqabah



CERAMAH “LEBIH BAIK CEGAH” DAN PAMERAN BERSAMA AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN NEGERI JOHOR (AADK)

📅 7 Oktober 2024

📍 Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah



AUDIT PEMATUHAN 1 (SURVEILLANCE 1) SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (ABMS) ISO 37001:2016 OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.

📅 14-16 Oktober 2024

📍 MBPG



PROGRAM HARI INTEGRITI NASIONAL PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG 2024

📅 5 November 2024

📍 Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3,
Menara Aqabah



TAKLIMAT KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN & UJIAN SARINGAN AIR KENCING BERSAMA AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK) NEGERI JOHOR

📅 24 November 2024

📍 Auditorium, Aras 3, Menara Aqabah



CERAMAH KESALAHAN-KESALAHAN UTAMA BERDASARKAN AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 (AKTA 694) SEMPENA SAMBUTAN HARI ANTI RASUAH ANTARABANGSA (HARA) PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG)

📅 19 Disember 2024

📍 Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah



CERAMAH BERTAJUK “KESALAHAN – KESALAHAN UTAMA BERDASARKAN AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) 2009” KEPADA PIHAK INDUSTRI DI PASIR GUDANG BERSAMA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) NEGERI JOHOR

📅 19 Disember 2024

📍 Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah

PENCAPAIAN UNIT INTEGRITI TAHUN 2024

PENGIKTIRAFAN ANUGERAH GANGSA DALAM ANUGERAH INTEGRITI DAN GOVERNANS ANTIRASUAH (AIGA) 2023

📅 22 Februari 2024

📍 Dewan Sri Siantan, Perbadanan Putrajaya



PENYERAHAN SIJIL PENGHARGAAN SPRM KEPADA MBPG ATAS KEJAYAAN MEMPEROLEH SIJIL ABMS ISO37001:2016

📅 1 Februari 2024

📍 Dewan Muafakat Taman Mawar



• BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

FUNGSI BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

i. Perhubungan Strategik

- Mengurus, melaksanakan serta semakan Pelan Perancangan Strategik MBPG.
- Mengurus, menyertai dan melaksanakan urusan kualiti dan inovasi di MBPG.

ii. Penjenamaan Korporat

- Bertanggungjawab sebagai urusetia menyelaras, mengurus dan melaksanakan aktiviti di bawah Agenda Tempatan 21 (LA21).
- Mengurus dan melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan penjenamaan korporat MBPG.
- Menguruskan Galeri MBPG serta lawatan ke Galeri.

iii. Perkhidmatan Pelanggan dan Aduan

- Mengurus dan melaksanakan system pengurusan aduan di MBPG.
- Mengurus dan melaksanakan Mesyuarat Mingguan Aduan MBPG dan Mesyuarat Pengurusan Aduan MBPG.
- Mengurus dan memberi maklum balas kepada aduan daripada Sidang Undangan Negeri Johor.
- Mengurus dan memberi perkhidmatan kaunter khidmat pelanggan.

iv. Pengurusan Acara Korporat

- Mengurus dan menyediakan takwim tahunan MBPG.
- Mengurus dan memantau perancangan takwim tahunan MBPG.
- Mengurus dan melaksanakan program-program bersama pemegang taruh dalaman serta luaran MBPG,
- Mengurus dan melaksanakan program-program rasmi MBPG.
- Mengurus dan melaksanakan penyediaan Kalendar, Diari dan Kad raya MBP.

UNIT PENTADBIRAN

i. Kewangan dan Kualiti

- Mengemaskini dokumentasi berkaitan peruntukan tahunan BKPA.
- Bertanggungjawab membuat permohonan/sokongan bayaran melibatkan aktiviti BKPA.
- Mengurus dan menghantar permohonan kejayaan masa, tuntutan pejalanan serta keperluan BKPA.
- Mengurus dan menghantar permohonan cenderamata korporat.

ii. Hal Ehwal Pejabat

- Menguruskan urusan surat menyurat BKPA kepada pihak dalaman dan luaran MBPG.
- Menguruskan Manual Operasi dan Pelan Risiko BKPA.
- Mengurus hal ehwal kakitangan BKPA seperti mana kursus, tempahan hotel dan kendaraan dan sebagainya.
- Menguruskan penyimpanan fail surat-surat rasmi berkenaan BKPA.
- Menguruskan terimaan dan pengeluaran surat masuk dan keluar di BKPA.

UNIT MEDIA DAN KOMUNIKASI

i. Editorial Penerbitan

- Mengurus penyediaan dan pengeluaran Buletin/Laporan Tahunan dan apa-apa terbitan oleh MBPG.
- Mengurus dan menyediakan kenyataan media.
- Mengurus sidang redaksi terbitan MBPG.
- Mengurus dssn melaksanakan aktiviti Ekosistem Konduksif Sektor Awam (EKSA) MBPG.
- Mengurus sebarang lawatan luar dna alwatan EKSA ke MBPG.



ii. Media Massa

- Mengurus dan menyediakan video korporat MBPG.
- Mengemaskini dan menyediakan maklumat berkaitan di laman sesawang MBPG.
- Mengurus media sosial MBPG iaitu *facebook*, *Instagram*, *Tiktok* dan *Youtube*.
- Mengurus dan mengendalikan segmen di Radio Dynamic Pasir Gudang (RDPG)
- Mengurus dan mengendalikan Buletin video MBPG dan sebarang video hebahan terbitan MBPG.
- Menganalisa aduan, cadangan yang diterima melalui media sosial.
- Bertanggungjawab membuat hebahan acara kepada kakitangan dalaman dan luaran MBPG.

iii. Info Grafik

- Mengurus dan menyediakan template rasmi berkaitan MBPG seperti Ucapan Selamat, Notis Makluman, Slaid Pembentangan dan sebagainya.
- Mengurus grafik hebahan di media sosial MBPG iaitu Facebook, Instagram, Tiktok dan Youtube.
- Menyediakan grafik-grafik seperti gegantung/poster/kain rentang/latar pentas dan sebagainya bagi kegunaan jabatan di MBPG.
- Menerima arahan dari semasa ke semasa.


iv. Fotografi

- Mengurus dan melaksanakan tugas-tugas mengambil gambar di setiap Lokasi acara MBPG.
- Mengurus dan melaksanakan editorial gambar-gambar yang diambil sebelum dibuat hebahan.
- Bertanggungjawab menyediakan *copy writing* bagi setiap hebahan di media sosial MBPG.
- Mengurus dan menyediakan laporan pada setiap gambar-gambar yang diambil pada setiap acara yang dihadiri.
- Mengurus arkib digital MBPG.

UNIT ADUAN

JUMLAH ADUAN AWAM MBPG JANUARI HINGGA DISEMBER 2024


Sebanyak 6,569 aduan awam telah diterima dan direkodkan sepanjang tahun 2024. Data memaparkan jumlah aduan awam tertinggi adalah pada bulan Januari – 756 aduan, manakala jumlah aduan awam yang paling rendah adalah pada bulan April dan Oktober – 476 aduan.






JUMLAH ADUAN AWAM MENGIKUT JABATAN/BAHAGIAN/UNIT TAHUN 2024

Data memaparkan empat (4) jabatan yang menerima jumlah aduan awam tertinggi iaitu Jabatan Kejuruteraan sebanyak 2,335, Jabatan Penguatkuasa sebanyak 1,563, Jabatan Kesihatan Awam Persekutaran dan Pelesenan sebanyak 1,360 dan Bahagian Landskap dengan jumlah 1,300 aduan awam diterima dalam tahun 2024.




JUMLAH ADUAN KESELURUHAN TAHUN 2024

Data memaparkan beberapa kategori aduan dan bukan aduan yang diterima iaitu aduan, cadangan, pertanyaan, permohonan, penghargaan. Berdasarkan data yang tertera, menunjukkan bahawa Unit Pengurusan Aduan bukan sahaja menerima aduan awam tentang permasalahan yang timbul di kawasan sekitar Pasir Gudang, malah urusan lain yang melibatkan perkhidmatan utama MBPG juga diterima dan diselaraskan kepada jabatan/bahagian/unit yang berkaitan.





JUMLAH PERATUS ADUAN AWAM MBPG BAGI JANUARI HINGGA DISEMBER 2024



LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

LAWATAN RASMI KE MBPG

BULAN	TARIKH	DELEGASI
Januari	11/1/2024	Majlis Bandaraya Ipoh
Februari	8/2/2024	Majlis Perbandaran Kulai
	17 & 18/2/2024	Persatuan Penduduk Perumahan Awam Seri Sabah 3A
	20/2/2024	Majlis Bandaraya Ipoh
Mac	4/3/2024	Pejabat Kadi Daerah Kulai
April	-	
Mei	02/5/2024	Majlis Perbandaran Kuala Langat
Jun	30/6/2024	Majlis Bandaraya Kuantan Dan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
Julai	21/7/2024	Setiausaha Politik Kepada YAB Perdana Menteri Bersama Unit Wilayah Persekutuan Dan Kerajaan Tempatan Pejabat Perdana Menteri
	24/7/2024	Pasukan Panel Penilai SPB-PBT
Ogos	27/8/2024	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
September	-	
Okttober	15/10/2024	Setiausaha Politik Kepada YB Menteri Ekonomi, Kementerian Ekonomi
November	18/11/2024	Perbadanan Putrajaya
	28/11/2024	Unit Transformasi Dan Inovasi Sarawak, Jabatan Premier Sarawak
Disember	5/12/2024	Majlis Perbandaran Batu Pahat
	15/12/2024	Universiti Putra Malaysia
	16/12/2024	Majlis Perbandaran Kluang
	29/12/2024	Majlis Bandaraya Alor Setar



· Lawatan Majlis Bandaraya Ipoh, Perak



· Lawatan Majlis Perbandaran Kulai



· Lawatan Majlis Bandaraya Ipoh



· Lawatan Pejabat Kadi Daerah Kulai



· Lawatan Majlis Perbandaran Kuala Langat



· Lawatan Majlis Bandaraya Kuantan



· Lawatan Pejabat Setiausaha Politik kepada YAB Perdana Menteri Malaysia



· Lawatan Majlis Bandaraya Johor Bahru



· Lawatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya



· Lawatan Setiausaha Politik kepada Menteri Ekonomi, Kementerian Ekonomi



· Lawatan Perbadanan Putrajaya



· Lawatan Majlis Perbandaran Batu Pahat



· Lawatan Universiti Putra Malaysia (UPM)



· Lawatan Majlis Perbandaran Kluang



· Kunjungan hormat Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Yusri bin Haji Md Daud, Datuk Bandar Alor Setar, Majlis Bandaraya Alor Setar



LAWATAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) KE MBPG

BIL.	ANGESI/JABATAN	TARIKH
1	Lawatan EKSA dari ICT Johor Dan Planmalaysia Johor	21 Februari 2024
2	Taklimat EKSA di Pejabat Pendidikan Agama Daerah Johor Bahru	21 Mei 2024
3	Lawatan EKSA dari Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP)	13 Mei 2024
4	Lawatan EKSA dari JKR Malaysia Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri Johor	16 Mei 2024
5	Lawatan EKSA dari Politeknik Metro Johor Bahru Kementerian Pendidikan Tinggi	4 Julai 2024
6	Lawatan EKSA dari Majlis Perbandaran Alor Gajah	19 Ogos 2024
7	Lawatan EKSA dari Pejabat Pendidikan Islam Daerah Kota Tinggi dan Pejabat Jurutera Daerah, JKR Daerah Kota Tinggi	21 Ogos 2024
8	Lawatan EKSA dari Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dan Pejabat Pendidikan Islam Daerah Batu Pahat	28 Ogos 2024
9	Lawatan EKSA dari Pejabat Pendidikan Islam Daerah Johor Bahru	9 Oktober 2024
10	Lawatan EKSA dari Jabatan Kerja Raya Pontian	14 Oktober 2024
11	Lawatan EKSA dari Majlis Perbandaran Pontian	11 November 2024

Lawatan EKSA dari ICT Johor Dan Planmalaysia Johor



Taklimat EKSA di Pejabat Pendidikan Agama Daerah Johor Bahru



Lawatan EKSA dari Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP)





Lawatan EKSA dari JKR Malaysia Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri Johor



Lawatan EKSA dari JKR Malaysia Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri Johor



Lawatan EKSA dari Majlis Perbandaran Alor Gajah



Lawatan EKSA dari Pejabat Pendidikan Islam Daerah Kota Tinggi dan Pejabat Jurutera Daerah, JKR Daerah Kota Tinggi



Lawatan EKSA dari Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dan Pejabat Pendidikan Islam Daerah Batu Pahat



Lawatan EKSA dari Pejabat Pendidikan Islam Daerah Johor Bahru





Lawatan EKSA dari Jabatan Kerja Raya Pontian



Lawatan EKSA dari Majlis Perbandaran Pontian



AKTIVITI BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

MAJLIS PENYAMAPAIAN SIJIL EKSA MBPG

📅 1 Februari 2024
📍 Dewan Taman Mawar, Pasir Gudang



Majlis diadakan bersempena dengan Ikrar Bebas Rasuah 2024 dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang.

LAWATAN YANG BERHORMAT PENGURUSI JAWATANKUASA HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

📅 9 Januari 2024
📍 Pejabat Yang Berhormat Datuk Bandar Pasir Gudang





LAWATAN MAJLIS BANDARAYA IPOH KE KONTI RDPG

20 Februari 2024

Konti Radio Dynamic Pasir Gudang



Delegasi telah diberikan perkongsian taklimat dari En Mohd Syafiq Hanis Bin Hamli, Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam mengenai pembangunan Radio Dynamic Pasir Gudang (RDPG). Taklimat turut dihadiri oleh Puan Nurul Ashikin Binti Haji A. Jabar, Setiausaha, Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan Tuan Ahmad Munir Bin Ishak, Setiausaha, Majlis Bandaraya Ipoh.

MAJLIS BERBUKA PUASA MBPG BERSAMA MEDIA

24 Mac 2024

Hotel Grand Paragon, Johor Bahru



Yang Berhormat, Dato' Asman Shah Bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang telah menzahirkan hasrat untuk menganjurkan lebih banyak program bersama media agar hubungan di antara MBPG dan pihak media dapat dieratkan di dalam ucapannya ketika merasmikan majlis tersebut. Turut diadakan penyampaian sumbangan MBPG kepada tabung kemanusiaan Palestin Media Prima melalui wakil rasmi, Pengurus Negeri TV Media Prima Berhad, Wilayah Selatan.

KUNJUNG HORMAT SETIAUSAHA POLITIK KEPADA YAB PERDANA MENTERI KE MBPG

21 Julai 2024

Dewan Cempaka, Aras 20, Menara Aqabah, Pasir Gudang



Sesi lawatan telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Abdul Malek bin Mohamed, Timbalan Setiausaha, MBPG merangkap wakil rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang. Pembentangan dan perkongsian mengenai projek-projek pembangunan MBPG telah dibentangkan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan, MBPG. Turut hadir semasa sesi lawatan, Yang Berhormat Cik Liow Cai Tung, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Johor Jaya.



LAWATAN PENANDARASAN MEDIA KE MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

📅 4 November 2024
📍 Majlis Bandaraya Alor Setar



Sesi taklimat telah disampaikan oleh Encik Bohari Mad Yusof, Pengarah Jabatan Korporat dan Strategik MBAS. Sesi ini memberi pendedahan yang sangat berguna mengenai selok belok pelaksanaan penerbitan MBAS TV yang berperanan dalam menyebarkan informasi dan meningkatkan komunikasi antara MBAS dan komuniti setempat.

LAWATAN EKSA MBPG KE JABATAN KETUA MENTERI MELAKA (JKMM) DAN MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

📅 25 November 2024 (JKMM), 27 November 2024 (MBSA)
📍 Jabatan Ketua Menteri Melaka, Majlis Bandaraya Shah Alam



Sesi lawatan ini adalah memberi pendedahan kepada para peserta mengenai pelaksanaan EKSA diluar organisasi MBPG selain bertukar-tukar pandangan dengan Pihak Berkuasa Tempatan luar dan agensi Kerajaan yang lain bagi meningkatkan lagi dasar dan pelaksanaan EKSA di organisasi masing-masing.

PENCAPAIAN BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM



Penganugerahan Khas Juri Reka Bentuk Laman Sesawang Terbaik PBT Negeri Johor

📅 22 Oktober 2024



PENGANUGERAHAN KHAS JURI REKA BENTUK LAMAN SESAWANG TERBAIK PBT NEGERI JOHOR

📅 22 Oktober 2024



ANUGERAH CITA BAHASA PERINGKAT KEBANGSAAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)

📅 12 November 2024



Anugerah Cita Bahasa ini diberikan oleh DBP kepada agensi awam yang menunjukkan amalan penggunaan Bahasa Melayu yang tinggi (aras 5) dalam urusan sehari-hari mereka. Kriteria penilaian termasuk penyediaan dokumen rasmi, poster, iklan dan pencapaian penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari tahun 2013 hingga 2023.

ANUGERAH PETANDIGAN EKSA MBPG 2024

TEMPAT KE-14 KATEGORI MARKAH PURATA 90% DAN KE ATAS



**UNIT KORPORAT DAN KUALITI****ISO****BENGKEL PERSIAPAN KE ARAH PENSIJILAN INTEGRATED MANAGEMENT SYSTEM (IMS) MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG**

TARIKH	PERKARA
28-29 Julai 2024	Bengkel Pemahaman dan Pelaksanaan Integrated Management System (IMS).
28-29 Ogos 2024	Bengkel Pengenalan IMS, Pengurusan Risiko, Penubuhan Kaedah Risiko IMS
8-9 September 2024	Bengkel Pemahaman dan Pelaksanaan IMS ISO 14001 & ISO 45001
15-16 September 2024	Bengkel Undang-undang dan Lain-Lain Keperluan (OHS, EMS dan ABMS)
9-13 November 2024	Bengkel Pengenalan Aspek dan Impak Alam Sekitar
9 Disember 2024	Bengkel dan Konsultasi Dokumentasi ISO 9001, 14001, 37001 dan 45001
1-2 Januari 2025	Semakan Dokumen Manual ISO
24-26 Mac 2025	Bengkel Audit IMS
10-21 Mac 2025	Latihan Audit Dalam IMS

BENGKEL PERSIAPAN KE ARAH PENSIJILAN INTEGRATED MANAGEMENT SYSTEM MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG 2024/2025

25 Julai 2024 - 21 Mac 2025

Majlis Bandaraya Pasir Gudang

Seramai 50 orang pegawai yang terdiri daripada Ketua Jabatan / Bahagian / Unit serta Penolong Pegawai dan pegawai yang bertanggungjawab bagi setiap ISO telah menghadiri bengkel tersebut. Bengkel telah dikendalikan oleh En. Azhar Bin Dolah, dan Pn. Hafidzah Binti Abd Rahim, Juruperunding SIRIM Academy Sdn. Bhd.





BENGKEL AUDIT DALAM

BENGKEL PEMANTAPAN JURUAUDIT DALAM MBPG

📅 24 - 26 Februari 2025

📍 Hotel Grand Paragon, Johor Bahru

Bengkel pemantapan juruaudit dalam MBPG telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 46 orang juruaudit yang telah dilantik oleh Jawatankuasa Audit. Bengkel telah dikendalikan oleh perunding dari SIRIM Academy Sdn Bhd, Puan Hafidzah dan Encik Azhar.

Kandungan bengkel merangkumi sesi pengenalan kepada 4 ISO, latihan dan simulasi bagi beberapa jabatan yang telah dipilih bagi memantapkan hasil pengajaran dan pembelajaran. Sesi simulasi telah berlangsung di Menara Aqabah dan Stor Taman Mawar.



KIK

BENGKEL PEMANTAPAN DOKUMENTASI KIK (PERINGKAT NEGERI, KEBANGSAAN, ANTARABANGSA)

TAKLIMAT PENGENALAN DAN KEPENTINGAN KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF (KIK) KEPADA ORGANISASI.

📅 24 - 26 Februari 2025

📍 Hotel Grand Paragon, Johor Bahru



Diadakan bertujuan bagi kepentingan KIK kepada organisasi dalam menjana kecemerlangan di pelbagai peringkat dan penganjuran. Pengisian matlamat tersebut sebagai pendedahan secara asas perlu diberikan kepada warga kerja untuk membuka minda dan persepsi mereka terhadap salah satu elemen kualiti. Jemputan penceramah taklimat oleh Encik Kamaruzzaman Kasim dari pihak KZK Consulting.





PENYERTAAN KIK PERINGKAT NEGERI, KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

Penyertaan	: Peringkat Antarabangsa
Penganjur	: Indonesia Quality & Productivity Management & Association (IQPC)
Lokasi	: Manila, Filipina
Tarikh	: 10-12 September 2024
Kumpulan	: A.C.S (Jabatan Kesejahteraan Komuniti Dan Pelancongan)
Anugerah	: Excellent (Markah 90-100)



Penyertaan	: Peringkat Antarabangsa
Penganjur	: International Convention On Quality Control Circle (ICQCC) 2024/Colombo, Sri Lanka (Secara Atas Talian)
Lokasi	: Pulau Pinang, Malaysia
Tarikh	: 11-13 November 2024
Kumpulan	: Inspira (Jabatan Kewangan)
Anugerah	: Gold



Penyertaan	: Peringkat Antarabangsa
Penganjur	: International Convention On Quality Control Circle (ICQCC) 2024/Colombo, Sri Lanka (Secara Atas Talian)
Lokasi	: Pulau Pinang, Malaysia
Tarikh	: 11-13 November 2024
Kumpulan	: Technovators (Jabatan Penilaian Dan Pesuruhjaya Bangunan)
Anugerah	: Gold





Penyertaan	: Peringkat Kebangsaan
Penganjur	: Pertandingan Inovasi (Mala) 3.0 Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Piala YB Menteri KP KT Bagi Tahun 2024-2025
Lokasi	: Dewan Jubli Perak, Sultan Haji Ahmad Shah, Majlis Perbandaran Bentong, Pahang
Tarikh	: 20 Hingga 22 November 2024
Kumpulan	: Kumpulan Sinergi (Jabatan Kesihatan Awam, Persekitaran Dan Pelesenan)
Anugerah	: Kumpulan Sinergi Tidak Melepassi Ke Peringkat Akhir Pertandingan.



Penyertaan	: Peringkat Kebangsaan
Penganjur	: Pertandingan Inovasi (MALA) 3.0 Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Piala YB Menteri KP KT Bagi Tahun 2024-2025
Lokasi	: Dewan Jubli Perak, Sultan Haji Ahmad Shah, Majlis Perbandaran Bentong, Pahang
Tarikh	: 20 Hingga 22 November 2024
Kumpulan	: Kumpulan Trees (Jabatan Perancang Bandar Dan Lanskap)
Anugerah	: Kumpulan Trees Tidak Melepassi Ke Peringkat Akhir Pertandingan.



Penyertaan	: Peringkat Negeri
Penganjur	: Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Sektor Awam Negeri Johor 2024
Lokasi	: Dewan Banquet, Bangunan Sultan Ismail
Tarikh	: 28 Oktober 2024
Kumpulan	: Kumpulan Catalyst (Bahagian Korporat Dan Perhubungan Awam)
Anugerah	: Kumpulan Catalyst Tidak Melepassi Keperingkat Akhir Pertandingan.





PENYERTAAN KIK PERINGKAT NEGERI, KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

Penyertaan : Peringkat Negeri
Penganjur : Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Sektor Awam Negeri Johor 2024
Lokasi : Dewan Banquet, Bangunan Sultan Ismail
Tarikh : 28 Oktober 2024
Kumpulan : Kumpulan The Enforcement (Jabatan Penguasa)
Anugerah : Kumpulan The Enforcement Tidak Melepas Keperingkat Akhir Pertandingan.



• BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

FUNGSI UTAMA BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

UNIT PENASIHAT DAN PENGGUBALAN

Penasihat

- Memberi khidmat nasihat perundangan dalam melaksanakan operasi harian MBPG.
- Merancang strategi perundangan dengan pengurusan atasan dan Ahli Majlis.
- Mengadakan/memberikan latihan perundangan kepada pegawai-pegawai MBPG.

Semakan Perjanjian

- Memberikan khidmat menyediakan dan menyemak draf perjanjian atau surat cara.
- Mengurus lain-lain berkaitan penyediaan/semakan perjanjian atau surat cara yang diarahkan dari semsa ke semasa.

Penggubalan Warta

- Menggubal dan mewartakan undang-undang kecil/kaedah/peraturan/lain-lain sumber perundangan untuk diguna pakai di MBPG.

UNIT LITIGASI

- Mengendalikan tuntutan sivil yang dikemukakan oleh pihak ketiga terhadap MBPG/oleh MBPG terhadap pihak ketiga.
- Memantau pelaksanaan kerja peguambela/peguamcara yang mewakili MBPG dalam mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.
- Mengkaji kertas siasatan untuk tujuan pendakwaan.
- Menjadi pakar rujuk kepada Pegawai Penyiasat Jabatan/Bahagian/unit di MBPG dalam mengukuhkan kemahiran menyediakan kertas siasatan.

LAPORAN BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

K.P.I BAHAGIAN

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1	Memfailkan kertas pertuduhan, saman dan dokumen-dokumen lain dalam masa tujuh (7) hari bekerja selepas mendapat kebenaran daripada Datuk Bandar.	357
2	Menyediakan dan/atau menyemak draf perjanjian, memorandum persefahaman, dan surat cara perundangan yang lain dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh arahan diterima, sekiranya terma-terma perjanjian telah dipersetujui pihak-pihak dan maklumat yang diterima adalah lengkap.	64
3	Memaklumkan kepada wakil insurans dalam masa tiga (3) hari selepas penerimaan dokumen yang lengkap berkenaan tuntutan.	82

PENCAPAIAN-PENCAPAIAN BAHAGIAN

- Menerima Anugerah Ketua Zon Terbaik Program EKSA Tahun 2024 (KEDUA).
- Menerima Anugerah Zon Terbaik bagi Program EKSA Tahun 2024 (KETIGA).



BENGKEL PENYELARASAN UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING DAN RUMAH PEMBIAKAN ANJING 2024 BAGI TUJUAN PEWARTAAN DAN PEMAKAIAN DI PERINGKAT NEGERI JOHOR.


Bengkel Penyelarasan Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing 2024. Bengkel telah diadakan sebagaimana berikut :

- 📅 15 Julai 2024 (Isnin)
- ⌚ 8.00 pagi hingga 5.00 petang
- 📍 Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah,
Majlis Bandaraya Pasir Gudang, 81700 Pasir Gudang, Johor

Sesi bengkel ini diadakan bertujuan untuk menyemak dan menyelesaikan perkara-perkara berbangkit berkaitan penyediaan draf pindaan Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing 2024 bagi membolehkan undang-undang kecil ini diwartakan segera di peringkat negeri sebagaimana arahan Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Justeru itu, Bahagian Undang-Undang MBPG melalui Persatuan Pegawai Perundangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor (JURIS) dan pihak Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor telah bersetuju untuk menjemput kepada 16 PBT yang terlibat.

1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)
2.	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP)
3.	Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG)
4.	Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)
5.	Majlis Perbandaran Kluang (MPKLUANG)
6.	Majlis Perbandaran Kulai (MPKULAI)
7.	Majlis Perbandaran Muar (MPMUAR)
8.	Majlis Perbandaran Pontian (MPPONTIAN)
9.	Majlis Perbandaran Segamat (MPSEGAMAT)
10.	Majlis Perbandaran Pengerang (MPP)
11.	Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT)
12.	Majlis Daerah Labis (MDLABIS)
13.	Majlis Daerah Mersing (MDMERSING)
14.	Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR)
15.	Majlis Daerah Tangkak(MDTANGKAK)
16.	Majlis Daerah Yong Peng (MDYP)





AKTIVITI BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

AKTIVITI JUALAN LELONG SISA KENDERAAN BURUK DAN BARANG SITAAN PENGUATKUASAAN YANG TIDAK DITUNTUT DI BAWAH KESALAHAN UNDANG-UNDANG MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG) BIL. 1/2023.

- 🕒 130 Julai 2023
- 🕒 8:30 Pagi Hingga 1:00 Petang
- 📍 Ballroom Cempaka Jingga

1. Lelongan telah dijalankan oleh 3 orang pelelong Majlis Bandaraya Pasir Gudang yang telah dilantik oleh Datuk Bandar dan dibantu oleh 2 orang pelelong dari Majlis Bandaraya Johor Bahru.
2. Deposit lelongan barang sitaan akan dikenakan bayaran sebanyak RM100 untuk bidaan barang sitaan dan sebanyak RM1000 bagi deposit lelongan sisa kenderaan akan dikenakan. Wang deposit dipulangkan semula selepas lelongan selesai.
3. Sebanyak 70 barang sitaan, 853 barang sisa sitaan dan 53 buah kereta buruk dilelong semasa jualan lelong pada 30 Julai 2023. Setiap barang sitaan, barang sisa sitaan dan kereta buruk diasingkan mengikut lot yang telah ditetapkan.
4. Seramai tujuh (7) orang pembida yang telah memenangi bidaan bagi lelongan kereta buruk iaitu En. Rosli bin Hat, En. Ramli bin Kassim, Mr. Lum Wai Kong, Mr. Low Chee Wan, Mr. Lim Kah Wei, En. Muhamad Izuan bin Salim dan Mr. Low Eng Bee..
5. Seramai 11 orang pembida yang telah memenangi bidaan bagi lelongan barang sitaan iaitu En. Mohamad Firdaus bin Md Noor, En. Muhamad Izuan bin Salim, En. Mohamad Irwan bin Mhd Buang, En. Mohd Faizul Anuar bin Abdul Basek, En. Ahmaliza bin Ahmad, Mr. David A/L Kolandasamy, En. Rosli bin Hat Mr. Low Eng Bee, Pn. Siti Noraishah binti Othman, En. Muhd Syamil Ammar bin Hamzah dan En. Mohd Dahali bin Jalani.
6. Jualan lelongan sisa kenderaan buruk dan barang sitaan Penguatuasaan yang tidak dituntut di bawah kesalahan Undang-Undang MBPG Bil. 1/2023 bagi sesi 1 bagi barang sitaan adalah sebanyak RM 22,530.00. Manakala jumlah keseluruhan bagi sesi 2 bagi kereta buruk adalah sebanyak RM 11,100.00.
7. Pembida yang telah berjaya akan diberi tempoh selama 5 hari dari hari jualan lelong untuk menuntut barang yang berjaya dibida di Stor Penguatuasaan Taman Mawar.



• BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

FUNGSI BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

1. FUNGSI-FUNGSI

A. Seksyen Pengurusan Data Dan Aplikasi

- Pembangunan aplikasi/sistem.
- Penyelenggaraan aplikasi/sistem.
- Pengurusan data.
- Pengurusan perubahan, pembudayaan dan pelaksanaan inisiatif digital.
- Pengurusan emel.

B. Seksyen Perancangan Strategik Dan Tadbir Urus Ict

- Merangka dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik Pendigitalan MBPG.
- Penyediaan dan pemantauan bajet ICT.
- Pengurusan Mesyuarat (Jawatankuasa spesifikasi, Jawatankuasa Teknikal ICT MBPG, Jawatankuasa Pemandu ICT MBPG).
- Pematuhan audit dan kawalan kualiti ICT.
- Pengurusan perolehan dan pentadbiran.

C. Seksyen Infrastruktur Dan Keselamatan Siber

- Pengurusan keselamatan siber.
- Pengurusan pusat data dan bilik CCTV.
- Pengurusan rangkaian, peralatan rangkaian dan telekomunikasi.
- Pengurusan teknikal laman web rasmi MBPG.
- Pengurusan aset ICT.

2. APLIKASI BAHARU YANG DIBANGUNKAN SECARA OUTSOURCE DAN IN-HOUSE SEPANJANG TAHUN 2024

i. Pembangunan Sistem Secara Outsource

BIL.	APLIKASI	OBJEKTIF	PEMILIK SISTEM
1.	Membangun, Menghantar, Menguji Dan Mentauliah Sistem Pemantauan Projek Dan Pengurusan Persuratan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (Aplikasi Pemantauan Projek Dinamik)	<ul style="list-style-type: none"> Memudahkan kerja-kerja pemantauan projek oleh pihak pengurusan MBPG dalam memastikan projek yang dilaksanakan Jabatan/Bahagian/Unit mengikut tempoh yang dijadualkan. Memudahkan pengagihan surat-surat yang diterima untuk tindakan Jabatan/Bahagian/Unit. Memudahkan carian bagi surat-surat yang diterima. Memastikan bahawa sistem ini selaras dengan perkembangan teknologi terkini dan dapat diintegrasikan dengan sistem lain yang digunakan oleh organisasi. 	Pejabat Timbalan Setiausaha



ii. Pembangunan Sistem Secara IN-HOUSE


BIL.	APLIKASI	TARIKH PERLAKSANAAN	OBJEKTIF	PEMILIK SISTEM
1.	Membangun, Menghantar, Menguji Dan Mentauliah Sistem Pemantauan Projek Dan Pengurusan Persuratan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (Aplikasi Pemantauan Projek Dinamik)	26.6.2024	<ul style="list-style-type: none">Memudahkan Perekodan Data : Menyediakan platform digital untuk merekodkan maklumat penerima suntikan typhoid dengan lebih sistematik dan selamat.Memudahkan Pemantauan & Rujukan : Membolehkan petugas untuk menjelajah status suntikan seseorang dengan lebih mudah, seterusnya memastikan pematuhan terhadap peraturan kesihatan.Mempercepatkan Proses Pendaftaran & Pengesahan : Membantu petugas menguruskan data penerima dengan lebih pantas serta mengurangkan kesilapan dalam perekodan.	Pejabat Timbalan Setiausaha

3. LATIHAN ICT YANG DIANJURKAN OLEH BTM

A. Kursus Dalam Talian

- i. *How to create and customize applications using AppSheet's, interactive UI? Let's Join!*

17 Januari 2025



Kursus ini bertujuan untuk memberikan pemahaman kepada peserta mengenai cara membangunkan dan menyesuaikan aplikasi menggunakan Google AppSheet. AppSheet ialah platform tanpa kod (*no-code*) dalam Google Workspace yang membolehkan pengguna membangunkan aplikasi interaktif tanpa perlu menulis kod pengaturcaraan.

Kursus ini telah memberi manfaat kepada peserta dengan membolehkan mereka memahami serta menggunakan AppSheet untuk membina aplikasi yang sesuai dengan keperluan organisasi. Dengan kemahiran ini, peserta dapat meningkatkan produktiviti dan mengoptimumkan aliran kerja secara digital.

- ii. Ethical AI 101


3 April 2024.

Kursus Ethical AI 101 merupakan kursus atas talian yang bertujuan memberi pemahaman asas mengenai etika kecerdasan buatan (AI). Kursus ini menggunakan aplikasi Google Workspace untuk memudahkan pembelajaran dan interaksi antara peserta serta tenaga pengajar.



iii. *AI Revolution: Gemini & Vertex AI for the Future of Work*

xxxx 2024.



Kursus ini bertujuan untuk memberi pemahaman mendalam mengenai penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam dunia pekerjaan moden, dengan fokus kepada Google Gemini dan Vertex AI. Peserta didedahkan kepada aplikasi AI dalam meningkatkan produktiviti dan inovasi dalam organisasi.

B. Kursus Bersemuka

i. Kursus Mahir Microsoft Excel Dan Microsoft Power Point Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

20-21 Mei 2025
 Amansari Hotel



Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pegawai dalam menggalakkan dan mempertingkatkan lagi kemahiran ICT secara hand-on kepada anggota pekerja MBPG, memberi kesedaran kepada pentingnya ICT dan pendedahan sepenuhnya penggunaan perisian ini dan memupuk minat aktif untuk mempelajari ICT seterusnya melahirkan anggota pekerja MBPG yang cekap komputer. Selain itu kursus ini dapat memberi ruang kepada Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) sebagai landasan saluran ilmu ICT kepada anggota pekerja MBPG.

i. *K-Mahir Canva: Visual Suite For Everyone*

9 - 10 September 2025
 Hotel Opero Johor bahru



Dengan adanya kursus ini peserta boleh menjadi ‘pereka grafik’ yang kelihatan profesional serta-merta. mengenali kelebihan aplikasi Canva dalam penghasilan karya visual kreatif, menggunakan fungsi yang terdapat di dalam Canva, menghasilkan karya visual kreatif sendiri dan dapat menghasilkan poster, infografik gaya korporat, video animasi dan buku/slaid pembentangan yang lebih profesional dan menyerlah dengan trend aplikasi terkini.

• UNIT PENGURUSAN KONTRAK

FUNGSI UNIT PENGURUSAN KONTRAK


1. Mengurus dan mengendalikan segala prosedur dan pelaksanaan berkaitan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di bawah MBPG selaras dengan pekeliling kewangan (pra kontrak sahaja).
2. Menyediakan khidmat nasihat berkaitan ukur bahan di peringkat pra-kontrak dan pasca kontrak yang berkualiti dan disiapkan mengikut jadual pelaksanaan yang dipersetujui bersama.
3. Menjadi urus setia kepada jawatankuasa pembuka, penilaian, pemutus, spesifikasi dan rundingan harga bagi sebutharga/tender.
4. Menyedia dan menyemak dokumen meja tender, dokumen sebutharga/tender dan anggaran kos projek.
5. Menjual dokumen-dokumen sebutharga/tender kepada kontraktor yang berkelayakan.
6. Menyediakan surat setuju terima tender dan inden kerajaan serta pesanan kerajaan.
7. Mengendalikan pendaftaran kontraktor di dalam sistem pengurusan e-kontrak (SPeK).
8. Menyelaras dan manganalisa maklumbalas penilaian dan prestasi pembekal/kontraktor daripada jabatan pelaksana.
9. Mengurus dan menyelaras pembelian dan lantikan terus bawah RM50,000.00.
10. Mengurus pelantikan perunding pakar.

LAPORAN UNIT PENGURUSAN KONTRAK

JABATAN/BAHAGIAN/UNIT	JUMLAH SEBUTHARGA DILANTIK
Bahagian Korporat Dan Perhubungan Awam	2
Jabatan Bangunan	4
Jabatan Kejuruteraan	44
Jabatan Kesejahteraan Komuniti & Pelancongan	1
Jabatan Kesihatan Awam & Persekitaran	7
Jabatan Khidmat Pengurusan	10
Jabatan Penguatkuasaan	1
Jabatan Pengurusan Harta & Komersial	32
Jabatan Perancang Bandar & Landskap	11
Jumlah Keseluruhan	112




SEBUTHARGA DILANTIK




JABATAN/BAHAGIAN/UNIT	PERUNTUKAN KESELURUHAN SEBUTHARGA (RM)
Bahagian Korporat Dan Perhubungan Awam	147,887
Jabatan Bangunan	987,800
Jabatan Kejuruteraan	10,710,976.24
Jabatan Kesejahteraan Komuniti & Pelancongan	150,000
Jabatan Kesihatan Awam & Persekitaran	1,551,060.48
Jabatan Khidmat Pengurusan	2,308,983.44
Jabatan Penguatkuasaan	499,200
Jabatan Pengurusan Harta & Komersial	9,845,312.98
Jabatan Perancang Bandar & Landskap	3,665,190
Jumlah Keseluruhan	29,866,410.14



PERUNTUKAN SEBUTHARGA




JABATAN/BAHAGIAN/UNIT	JUMLAH TENDER DILANTIK
Jabatan Kejuruteraan	5
Jabatan Kesihatan Awam & Persekitaran	3
Jabatan Khidmat Pengurusan	1
Jabatan Pengurusan Harta & Komersial	2
Jabatan Penilaian & Suruhjaya Bangunan	1
Jabatan Perancang Bandar & Lanskap	15
Jumlah Keseluruhan	27





JABATAN/BAHAGIAN/UNIT	PERUNTUKAN KESELURUHAN TENDER (RM)
Jabatan Kejuruteraan	5,834,833
Jabatan Kesihatan Awam & Persekitaran	3,436,239
Jabatan Khidmat Pengurusan	1,100,000
Jabatan Pengurusan Harta & Komersial	2,262,634
Jabatan Penilaian & Suruhjaya Bangunan	905,760
Jabatan Perancang Bandar & Landskap	17,205,522.26
Jumlah Keseluruhan	30,744,988.26

PERUNTUKAN TENDER



■ Jumlah Peruntukan

• UNIT PUSAT SEHENTI (OSC)

FUNGSI UNIT PUSAT SEHENTI

1. Menyelaras dan memantau permohonan cadangan pemajuan.
2. Memastikan pengurusan proses pemajuan mematuhi prosedur dan peraturan sebagaimana ketetapan undang-undang.
3. Meneliti permohonan yang diterima memenuhi kehendak asas atau syarat-syarat yang ditetapkan.
4. Membuat edaran permohonan cadangan pemajuan kepada agensi/jabatan teknikal berkenaan untuk diproses.
5. Mengumpul dan menyelaras kertas perakuan yang disediakan oleh Jabatan Memperaku untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC.
6. Menetapkan tarikh mesyuarat dan memastikan ianya diadakan dua (2) kali sebulan.
7. Mengedarkan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk dimaklumkan ke Mesyuarat Majlis Penuh PBT.
8. Mengedar keputusan rasmi kepada pemohon dan jabatan/ganensi teknikal.
9. Menyelaras pelaksanaan IPMC (Industrial Park Management Committee) dan Program Mesra Industri (PMI) di peringkat MBPG.
10. Menyelaras program rejuvenasi Pasir Gudang.

LAPORAN UNIT PUSAT SEHENTI

DATA PEMAJUAN PERMOHONAN YANG TELAH DIBAWA KE MESYUARAT JAWATANKUASA OSC MBPG TAHUN 2024

BIL.	JENIS PELAN PERMOHONAN	JUMLAH PEMOHONAN
1.	Kebenaran Merancang	87
2.	Pelan Bangunan	100
3.	Kerjatanah	29
4.	Jalan dan Perparitan	37
5.	Lampu Jalan	14
6.	Landskap	16
7.	Nama Taman, Jalan dan Bangunan	18
8.	Skim Komuniti Selamat	14
9.	Permit Pemancar Telekomunikasi	9
JUMLAH PERMOHONAN KESELURUHAN		324



DATA PEMAJUAN PERMOHONAN MELALUI INISIATIF JOHOR FAST LANE (JFL) MBPG TAHUN 2024

1. TETUAN FIMA BULKING SERVICES SDN BHD

TAJUK:

Cadangan Membina Terminal Tangki Penyimpanan Produk Minyak Sawit Di Atas Sebahagian Ptd 5616, Jalan Nibong 8, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Mukim Sungai Tiram, Daerah Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.

Nilai Pelaburan Keseluruhan	RM119 Juta
Jumlah Pekerja Mahir	16 Orang
Jumlah Pekerja Tidak Mahir	19 Orang
Keluasan Keseluruhan Tapak	7.284 Hektar / 17.99 Ekar
Keluasan Pembinaan	4,755.80 mp
Tarikh Keputusan Mesyuarat J/K Osc	7 Januari 2024
Anggaran Siap Bina	1 Januari 2025
Status Pembinaaan	Dalam Pembinaan 98%
Tarikh Borang F	-



2. TETUAN COSMOS PERSONAL CARE (MALAYSIA) SDN BHD

TAJUK:

Cadangan Pembangunan Perindustrian (Pembuatan Bahan Kimia) Di Atas Ptd 5046, Jalan Teruntum 2, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Mukim Sungai Tiram, Daerah Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.

Nilai Pelaburan Keseluruhan	RM147 Juta
Jumlah Pekerja Mahir	130 Orang
Jumlah Pekerja Tidak Mahir	20 Orang
Keluasan Keseluruhan Tapak	8.094 Hektar/20 Ekar
Keluasan Pembinaan	22,593.20 mp
Tarikh Keputusan Mesyuarat J/K Osc	25 April 2024
Anggaran Siap Bina	25 Oktober 2025
Status Pembinaaan	Dalam Pembinaan 80%
Tarikh Borang F	-





3. TETUAN TIANMA PRECISION SDN. BHD.

TAJUK:

Tujuan Membina Sebuah Kilang Pembuatan 'Bearing' Jalan Bakau 5, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Mukim Sungai Tiram, Daerah Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.

Nilai Pelaburan Keseluruhan	RM300 Juta
Jumlah Pekerja Mahir	110 Orang
Jumlah Pekerja Tidak Mahir	50 Orang
Keluasan Keseluruhan Tapak	31.063 Ekar
Keluasan Pembinaan	125,706 mp
Tarikh Keputusan Mesyuarat J/K Osc	25 November 2024
Anggaran Siap Bina	25 November 2025
Status Pembinaan	Dalam Pembinaan 15%
Tarikh Borang F	-



4. TETUAN AVENUE CAPITAL SDN. BHD.

TAJUK:

Cadangan Gudang Sesebuah (Untuk Tujuan 'Construction Chemicals & Industrial Mortar') Di Atas Ptd 4561, Jalan Rumbia 2, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Mukim Sungai Tiram, Daerah Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.

Nilai Pelaburan Keseluruhan	RM35 Juta
Jumlah Pekerja Mahir	5 Orang
Jumlah Pekerja Tidak Mahir	5 Orang
Keluasan Keseluruhan Tapak	6.34 Ekar
Keluasan Pembinaan	24,280 mp
Tarikh Keputusan Mesyuarat J/K Osc	9 Disember 2024
Anggaran Siap Bina	9 Disember 2025
Status Pembinaan	Dalam Pembinaan 48%
Tarikh Borang F	-





5. TETUAN PRESTASI FLOUR MILL SDN BHD

TAJUK:

Cadangan Membina Kilang Memproses Tepung Di Atas Ptd 109059, Jalan Besi, Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.

Nilai Pelaburan Keseluruhan	RM 135 Juta
Jumlah Pekerja Mahir	40 Orang
Jumlah Pekerja Tidak Mahir	30 Orang
Keluasan Keseluruhan Tapak	5.69 Ekar
Keluasan Pembinaan	23,026.44 mp
Tarikh Keputusan Mesyuarat J/K Osc	23 Disember 2024
Anggaran Siap Bina	23 Disember 2025
Status Pembinaaan	Dalam Pembinaaan 5%
Tarikh Borang F	-



• ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN



Pengiktirafan Diamond Kategori Rakan Kongsi bagi On Rendah Karbon LC ZON 1 PASIR GUDANG sempena Majlis Anugerah Bandar Rendah karbon 2023.

 7 Februari 2024



Anugerah Khas bagi Pengurangan Karbon Tertinggi (Kategori Zon) sempena Majlis Anugerah Bandar Rendah karbon 2023.

 7 Februari 2024



Pengiktirafan Anugerah Gangsa dalam Anugerah Integriti dan Governans Antirasuah (AIGA) 2023.

 7 Februari 2024





Anugerah Malaysia Book Of Record di atas pengiktirafan pameran pokok Tanduk Rusa terbesar di Malaysia sempena Festival Dinamika Hijau Pasir Gudang 2024.

28 Julai 2024



Anugerah Malaysia Book Of Record di atas pengiktirafan festival lampu terbesar di Malaysia dengan penggunaan 1.4 juta mentol lampu LED sempena Festival Dinamika Hijau Pasir Gudang 2024.

7 Februari 2024



Kontinjen perarak dan perbarisan MBPG berjaya merangkul Johan bagi beberapa kategori semasa Sambutan Hari Kebangsaan Ke-67 Peringkat Daerah Johor Bahru. Antara kategori tersebut adalah:

1. Johan Pakaian Dan Uniform Terbaik Kategori Jabatan Kerajaan
2. Johan Perbarisan Terbaik Kategori Jabatan Kerajaan
3. Johan Keseluruhan Majlis Perbarisan Dan Perarakan Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Johor Bahru 2024

31 Ogos 2024





Kumpulan Keroncong MBPG muncul juara mengatasi 17 buah pasukan dalam Pertandingan Keroncong Antarabangsa Malaysia 2024 (MIKC) yang berlangsung di Batu Layar Tanjung Sepat Kuala Langat Selangor.

📅 6 September 2024



Anugerah Excellent (Markah 90-100) Sempena Konvensyen International Quality & Productivity Convention (IQPC) 2024 di Manila, Filipina diraih oleh kumpulan A.C.S (Produk:ACS Water Filter).

📅 10-12 September 2024



Pengiktirafan PBT Cemerlang Kempen Kesihatan Persekutuan KPKT 2024 di dalam kategori Kempen Cegah Wabak Denggi.

📅 8 Oktober 2024



Anugerah Agensi Teraktif bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) sempena Penganjuran Seminar Kebangsaan Pemerkasaan Komuniti 2024 (SKPK'24).

15 Oktober 2024



Anugerah Apresiasi Kepada Komuniti (Kebun Komuniti Pasir Gudang) sempena Penganjuran Seminar Kebangsaan Pemerkasaan Komuniti 2024 (SKPK'24).

15 Oktober 2024



Penganugerahan Khas Juri Reka Bentuk Laman Sesawang Terbaik PBT Negeri Johor.

22 Oktober 2024



Tempat ketiga kategori bandaraya bersempena Anugerah Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2024.

📅 22 Oktober 2024



Anugerah Bandar Paling Mampan 2024 bersempena dengan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 bertempat di Hotel Everly, Putrajaya. Penganugerahan ini berdasarkan kepada pengukuran Jaringan Penunjuk Bandar Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets) bagi tahun 2024.

📅 28 Oktober 2024



Anugerah penarafan bandar pintar Malaysia tahap 1: early Adopter 2024 bersempena dengan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 bertempat di Hotel Everly, Putrajaya.

📅 28 Oktober 2024





Anugerah Citra Bahasa 2024 sempena Majlis Apresiasi Anugerah Citra DBP 2024.

12 November 2024



Kumpulan INSPIRA dari Jabatan Kewangan MBPG meraih anugerah Gold bersempena 49th International Convention On Quality Control Circle (ICQCC) 2024 anjuran Sri Lanka Association for the Advancement of Quality and Productivity (SLAAQP).

12 November 2024



Kumpulan TECHNOVATORS dari Jabatan Penilaian dan Pesuruhjaya Bangunan MBPG meraih anugerah Gold bersempena 49th International Convention On Quality Control Circle (ICQCC) 2024 anjuran Sri Lanka Association for the Advancement of Quality and Productivity (SLAAQP).

12 November 2024



Kumpulan PARAMETRIC dari Jabatan Bangunan MBPG meraih anugerah Gold bersempena 49th International Convention On Quality Control Circle (ICQCC) 2024 anjuran Sri Lanka Association for the Advancement of Quality and Productivity (SLAAQP).

12 November 2024



E-LAPORAN TAHUNAN 2023
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



Majlis Bandaraya Pasir Gudang

Menara Aqabah,
Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang,
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

Tel.: 07-254 7777, 07-251 3720/22, 07-251 2021
Faks: 07-251 5260

Majlis Bandaraya Pasir Gudang

majlisbandarayapg_official

www.mbp.pg.gov.my